KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

e-Buletin

Diterbitkan sejak 1932 ماجوتن

MAJUTAN

Edisi Julai - Disember 2025

Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



ANUGERAH BANCI PERTANIAN



KARNIVAL HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR



PROGRAM HIKING MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

BULETIN MAJUTAN 2025

JULAI-DISEMBER

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2025

PENASIHAT

YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

YBrs. Encik Muhamad bin Abdullah

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Jawatankuasa Majutan 2025

- Puan Nor Halizah binti Abd Halim
- Puan Ainina Khairunnisa binti Othman
- Encik Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
- Encik Leonardo Kelly bin Maluni

Wakil Jawatankuasa Negeri

- Puan Asfaezzah binti Ab Karim (JPN Johor)
- Puan Razlina Ermi binti Rejab (JPN Kelantan)
- Puan Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- Encik Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali (JPN Melaka)
- Puan Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib (JPN Negeri Sembilan)
- Puan Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin (JPN Pahang)
- Encik Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti (JPN Perlis)
- Puan ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi(JPN Pulau Pinang)
- Puan Debora Belawan (JPN Selangor)
- Puan Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- Encik Firdaus bin Mohd Rajis (JP Wilayah Persekutuan)



Kata Alu-aluan Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-Buletin MAJUTAN Edisi Julai - Disember 2025 dapat disempurnakan dan diterbitkan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-Buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama telah dijalankan antaranya adalah Anugerah Banci Pertanian, Karnival Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor, Program Hiking Merdeka Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan serta aktiviti-aktiviti lain.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan/Kelab

- Puan Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Puan Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Puan Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Puan Nurul Hidayah binti Hadzuha (BLH)
- Encik Faiz Aiman bin Ashadri (BSB)
- Puan Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik (BEP)
- Puan Nurfahana binti Ahmad (BHA)
- Encik Mohd Suruzee bin Yaakub (BKH)
- Encik Mohamad Shahril bin Zulkifli (BPM)
- Encik Mohd Khairul Shahril bin Mustaq Ahmad (BKP)
- Encik Gana Raj anak Katharadan (BPK)
- Encik Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- Encik Afiq bin Mohd Affandi (BPP)
- Puan Alisah binti Simin (UKKPA)
- Encik Muhammad Rizal bin Abd. Rahim (UIP)
- Puan Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- Puan Noor Azrien binti Zainon (PKSIP)

JPN JOHOR

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	12 JULAI 2025	PROGRAM TRANS GUNUNG PULAI ULTRA 2025	1
2	25 JULAI 2025	SESI TAKLIMAT PERLAKSANAAN PROJEK *BLUE CARBON* DI NEGERI JOHOR DAN LAWATAN KE KOMPLEKS BERSEPADU PENGERANG	2
3	2 OGOS 2025	*TREE PLANTING OUTREACH COLLABRATION BETWEEN* JPNJ AND MSM *REFINERY* (JOHOR) SDN. BHD.	3
4	14 OGOS 2025	LAWATAN KERJA BAGI PEMBANGUNAN SANTUARI IKAN TAMAN EKO RIMBA (TER) SUNGAI BANTANG, SEGAMAT DAN HUTAN TAMAN NEGERI (HTN) AYER HITAM UTARA, MUAR	4
5	19 - 22 OGOS 2025	LAWATAN PENANDA ARAS RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI JOHOR 2026-2035	5
6	23 OGOS 2025	PROGRAM GUNUNG ARONG *CHALLENGE* 2025 (GAC 2025)	6
7	25 OGOS 2025	MAJLIS AMANAT DAN SESI DIALOG KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA PEGAWAI KANAN JPNJ	7
8	23 OKTOBER 2025	KARNIVAL HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025	8
9	7 - 9 NOVEMBER 2025	PROGRAM EKSPLORASI DAN KONSERVASI HUTAN LIPUR GUNUNG BELUMUT 2025	9
10	10 NOVEMBER 2025	PROGRAM *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) "*PDG SUSTAINABILITY ENVIRONMENT INITIATIVE*" DI TAMAN EKO RIMBA (TER) GUNUNG PULAI 1, DAERAH KULAI	10
11	15 NOVEMBER 2025	PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) AFFIN BANK DI TER GUNUNG BELUMUT	11

PROGRAM TRANS QJM GUNUNG PULAI ULTRA 2025

Disediakan oleh: Muhammad Syakirin bin Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KULAI, 12 JULAI 2025

Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2025 telah diadakan di Hutan Simpan Gunung Pulai, Kulai merupakan program larian denai kali kedua yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor, *Mountain Goat Events* dan Kelab Aktiviti Luar Ribuan Kembara Negeri Johor. Objektif program ini bagi menggalakkan gaya hidup sihat disamping merancakkan sosio-ekonomi setempat berteraskan ekopelancongan dan kelestarian alam. Para peserta telah memulakan larian daripada Dataran Tempat Letak Kenderaan, Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai sebelum meneruskan cabaran pendakian ke puncak Gunung Pulai dengan ketinggian 654 meter dari aras paras laut (a.p.l.). Bagi edisi kedua ini, sebanyak lima (5) kategori yang dipertandingkan iaitu 5 kilometer (KM), 10 km, 20 km, 30 km dan 50 km merangkumi Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran Terbuka, Perempuan Veteran Terbuka dan satu (1) pengiktirafan kategori *Golden* Veteran kepada peserta yang berumur melebihi 60 tahun.



Sesi bergambar bersama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Ketua WHIP, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)

Acara pelepasan (*flag-off*) peserta telah dimulakan seawal jam 3:00 pagi bagi kategori 50 km melibatkan seramai 125 orang peserta diikuti dengan pelepasan kategori 30 km pada jam 5:15 pagi melibatkan seramai 161 orang peserta. Manakala, bagi kategori 20 km memulakan larian pada jam 7:00 pagi dengan penglibatan seramai 311 orang peserta. Pada jam 8:00 pagi bagi kategori 10 km dengan penyertaan seramai 378 orang peserta dan kategori 5 km pada jam 9.00 pagi dengan penyertaan 26 orang peserta yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, YBrs Tuan Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta YBrs En. Fadil Misnan, Ketua WHIP, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan turut diiringi oleh pegawai-pegawai kanan jabatan serta agensi.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat diatas komitmen menjayakan Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2025.



Acara pelepasan (*flag-off*) peserta telah dimulakan seawal jam 3:00 pagi bagi kategori 50 km dan diikuti dengan pelepasan kategori 30 km pada jam 5:15 pagi yang disempurnakan oleh En. Ahmad Meisery bin Abd Hakim, Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan



Kedatangan Yang Berbahagia Tuan Fizwan Bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai, bagi menyempurnakan dan menjayakan ProgramTrans QJM Gunung Pulai Ultra 2025



Sesi bergambar para peserta Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2025 bagi kategori 10 km bersama YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, sebelum memulakan acara larian denai



Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan bersama Yang Berbahagia Tuan Fizwan Bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai, dan YBrs. Tuan Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SESI TAKLIMAT PERLAKSANAAN PROJEK *BLUE CARBON* DI NEGERI JOHOR DAN LAWATAN KE KOMPLEKS BERSEPADU PENGERANG

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

PENGERANG, 25 JULAI 2025

Satu sesi taklimat pelaksanaan Projek Kajian *Blue Carbon* di Negeri Johor dan lawatan ke Kompleks Bersepadu Pengerang oleh Delegasi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Taklimat dan lawatan ini diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Perhutanan Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan dari JPSM serta Jabatan Perhutanan Negeri.

Lawatan ini telah disambut oleh pihak Pengerang *Integrated Complex* (PIC) diketuai oleh Pn. Giulia Sartori, *Senior General Manager Group Corporate Sustainability*, PETRONAS, Pn. Ezrin Johanna binti Elias *General Manager*, *Nature Based Solution*, Tg. Noraida binti Tg. Mahmood *Head of Operations*, Yayasan PETRONAS, En. Adzahar Bin Omar, *Senior Manager Nature Base Solution*, En. Mohd Haizam Idris *Manager Stakeholder Management Group Corporate* dan Pegawai Pegawai kanan PETRONAS dari PIC, Pengerang.

Delegasi dari JPSM telah diberi penerangan tentang *The Blue Carbon Collective Project* by PETRONAS dan *Nature Based Solutions*. Selain itu pihak JPSM juga telah dibawa melawat kawasan *One Team One Goal Centre* PIC, Pengerang.



Sesi bergambar bersama YBhg. Roslan bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) IPJPSM, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Perhutanan Negeri serta pegawai-pegawai kanan dari JPSM serta Jabatan Perhutanan Negeri di Pengerang *Integrated Complex* (PIC)



Sesi taklimat mengenai Perlaksanaan Projek *Blue Carbon* di Negeri Johor dan lawatan ke Kompleks Bersepadu Pengerang bersama YBhg. Dato' Haji Roslan bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) serta pegawai-pegawai kanan JPNJ



Sesi penyampaian cenderahati bersama YBhg. Dato' Haji Roslan bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) bersama pihak Pengerang *Integrated Complex* (PIC) diketuai oleh Pn. Giulia Sartori, *Senior General Manager Group Corporate Sustainability*, PETRONAS

TREE PLANTING OUTREACH COLLABRATION ANTARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DENGAN SYARIKAT MSM REFINERY (JOHOR) SDN. BHD.

Disediakan oleh: Arifhadi bin Johari Affandi
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 2 OGOS 2025

Syarikat MSM Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah telah berjaya menganjurkan program *Tree Planting Outreach* di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut Kluang pada 2 Ogos 2025.

Program ini telah disertai seramai 40 orang peserta dari Syarikat MSM Refinery (Johor) Sdn. Bhd dan 15 orang kakitangan Pejabat Hutan Derah Johor Tengah. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan konservasi hutan melalui aktiviti penanaman pokok dan pembersihan sampah di kawasan Taman Eko Rimba. Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang program ini adalah penanaman anak pokok, pembersihan kawasan TER dan perkongsian ilmu hutan (pengenalan spesies pokok dan herba). Peserta bukan sahaja menikmati keindahan hutan malah secara langsung menyumbang kepada usaha pemulihan ekosistem melalui penanaman pokok dan usaha menjaga kebersihan di kawasan ekopelancongan. Program ini menjadi platform strategik untuk Syarikat MSM Refinery (Johor) Sdn. Bhd berganding bahu bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk memperkukuh hubungan dan imej korporat sebagai penyokong utama alam sekitar.

Peserta program ini telah menanam sebanyak 200 anak pokok dari spesies Damar hitam kelim (*Shorea blumutensis*), Meranti seraya (*Shorea curtisii*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Bintangor daun panjang (*Calophyllum incrassatum-hand*) dan Perah (*Elateriospermum tapos*) di sekitar Taman Eko Rimba Gunung Belumut. Semoga usaha kecil penghijauan hutan melalui program ini akan dapat memberi impak yang besar dalam memelihara ekosistem alam semula jadi serta mengekalkan keindahan khazanah hutan kita untuk diwarisi generasi akan datang.



Sebahagian para peserta yang terlibat di dalam penanaman pokok kali ini



Sesi taklimat dan bacaan doa sebelum bermulanya aktiviti penanaman pokok



Sesi bergambar setelah selesai program penanaman pokok



Aktiviti penanaman pokok yang telah dijalankan

LAWATAN KERJA BAGI PEMBANGUNAN SANTUARI IKAN DI TAMAN EKO RIMBA (TER) SUNGAI BANTANG, SEGAMAT DAN HUTAN TAMAN NEGERI (HTN) AYER HITAM UTARA, MUAR

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SEGAMAT, 14 OGOS 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Perikanan Negeri Johor telah mengadakan lawatan kerja di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Segamat bagi membangunkan santuari ikan Kelah disamping memberi pendedahan terhadap usaha konservasi kemandirian ikan asli tempatan, pemeliharaan alam sekitar dan menjadi nilai tambah kepada sektor ekopelancongan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Johor dan Daerah Segamat.

Pelepasan ikan Kelah telah dirasmikan oleh YBrs Puan Rosmawati binti Ghazali, Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Johor dan YBrs Tuan Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) JPNJ. Sebanyak 2,000 benih ikan Kelah dilepaskan ke dalam Sungai Bantang yang terdapat dalam TER ini.

Lawatan kerja ini diteruskan ke Hutan Taman Negeri (HTN) Ayer Hitam Utara, Muar bagi meneruskan usaha dan komitmen dalam melaksanakan konservasi spesies ikan Laga endemik iaitu *Betta persephone* dan spesies ikan lain yang terdapat hutan simpan ini. spesies ikan laga (*Betta* spp.) di dalam hutan simpan ini merupakan salah satu khazanah bernilai tinggi yang terdapat dalam Daerah Muar.

Selain itu, Pejabat Perikanan Negeri Johor berpeluang ke Dataran *Stargazing* dan Nepenthes yang merupakan tarikan baharu yang terdapat dalam HTN Ayer Hitam Utara. Pembangunan dataran ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada para penyelidik dan pelajar untuk mengkaji flora khususnya Nepenthes. Malahan, waktu malam berpotensi untuk menjadi lokasi cerapan bintang "*stargazing*" sebagai aktiviti ekopelancongan baru memfokuskan kepada "*Astro Tourism*" di dalam HSK Negeri Johor. Kedua-dua aktiviti ini saling melengkapi di dalam lokasi yang sama ke arah hasrat pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Semoga kerjasama dan inisiatif konservasi untuk memastikan kemandirian spesies asal ikan darat dan alam sekitar dapat dipelihara serta dipulihara secara lestari.



Sesi bergambar bersama YBhg. Puan Rosmawati binti Ghazali, Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Johor dan YBrs. Tuan Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) JPNJ serta pegawai-pegawai lain yang terlibat



Sesi pelepasan ikan Kelah telah diadakan di Santuari Ikan Kelah di TER Sungai Bantang bersama YBhg. Puan Rosmawati binti Ghazali, Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Johor, dan YBrs. Tuan Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), JPNJ



Sesi bergambar JPNJ bersama Pejabat Perikanan Negeri Johor di Dataran Nepenthes dan *Stargazing*, HTN Ayer Hitam Utama yang merupakan tarikan ekopelancongan dan konservasi baharu yang terdapat di Daerah Muar



Sesi taklimat oleh Puan Siti Noratikah binti Mustafa, Pengurus HTN Ayer Hitam Utara berkenaan kerjasama yang pernah dilaksanakan bersama Pejabat Perikanan Negeri Johor terhadap usaha konservasi spesies ikan yang terdapat di HTN Ayer Hitam Utara



Sesi taklimat oleh YBhg Puan Rosmawati binti Ghazali, Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Johor berkenaan pelepasan benih ikan ke dalam Sungai Bantang, Segamat, Johor

LAWATAN PENANDA ARAS RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI JOHOR 2026-2035

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

INDONESIA, 19 HINGGA 22 OGOS 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah mengadakan lawatan penanda aras Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Johor ke Indonesia pada 19 hingga 22 Ogos 2025. Lawatan ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Encik Mohd Izani bin Abdullah, Pegawai-Pegawai Kanan JPNJ bersama Uni-Technologies Sdn. Bhd. (UTSB), perunding yang telah dilantik bagi melaksanakan Kajian Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Johor Tahun 2026-2035. Turut hadir wakil daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) iaitu YM Ungku Najihah Izani binti Ungku Mizan, Pegawai Kawalan Alam Sekitar.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk menjadi penanda aras bagi menjalankan kajian RPH tersebut. Daerah yang menjadi tumpuan utama sepanjang lawatan ini adalah Jakarta, Bogor dan Bandung. Ketiga-tiga lokasi ini dipilih kerana mempunyai beberapa pusat penyelidikan utama berkaitan perhutanan dan taman hutan bandar di bawah Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN) yang fokus dalam bidang pengurusan hutan, pemuliharaan biodiversiti, penggunaan teknologi dalam pemantauan hutan serta pendekatan perhutanan sosial yang melibatkan komuniti setempat secara aktif.

Pada hari pertama lawatan, sesi taklimat yang diketuai oleh wakil dari BRIN, Jakarta iaitu Dr. Agus Eko Nugroho, *Head of Research Organisation for Governance for Economics and Social Welfare*, Dr. Yanuar Farida Wismayanti, *Head of Research Center for Public Policy* dan Wakil dari Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia.

Pada hari kedua lawatan, sesi taklimat yang diketuai oleh wakil dari Pusat Riset Ekologi dan Etnobotani BRIN, Bogor iaitu Dr. Kusuma Dewi Sri Yulita selaku Ketua Pusat Riset Ekologi dan Dr. Wahyu Catur Adinugroho dari Pusat Ekologi BRIN. Selain itu, sesi taklimat ini turut dihadiri oleh Dr. Soni Trison wakil dari Institut Pertanian Bogor (IPB). Selain itu, turut diadakan sesi lawatan ke *Bogor Botanical Gardens* bagi mempelajari kaedah pengurusan taman di bawah BRIN.

Lawatan penanda aras ini mempunyai beberapa objektif utama yang dirangka untuk menyokong pelaksanaan RPH Negeri Johor secara menyeluruh. Lawatan ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan membuka ruang kerjasama strategik antara JPNJ dan BRIN di Indonesia. Hasil perbincangan diharapkan dapat dimanfaatkan dalam penyelidikan dan pembangunan dasar berkaitan pengurusan hutan mampan di masa hadapan dalam penyediaan RPH 2026 -2035.

Pihak delegasi JPNJ mengucapkan penghargaan terima kasih kepada pihak UTSB khasnya dan BRIN am nya di atas kerjasama sepanjang sesi lawatan tersebut.



Sesi bergambar telah diadakan bersama Pengurusan Tertinggi Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN) sebagai simbolik penglibatan dan kerjasama strategik antara pihak yang terlibat



Sesi lawatan di Makmal Kajian Kualiti Kayu telah diadakan bagi memberi pendedahan berkaitan kemudahan makmal, peralatan pengujian serta kaedah kajian yang digunakan dalam penilaian kualiti kayu



Sesi bergambar bersama para penyelidik di Institut Pertanian Bogor (IPB) telah diadakan sebagai sebahagian daripada dokumentasi rasmi program

PROGRAM GUNUNG ARONG *CHALLENGE* 2025 (GAC 2025)

Disediakan oleh: Muhammad Syakirin bin Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 23 OGOS 2025

Gunung Arong *Challenge* 2025 (GAC 2025) telah diadakan di Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing, Johor merupakan edisi keempat larian denai di sekitar Daerah Mersing yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor bersama *Mountain Goat Events*. Program ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat, merancakkan sosio-ekonomi setempat berteraskan ekopelancongan dan kelestarian alam serta mempromosikan Gunung Arong sebagai salah satu destinasi ekopelancongan Daerah Mersing.

Sesi "*flag-off*" telah dimulakan di Taman Eko Rimba (TER) Teluk Arong, Mersing dan peserta meneruskan larian denai menuju ke puncak Gunung Arong yang berketinggian 240 meter dari aras paras laut (a.p.l.). Gunung Arong *Challenge* 2025 yang dipertandingkan melibatkan tiga (3) kategori iaitu 10 km, 25 km dan 35 km dengan empat (4) kategori penyertaan iaitu Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran Terbuka dan Perempuan Veteran Terbuka. Keunikan Gunung Arong *Challenge* 2025 ini, perserta berpeluang merentasi alam semula jadi dengan menikmati keindahan gunung dan pantai yang terdapat di Daerah Mersing.

Acara pelepasan "*flag-off*" peserta telah dimulakan seawal jam 7.00 pagi bagi kategori 35 km yang melibatkan seramai 125 orang peserta, diikuti dengan pelepasan kategori 25 km pada jam 7.30 pagi melibatkan seramai 161 orang peserta dan pada jam 8.00 pagi dengan penyertaan seramai 311 orang peserta. Sesi *flag-off* Gunung Arong *Challenge* 2025 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Jamil Hasni bin Abdullah, Pegawai Daerah Mersing, Pejabat Daerah Mersing.

Semoga Gunung Arong *Challenge* 2025 akan memberi limpahan ekonomi di Daerah Mersing, memelihara kelestarian alam dan mengalakkan sektor ekopelancongan Negeri Johor.



Sesi bergambar telah diadakan bersama YBrs. Tuan Haji Jamil Hasni bin Abdullah, Pegawai Daerah Mersing, Pejabat Daerah Mersing, YBrs. En. Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Jabatan Perhutanan Negeri Johor, serta pegawai-pegawai lain yang terlibat

Sesi bergambar para peserta GAC 2025 kategori 35 km bersama YBrs. Tuan Haji Jamil Hasni bin Abdullah, Pegawai Daerah Mersing sebelum memulakan acara larian GAC 2025



Sesi taklimat keselamatan kepada semua peserta merangkumi aspek keselamatan sepanjang laluan, peraturan pertandingan, dan tindakan kecemasan sebelum larian denai dimulakan



Peserta larian 35 km yang melibatkan 125 peserta merentasi pesisir pantai TER Teluk Arong seterusnya mendaki ke puncak Gunung Arong dengan menikmati pelbagai keindahan Mersing

MAJLIS AMANAT DAN SESI DIALOG KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) BERSAMA PEGAWAI KANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR (JPNJ)

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

JOHOR BAHRU, 25 OGOS 2025

YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah menyampaikan Amanat kepada pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ). Selain itu, turut diadakan sesi dialog diantara Pegawai Kanan JPNJ bersama YBhg. Dato' KPPSM.



Majlis Amanat dan Sesi Dialog Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Majlis Amanat ini menjadi platform penting bagi YBhg. Dato' KPPSM menjelaskan hala tuju JPSM yang selari dengan visi dan misi baharu jabatan. Selain itu, ianya untuk memastikan pelaksanaan dasar, strategi dan operasi berada pada landasan yang tepat.

Antara amanat YBhg. Dato' KPPSM adalah untuk memastikan pegawai perhutanan memahami dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai matlamat Negara ke arah *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 dan *net-zero emissions* pada 2050. Selain itu, turut diberi penekanan peranan utama pegawai perhutanan dalam melaksanakan konsep kepelbagaian fungsi hutan secara lestari demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.



Sesi bergambar sempena pengibaran bendera jalur gemilang sempena Hari Kebangsaan ada 31 Ogos 2025 bersama YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim dan YBrs. Tuan Mohd. Syahrir Azrin bin Salleh serta pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Sesi ini turut menerima cadangan, idea penambahbaikan serta isu-isu semasa daripada pegawai kanan JPN Johor untuk pertimbangan serta nasihat YBhg. Dato' KPPSM demi memperkukuhkan keupayaan pengurusan hutan khusus di Negeri Johor.

JPN Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' KPPSM di atas penyampaian amanat dan sesi dialog ini. Semoga segala amanat yang diberikan menjadi pemangkin kepada peningkatan keberkesanan pentadbiran serta pengurusan hutan di Negeri Johor.



Sesi bergambar bersama YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dan YBrs. Tuan Mohd. Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta pegawai-pegawai kanan yang terlibat



Sesi penyampaian cenderahati kepada YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM), sebagai tanda penghargaan atas kesudian hadir dan memberi amanat



Sesi penyampaian amanat oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) kepada pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KARNIVAL HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 23 OKTOBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah menganjurkan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor 2025 di Laman Bakau, Parit Kassim, Muar. Sambutan ini diadakan bersempena Hari Hutan Antarabangsa yang diraikan di seluruh dunia pada 21 Mac setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan hutan dalam menjamin sumber makanan, kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor 2025 telah disempurnakan oleh YB Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar selaku wakil rasmi YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor. Seterusnya, majlis perasmian diserikan dengan Majlis Menterai Memorandun Persefahaman (MoU) Program Penanaman 1 Juta Pokok antara Yayasan Petronas dengan Kerajaan Negeri Johor yang mensasarkan penanaman pokok spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) sebanyak 1,000,000 pokok bermula tahun 2024 hingga 2028 dengan keluasan lebih kurang 80 hektar.

Bertepatan dengan tema pada tahun ini iaitu Hutan dan Makanan, YB Tuan Ling Tian Soon menanam pokok Nyireh batu (*Xylocarpus moluccensis*) dan pelepasan Siput sedut (*Cerithidea obtusa*) di Laman Bakau, Parit Kassim sebagai simbolik diatas sambutan Hari Hutan Antarabangsa ini.

Sebanyak 10 aktiviti yang diadakan melibatkan penyertaan komuniti tempatan dan pelajar sekolah dengan jumlah keseluruhan seramai 427 peserta disekitar Daerah Muar. Antara aktiviti utama seperti penanaman anak benih paya laut melibatkan spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*), Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Bakau pasir (*Rhizophora stylosa*). Selain itu juga, pelajar sekolah rendah berpeluang menyertai aktiviti *Seed to Tree* bagi penanaman anak pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculat*a) dan Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) sebanyak 1,300 anak pokok yang ditabung.

Komuniti setempat di Parit Kassim berpeluang menyertai aktiviti pertandingan sukan rakyat seperti lari membawa buah nyireh, siang ikan dan siang siput bagi menghiasi karnival ini. Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan seperti N*ature Walk & Talk, Mangrove Explorace*, *Pocket Talk*, demonstrasi masakan hasil hutan paya laut, jualan produk berasaskan hasil hutan serta pameran perhutanan.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam memperkukuh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan demi kesejahteraan rakyat serta kelestarian alam semula jadi untuk generasi kini dan akan datang. Komitmen dan kerjasama semua pihak amat dihargai dalam merealisasikan usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.



YB Tuan Ling Tian Soon menanam pokok Nyireh batu (*Xylocarpus moluccensis*) dan pelepasan Siput sedut (*Cerithidea obtusa*) di Laman Bakau, Parit Kassim sebagai simbolik diatas sambutan Hari Hutan Antarabangsa ini



Sesi bergambar bagi Majlis Menterai Memorandun Persefahaman (MoU) Program Penanaman 1 Juta Pokok antara Yayasan Petronas dengan Kerajaan Negeri Johor sebanyak 1,000,000 pokok bermula tahun 2024 hingga 2028 dengan keluasan lebih kurang 80 hektar



Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor 2025 telah disempurnakan oleh YB Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor



PROGRAM EKSPLORASI DAN KONSERVASI HUTAN LIPUR GUNUNG BELUMUT 2025

Disediakan oleh: Arifhadi bin Johari Affandi
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 7 HINGGA 9 NOVEMBER 2025

Program Eksplorasi dan Konservasi Hutan Lipur Gunung Belumut 2025 adalah program alam sekitar berteraskan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang menggabungkan keseronokan rekreasi dan misi kelestarian. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Pertubuhan Nadi Sihat dan MSIG Takaful Hong Leong.

Program ini telah disertai seramai 85 orang peserta dari pelbagai latar belakang, 40 orang pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan 15 orang Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor dan bertujuan untuk memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan konservasi hutan melalui aktiviti penanaman pokok dan pendakian. Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang program ini adalah pendakian Gunung Belumut, *Seed to Tree* dan penanaman pokok. Peserta bukan sahaja menikmati keindahan hutan malah secara langsung menyumbang kepada usaha pemulihan ekosistem melalui penanaman pokok. Program ini menjadi platform strategik untuk Pertubuhan Nadi Sihat dan Hong Leong MSIG Takaful berganding bahu bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk memperkukuh hubungan dan imej korporat sebagai penyokong utama alam sekitar.

Peserta program ini telah menyemai sebanyak 500 anak pokok dan menanam sebanyak 200 anak pokok dari spesies Damar hitam kelim (*Shorea Blumutensis*), Meranti seraya (*Shorea Curtisii*), Nyatuh nangka kuning (*Pouteria malaccensis*), Bintangor daun panjang (*Calophyllum incrassatum-Hand*) dan Perah (*Elateriospermum tapos*) di sekitar Taman Eko Rimba Gunung Belumut. Semoga usaha kecil penghijauan hutan melalui program ini akan dapat memberi impak yang besar dalam memelihara ekosistem alam semula jadi serta mengekalkan keindahan khazanah hutan kita untuk diwarisi generasi akan datang.



Dalam program ini juga, sebanyak lima (5) unit tangga telah dipasang di kawasan curam dalam trek pendakian Gunung Belumut



Penanaman pokok oleh para peserta yang terlibat



Seramai 60 orang peserta telah menyertai pendakian ke Puncak Gunung Belumut

PROGRAM *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) "PRINCETON DIGITAL GROUP (PDG) *SUSTAINABILITY ENVIRONMENT INITIATIVE*" DI TAMAN EKO RIMBA (TER) GUNUNG PULAI 1, DAERAH KULAI

Disediakan oleh: Zaiton binti Abdullah @ Mahmad
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KULAI, 10 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Princeton Digital Group (PDG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah menganjurkan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) "PDG *Sustainability Environment Initiative*" pada 10 November 2025 di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai. Tujuan CSR ini diadakan sebagai menyokong kepada usaha kelestarian alam sekitar disamping untuk meningkatkan kesedaran awam untuk melindungi kawasan Taman Eko Rimba sebagai kawasan riadah bagi warisan semula jadi bersama selain untuk memperkukuhkan lagi hubungan strategik di antara pihak PDG, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) dan turut dihadiri Mr Asher Ling, Ketua Pegawai Teknologi merangkap Pengarah Urusan PDG Singapura dan Malaysia serta Encik Jeffry bin Ramly, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKu.

Seramai 120 orang peserta terlibat yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Princeton Digital Group serta Majlis Perbandaran Kulai. Antara pengisian utama program ialah simbolik penanaman pokok Beruas (*Garcinia hombroniana*), gotong-royong pembersihan di kawasan surau, tandas, dewan dan air terjun serta aktiviti mendaki dan pemasangan papan tanda puncak Gunung Pulai yang baru.



Gambar gotong - royong dan pembersihan fasiliti di dalam TER Gunung Pulai 1



Gambar gotong - royong dan pembersihan fasiliti di kawasan tepi sungai TER Gunung Pulai 1



Gambar tanaman pokok Beruas sebagai simbolik



Gambar Perasmian penyerahan Papan Tanda Puncak Gunung Pulai sumbangan daripada PDG kepada Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Gambar kenangan peserta yang terlibat

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) AFFIN BANK DI TAMAN EKO RIMBA (TER) GUNUNG BELUMUT

Disediakan oleh: Arifhadi bin Johari Affandi
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 15 NOVEMBER 2025

Sempena Ulang Tahun ke-50 tahun, Affin Bank Malaysia (Cawangan Ayer Hitam) dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah telah berjaya menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Affin Bank di TER Gunung Belumut pada 15 November 2025.

Progam ini telah disertai seramai 15 orang peserta dari Affin Bank Malaysia (Cawangan Ayer Hitam) dan 10 orang kakitangan Pejabat Hutan Derah Johor Tengah. Objektif program ini adalah memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan konservasi hutan melalui aktiviti penanaman pokok dan pembersihan sampah di kawasan TER. Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang program ini adalah penanaman anak pokok, pembersihan kawasan TER dan perkongsian ilmu hutan (pengenalan spesies pokok dan herba). Peserta bukan sahaja menikmati keindahan hutan malah secara langsung menyumbang kepada usaha pemulihan ekosistem melalui penanaman pokok dan usaha menjaga kebersihan di kawasan ekopelancongan. Program ini menjadi platform strategik untuk Affin Bank Malaysia (Cawangan Ayer Hitam) berganding bahu bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk memperkukuh hubungan dan imej korporat sebagai penyokong utama alam sekitar.

Peserta program ini telah menanam sebanyak 100 anak pokok dari spesies Damar hitam kelim (*Shorea blumutensis*), Meranti seraya (*Shorea curtisii*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*) dan Perah (*Elateriospermum tapos*) di sekitar Taman Eko Rimba Gunung Belumut. Semoga usaha kecil penghijauan hutan melalui program ini akan dapat memberi impak yang besar dalam memelihara ekosistem alam semula jadi serta mengekalkan keindahan khazanah hutan kita untuk diwarisi generasi akan datang.



Program Tanam Pokok dan *Corporate Response Sensibility* (CSR) Bersama Affin Bank Air Hitam



Sesi taklimat kaedah penanaman pokok sebelum bermulanya aktiviti



Antara para peserta yang terlibat

JPN KELANTAN

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	20 DAN 21 SEPTEMBER 2025	AGIHAN 800 POKOK PADA SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN KARNIVAL KEBANGSAAN PERHUTANAN SOSIAL TAHUN 2025	12
2	13 SEPTEMBER 2025	MAJLIS PERASMIAN PENANAMAN POKOK SEMPENA PESTA BERAKIT 2025	13
3	17 NOVEMBER 2025	PROGRAM RAKAN BUMI: *PLOGGING COMMUNITY* PERINGKAT DAERAH MACHANG 2025	14

AGIHAN 800 POKOK PADA SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN KARNIVAL KEBANGSAAN PERHUTANAN SOSIAL TAHUN 2025

Disediakan oleh: Melati binti Yusuf
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

TUMPAT, 20 DAN 21 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan Kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah mengadakan Program Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Karnival Kebangsaan Perhutanan Sosial Tahun 2025 pada 20 dan 21 September 2025.

Program agihan anak pokok yang diadakan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti sempena Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Karnival Kebangsaan Perhutanan Sosial Tahun 2025. Sebanyak 800 batang pokok yang terdiri daripada Manggis (*Garcinia mangostana*), Mangga (*Mangifera indica*), Durian (*Durio* sp.), Cempedak (*Artocarpus integer*), Jambu madu (*Syzygium samarangense*), Limau madu (*Citrus suhuiensis*) dan Duku terengganu (*Lansium domesticum*) telah diagihkan kepada pengunjung di Padang Kemahkotaan (Pata Ndo), Tumpat, Kelantan.

Kesepakatan yang terjalin melalui program kolaborasi ini menjadi bukti bahawa usaha ini bukan sekadar aktiviti penghijauan tetapi simbol perpaduan dan harapan untuk masa depan yang lebih lestari.



Pengunjung gembira menerima anak pokok daripada JPSM





Kakitangan JPSM yang terlibat sepanjang program berlangsung

MAJLIS PERASMIAN PENANAMAN POKOK SEMPENA PESTA BERAKIT 2025

Disediakan oleh: Melati binti Yusuf
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

JELI, 13 SEPTEMBER 2025

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah mengadakan Program Pesta Berakit 2025, Kelantan pada 13 september 2025. Sempena perasmian program tersebut pokok daripada spesies Golden shower (*Cassia fistula*) telah ditanam oleh YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan dan ditanam oleh dif-dif kehormat di dalam kawasan sekitar Gunung Reng, Jeli.

Program ini juga telah melibatkan seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan penyertaan daripada penduduk setempat.

Kolaborasi ini jelas membuktikan bahawa semangat kerjasama dan komitmen bersama amat penting dalam merealisasikan matlamat Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Diharapkan usaha berterusan ini dapat menyemai kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam memelihara serta memulihara kehijauan bumi demi generasi akan datang.







Bergambar kenangan bersama jemputan selepas aktiviti penanaman pokok

PROGRAM RAKAN BUMI: *PLOGGING COMMUNITY* PERINGKAT DAERAH MACHANG 2025

Disediakan oleh: Razlina Ermi binti Rejab
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 17 NOVEMBER 2025

Pejabat Belia dan Sukan Daerah Machang dengan kerjasama Sekolah Menengah Sains Machang, Sekolah Kebangsaan Machang dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Program Rakan Bumi: *Plogging Community* pada 17 November 2025 bertempat di Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang. Program ini melibatkan seramai 100 orang pelajar Sekolah Menengah Sains Machang dan Sekolah Kebangsaan Machang, 10 orang guru pengiring dan kakitangan unit Eko Park & Hutan Taman Negeri.

Sepanjang program tersebut peserta didedahkan dengan sesi pembelajaran di lapangan untuk mengenalpasti spesies pokok dan tumbuhan yang terdapat disekitar Taman Eko Rimba Bukit Bakar terutama herba-herba yang terdapat di petak tanaman Denai Zahari. Sesi ini diketuai oleh Pengawas Hutan dari Unit Eko Park & Hutan Taman Negeri.

Setelah selesai sesi pembelajaran spesies pokok, peserta telah membuat aktiviti penanaman pokok di sekitar sungai dan mengutip sampah sarap sambil beriadah di sepanjang *Trail* Denai Zahari dan sungai.

Program ini jelas membuktikan bahawa semangat kerjasama dan komitmen bersama amat penting dalam merealisasikan matlamat Kempen 100 Juta Pokok. Diharapkan usaha berterusan ini dapat menyemai kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam memelihara serta memulihara kehijauan bumi demi generasi akan datang.





Aktiviti di sekitar *trail* Denai Zahari

JPN MELAKA

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	19 JULAI 2025	PROGRAM ALAM BE-LEAF PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK	15
2	26 SEPTEMBER 2025	PROGRAM PENGHIJUAN BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DAN PERHILITAN SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA DI TER TANJUNG TUAN	16
3	3 OKTOBER 2025	PROGRAM LESTARI ALAM SEMPENA *LE TOUR DE* LANGKAWI DI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MASJID TANAH, MELAKA	17
4	8 NOVEMBER 2025	PROGRAM CSR - LESTARI BERSAMA ALAM SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025: HUTAN DAN MAKANAN	18

PROGRAM ALAM BE-LEAF PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

JASIN, 19 JULAI 2025

Program ALAM Be-Leaf: Penanaman Pokok Bakau di Hutan Simpan Paya Laut Sebatu, Melaka merupakan anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Amanah Lestari Alam (ALAM) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Program ini diadakan sebagai sebahagian daripada inisiatif Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Turut hadir ialah wakil-wakil utama daripada ALAM, JPSM, Kementerian Belia dan Sukan serta agensi berkaitan.

Sebanyak 600 batang pokok telah ditanam meliputi 200 pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*), 200 pokok Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan 200 pokok Tumu (*Bruguiera* spp.) sebagai usaha pemuliharaan hutan paya bakau.

Seramai 200 peserta terdiri daripada sukarelawan Rakan Muda dan komuniti tempatan telah mengambil bahagian. Selain penanaman pokok, aktiviti pembersihan kawasan turut dilaksanakan. Program ini mencerminkan komitmen berterusan jabatan dalam memperkasakan penyertaan belia dan masyarakat terhadap usaha kelestarian alam sekitar khususnya dalam pemuliharaan hutan bakau di negeri Melaka.



Peserta program yang terdiri daripada pelbagai agensi



Penanaman pokok oleh tetamu jemputan



Para peserta menanam pokok bakau

PROGRAM PENGHIJUAN BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DAN PERHILITAN SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA DI TAMAN EKO RIMBA TANJUNG TUAN

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 26 SEPTEMBER 2025

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka dan Jabatan PERHILITAN Melaka telah menganjurkan Program Penghijauan di Taman Eko-Rimba (TER) Tanjung Tuan sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia. Acara ini dirasmikan oleh En. Rosli bin Mustafa, Pengarah JAS Melaka dengan tujuan meningkatkan kesedaran tentang perlindungan ozon dan pemuliharaan pantai.

Program ini menyaksikan kehadiran Yang Berusaha En. Petra bin Sulai, Pengarah PERHILITAN Melaka serta wakil-wakil Projek KLIPS, termasuk *Project Director*, Komander Ramli bin Johari (B). Aktiviti utama melibatkan penanaman 15 batang pokok Bakau minyak oleh para peserta. spesies ini dipilih khas untuk memulihkan dan memperkukuh ekosistem pesisir pantai di TER Tanjung Tuan.

Secara keseluruhannya, Program Penghijauan Hari Ozon Sedunia ini mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan dalam melaksanakan tindakan pemuliharaan alam sekitar. Inisiatif penanaman Bakau minyak ini adalah langkah praktikal negeri Melaka untuk melindungi habitat pantai dan memelihara kualiti udara seiring dengan sambutan Hari Ozon Sedunia.



Peserta JAS Melaka, PERHILITAN dan KLIPS sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia di TER Tanjung Tuan



Peserta JAS Melaka, PERHILITAN dan KLIPS sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia di TER Tanjung Tuan





Peserta menanam spesies Bakau minyak di TER Tanjung Tuan

PROGRAM LESTARI ALAM SEMPENA *LE TOUR DE* LANGKAWI DI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MASJID TANAH, MELAKA

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

ALOR GAJAH, 3 OKTOBER 2025

Satu inisiatif hijau, 'Program Lestari Alam Sempena *Le Tour De* Langkawi' telah berjaya dilaksanakan di kawasan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Masjid Tanah, Melaka. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mempromosikan kesedaran alam sekitar dan menambah baik kehijauan kawasan bersempena dengan penganjuran Le Tour de Langkawi. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Sabrina binti Thalas, Pegawai Daerah Alor Gajah yang mana majlis perasmian turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin utama agensi negeri termasuklah En. Khirun Nizam bin Abd. Rahim, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, En. Zailani bin Siran, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka serta En. Rozli Azizi bin Talib, Pengarah Pertanian Negeri Melaka. Kehadiran ramai pegawai kanan ini menunjukkan komitmen padu kerajaan negeri dalam agenda kelestarian.

Aktiviti utama program tersebut melibatkan penanaman 40 batang anak pokok buah-buahan di kawasan lapang Kompleks KBS Masjid Tanah. Para peserta program yang terdiri daripada pegawai, kakitangan dan anggota komuniti telah bekerjasama menanam spesies-spesies terpilih iaitu 10 pokok Mangga, 10 pokok Rambai, 10 pokok Durian dan 10 pokok Manggis. Pemilihan spesies buah-buahan ini bukan sahaja bermatlamat untuk menghijaukan kawasan, tetapi juga diharapkan dapat memberikan manfaat sumber makanan serta nilai ekonomi kepada komuniti setempat pada masa akan datang.

Program Lestari Alam ini berjaya berfungsi sebagai platform untuk menyatukan sukan dan tanggungjawab alam sekitar. Ia menjadi lambang komitmen pelbagai pihak dalam memupuk budaya mencintai alam sekitar, membuktikan bahawa acara besar seperti *Le Tour De* Langkawi dapat dijadikan pemangkin kepada tindakan kelestarian yang positif dan berkesan di peringkat negeri.



Peserta Program Lestari Alam Le Tour De Langkawi menanam pokok di kawasan lapang sekitar Kompleks KBS Masjid Tanah

PROGRAM CSR - LESTARI BERSAMA ALAM SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025: HUTAN DAN MAKANAN

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 8 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah menganjurkan 'Program CSR – Lestari Bersama Alam' sempena Hari Hutan Antarabangsa 2025: Hutan dan Makanan, melibatkan 80 peserta dari Sekolah Kebangsaan (SK) Wawasan, Seremban 2. Program ini dilaksanakan dalam Taman Eko-Rimba Tanjung Tuan bertujuan meningkat kesedaran tentang peranan hutan dan makanan kepada manusia.



Lawatan ke Muzium Rezab Hidupan Liar

Program ini dirasmikan oleh Encik Khirun Nizam bin Abd. Rahim, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka. Gimik perasmian dilakukan melalui penanaman pokok Meranti rambai daun bersama Encik Shahrom bin Sukero, Guru Besar SK Wawasan. Seterusnya, para peserta melaksanakan penanaman 60 batang pokok pelbagai spesies di sekitar trek Pantai Keramat.



Lawatan ke *ViewPoint*@Tg Tuan

Setelah selesai aktiviti penanaman, peserta turut dibawa melawat ke pelantar kaca (*ViewPoint*@TgTuan) untuk mengakhiri program. Program CSR ini berjaya mengintegrasikan tanggungjawab alam sekitar dan pendidikan, menekankan hubungan penting antara hutan dan sumber makanan kepada generasi muda.



Gimik penanaman pokok oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka



Para peserta bergambar di Pintu Gerbang Trek Bukit Batu Putih



Peserta menanam pokok di Trek Pantai Keramat

JPN PAHANG

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	3 JULAI 2025	PROGRAM LATIHAN MENEMBAK TINGKATKAN KECEKAPAN PENGENDALIAN SENJATA SERTA KESELAMATAN PEGAWAI SEMASA MENJALANKAN TUGAS	19
2	31 JULAI 2025	PROGRAM *SOCIAL FORESTRY FOR RESTORATION, REHABILITATION AND RECLAMATION* (SOC 4 3R) BERI PELUANG ORANG RAMAI MENYUMBANG POKOK UNTUK PENGHIJAUAN TASIK CHINI	20
3	10 OGOS 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA - KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 - PROGRAM CSR BADAN KORPORAT JPNP BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)	21
4	31 OGOS 2025	PERARAKAN SEMPENA KEMERDEKAAN NEGARA KALI KE-68 PERINGKAT NEGERI PAHANG	22
5	20 SEPTEMBER 2025	KEJAYAAN JPNP TANAM 20,025 POKOK SPESIES PAYA GAMBUT SECARA SERENTAK SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025 DIIKTIRAF *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS* (MBOR)	23
6	21 SEPTEMBER 2025	LARIAN HUTAN GAMBUT BANDAR DIRAJA PEKAN SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT NEGERI PAHANG	24
7	23 SEPTEMBER 2025	MAJLIS PENYERAHAN DRON KEPADA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG	25
8	13 OKTOBER 2025	KERJASAMA JPNP–PDRM TUMPASKAN SINDIKET PEMPROSESAN KAYU GAHARU HARAM BERNILAI RM120,000	26

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
9	30 OKTOBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA-KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 – ESG *AWARENESS CAMPAIGN* 2025 "*LEADING ENERGY TRANSITION FOR SUSTAINABLE TOMORROW*" BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)	27
10	4 NOVEMBER 2025	PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUANTAN SERTAI AKTIVITI TANAM POKOK PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI TASIK CHINI	28
11	10 NOVEMBER 2025	PEMANTAUAN UDARA PERKUKUH USAHA JPNP PELIHARA KELESTARIAN HUTAN PAHANG	29
12	20 NOVEMBER 2025	LAWATAN PENILAIAN PELAKSANAAN KAJIAN PENGGUNAAN NAMA SAINTIFIK PADA PAS PEMINDAH BAGI MEMENUHI KEPERLUAN EUDR	30
13	1 DISEMBER 2025	"OPS CUCI" DI CAMERON HIGHLANDS BERSIHKAN KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM	31

PROGRAM LATIHAN MENEMBAK TINGKATKAN KECEKAPAN PENGENDALIAN SENJATA SERTA KESELAMATAN PEGAWAI SEMASA MENJALANKAN TUGAS

Disediakan oleh: Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 3 JULAI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sekali lagi telah berjaya melaksanakan Program Latihan dan Kemahiran Menembak bertempat di Lapang Sasar Persatuan Menembak Selangor dengan penglibatan para pegawai serta kakitangan JPNP. Program ini turut dihadiri Timbalan Pengarah Operasi, Dr Griffin anak Akeng yang telah menyempurnakan perasmian pembukaan dan turut sama-sama menjalani latihan menembak.

Program ini merupakan satu inisiatif jabatan bagi memperkukuhkan kecekapan pegawai khususnya dalam aspek pengendalian senjata api secara selamat serta pendedahan terhadap aspek teori dan amali yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP). Latihan praktikal di lapang sasar memberi peluang kepada pegawai untuk mengasah kemahiran penggunaan senjata api dalam persekitaran yang terkawal dan selamat.

Pelaksanaan program ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan serta kemahiran dalam pengendalian senjata api namun turut menyumbang kepada pembentukan disipilin kerja yang lebih cekap dan sistematik. Secara keseluruhannya, program ini dapat dilihat sebagai satu platform penting dalam mempertingkatkan keberkesanan tugas penguatkuasaan jabatan di lapangan.



Semua peserta diajar cara menggunakan senjata api dengan betul dan selamat



Timbalan Pengarah Operasi turut menjalani latihan menembak



Semua peserta diajar cara menggunakan senjata api dengan betul dan selamat



PROGRAM *SOCIAL FORESTRY FOR RESTORATION, REHABILITATION AND RECLAMATION* (SOC 4 3R) BERI PELUANG ORANG RAMAI MENYUMBANG POKOK UNTUK PENGHIJAUAN TASIK CHINI

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 31 JULAI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah melaksanakan Program *Social Forestry for Restoration, Rehabilitation and Reclamation* (Soc 4 3R) dengan konsep 'pokok angkat' yang mana orang ramai boleh membuat sumbangan dengan membeli anak pokok pada harga RM35.00 sepokok. Anak-anak pokok yang disumbangkan akan ditanam oleh pihak JPNP bersama peserta Program *Buyback Guarantee* (BBG) Tapak Semaian Orang Asli Tasik Chini di Hutan Simpan Chini, Pekan, Pahang Darul Makmur seluas 2.0 hektar.

Program Soc 4 3R ini selain bertujuan untuk menghijaukan semula kawasan Tasik Chini, orang ramai dalam masa yang sama turut dapat menyokong program BBG Tasik Chini yang merupakan salah satu komponen penting dalam usaha berterusan JPNP untuk memulihkan Tasik Chini serta meningkatkan taraf sosio ekonomi komuniti Orang Asli setempat.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai pihak semasa penganjuran Pesta Buku Kuala Lumpur (PBKL) 2025 dan sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan di Taman Botani Negara, Shah Alam. Dalam program tersebut, sebanyak 491 daripada 1,250 anak pokok telah disumbangkan dengan jumlah kutipan diperolehi sebanyak RM 20,245.00. Program jualan 'pokok angkat' ini juga diteruskan lagi pada Pesta Moh Karnival Makmur Negeri Pahang 2025 Peringkat Cameron Highlands pada 1 hingga 3 Ogos 2025.

Sejumlah 1,250 anak pokok yang disumbangkan telah berjaya ditanam di Hutan Simpan Chini, Pekan, Pahang oleh kakitangan Seksyen Silvikultur JPNP bersama-sama peserta BBG Tasik Chini. JPNP amat berbesar hati atas sokongan semua pihak demi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Tasik Chini.



Antara peserta *Buyback Guarantee* yang hadir menyertai program penanaman pokok



Orang Asli Tasik Chini menanam 'pokok angkat' yang disumbangkan orang ramai



'Pokok angkat' ditanam di Tasik Chini bertujuan memulihkan kawasan tersebut

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA - KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 - PROGRAM CSR BADAN KORPORAT JPNP BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 10 OGOS 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah berjaya menganjurkan Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 - Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) Badan Korporat JPNP Bersama TNB bertempat di Hutan Simpan Chini, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Dalam program kerjasama ini, sebanyak 250 anak pokok pelbagai spesies seperti Merbau, Meranti, Kempas, Kembang semangkok dan lain-lain yang dibeli daripada peserta program *Buyback Guarantee* (BBG) Tasik Chini telah berjaya ditanam. Seramai 50 sukarelawan terdiri daripada kakitangan TNB dan pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) serta dibantu oleh 20 orang kakitangan Seksyen Silvikultur Zon Timur, JPNP terlibat menjayakan kempen penanaman ini.

Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), JPNP, Encik Mohd Yussainy bin Md Yusop turut sama hadir menanam pokok dan menyampaikan ucapan aluan mewakili JPNP. Semoga melalui program-program penanaman seperti ini, Negeri Pahang akan dapat terus mencapai sasaran Program Penghijauan Malaysia dengan sasaran 1.6 juta pokok sebelum berakhir tahun 2025.



Gambar kenangan peserta penanaman pokok bersama TNB dan UNITEN









JPNP dan TNB berganding bahu menjayakan program penanaman pokok

PERARAKAN SEMPENA KEMERDEKAAN NEGARA KE-68 PERINGKAT NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 31 OGOS 2025

Bersempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-68, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menyertai Program Perarakan Kemerdekaan Tahun 2025 peringkat Negeri Pahang yang berlangsung pada 31 Ogos 2025 di Dataran MBK 1, Kuantan.

Penglibatan jabatan dalam dua (2) kategori, iaitu pasukan kawad kaki dan perarakan berkenderaan. Penyertaan ini mencerminkan komitmen padu terhadap program anjuran Kerajaan Negeri Pahang. Selain itu, penyertaan ini turut menyemarakkan semangat patriotisme serta rasa cinta kepada negara dalam kalangan warga jabatan.

Program seumpama ini bukan sekadar acara perarakan malah menjadi simbol kesetiaan dan semangat cintakan negara. Selain itu, penyertaan JPNP berjaya menarik perhatian pengunjung yang hadir, sekali gus membuka ruang interaksi bersama masyarakat mengenai peranan jabatan dalam memelihara dan mengurus khazanah hutan negeri secara lestari.

Melalui program sebegini, warga jabatan berpeluang menghayati erti kemerdekaan dengan lebih mendalam seterusnya memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan. Secara tidak langsung, penglibatan ini turut meningkatkan imej jabatan sebagai sebuah agensi yang aktif, berdisiplin dan sentiasa komited menyokong agenda kenegaraan.



Gambar kenangan yang menarik sempat dirakam sepanjang program berlangsung

KEJAYAAN JPNP TANAM 20,025 POKOK SPESIES PAYA GAMBUT SECARA SERENTAK SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025 DIIKTIRAF *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS* (MBOR)

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 20 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mencipta rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) apabila berjaya menanam sebanyak 20,025 pokok spesies paya gambut secara serentak dalam Hutan Simpan Pekan sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2025 Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur.

Aktiviti penanaman pokok spesies paya gambut ini dijalankan dalam kawasan seluas 18.0 hektar di Kompartment 156, Hutan Simpan Pekan yang merupakan sebahagian daripada 113.0 hektar kawasan yang musnah akibat kebakaran hutan.

Program penanaman ini diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan hutan paya gambut dalam mitigasi perubahan iklim dan kestabilan ekosistem selain memperkukuhkan inisiatif penghijauan negeri melalui aktiviti menanam semula berskala besar. Hadir sama merasmikan program ini adalah Ahli Parlimen Pekan, YB Dato' Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali yang turut sama menanam anak pokok simbolik kepada program ini.

JPNP dari semasa ke semasa komited untuk mengadakan aktiviti penanaman anak pokok balak dan spesies lain di kawasan hutan paya gambut yang berada di daerah Pekan, Kuantan dan Rompin.



Gambar kenangan yang menarik sempat dirakam sepanjang program berlangsung



LARIAN HUTAN GAMBUT BANDAR DIRAJA PEKAN SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 21 SEPTEMBER 2025

Larian Hutan Gambut Bandar Diraja Pekan sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2025 Peringkat Negeri Pahang telah berjaya dilaksanakan bertempat di sekitar Dataran Pekan, Pahang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan hutan gambut, di samping memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti setempat.

Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih daripada 1,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sebanyak dua (2) kategori dipertandingkan, iaitu 5 kilometer dan 10 kilometer yang merentasi laluan sekitar Bandar Diraja Pekan serta kawasan berdekatan ekosistem hutan gambut.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali, Ahli Parlimen Pekan. Turut hadir memeriahkan program ialah YBhg. Tuan Azora@Ahmad bin Shamsuddin, Pegawai Daerah Pekan serta YH Dato' Zainuddin bin Jamaluddin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Kehadiran barisan kepimpinan negeri dan daerah mencerminkan sokongan padu terhadap usaha pemuliharaan sumber hutan dan pengurusan hutan gambut secara mampan.

Turut diselitkan dalam program ini adalah hebahan mesej berkaitan peranan hutan gambut dalam mitigasi perubahan iklim, pemeliharaan biodiversiti serta fungsi hutan sebagai kawasan tadahan air. Penganjuran program berkonsepkan sukan dan alam sekitar ini secara tidak langsung berjaya menarik penyertaan generasi muda serta masyarakat awam untuk lebih memahami kepentingan khazanah hutan negara.

Setiap peserta yang menyertai acara ini telah menerima T-shirt rasmi program, sijil penyertaan dan pingat sebagai tanda penghargaan. Selain itu, hadiah cabutan bertuah turut disediakan kepada 25 orang peserta bertuah. Antara hadiah yang ditawarkan termasuk hamper, barangan elektrik, basikal serta televisyen 43 inci sebagai hadiah utama yang telah menambah kemeriahan dan keterlibatan peserta sepanjang program berlangsung.

Secara keseluruhannya, penganjuran Larian Hutan Gambut Bandar Diraja Pekan ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan berjaya dilaksanakan dengan lancar. Program ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform berterusan dalam mempromosikan kesedaran awam terhadap pemuliharaan hutan, khususnya hutan paya gambut selaras dengan komitmen Negeri Pahang ke arah pengurusan sumber asli yang mampan.









Kemeriahan dan keceriaan dapat dirasai oleh semua peserta yang menyertai Larian Hutan Gambut Bandar Diraja Pekan



MAJLIS PENYERAHAN DRON KEPADA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 23 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah melaksanakan Majlis Serahan Dron kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pahang bersempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) 2025 Peringkat Negeri Pahang pada 23 September 2025.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh YH Dato' Zainuddin bin Jamaluddin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang kepada PKPjB Dato' Mohd Razam bin Taja Rahim, Pengarah JBPM Negeri Pahang. Majlis ini turut disaksikan oleh YAB Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang serta YBhg. Dato' Hj Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Sebanyak tiga (3) unit dron telah diserahkan bagi kegunaan operasi Balai Bomba Pekan, Balai Bomba Nenasi dan Balai Bomba Rompin. Penyediaan aset teknologi ini bertujuan memperkukuh keupayaan JBPM Negeri Pahang dalam pengurusan dan tindak balas kebakaran di kawasan tanah gambut, khususnya dari segi pemantauan awal, pengesanan titik panas (*hotspot*), penilaian risiko kebakaran serta sokongan kepada operasi pemadaman di lapangan.

Penggunaan dron ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan operasi melalui pemantauan kawasan yang luas dan sukar diakses, seterusnya membantu mempercepatkan proses membuat keputusan semasa situasi kecemasan kebakaran hutan dan tanah gambut. Inisiatif ini juga selari dengan pendekatan penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengurusan bencana alam serta pemuliharaan sumber hutan secara mampan.

Penyerahan aset ini telah dibiayai melalui dana Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* (SMPEM), yang memberi tumpuan kepada pengukuhan keupayaan agensi pelaksana, pengurangan risiko kebakaran tanah gambut dan pemeliharaan ekosistem gambut secara bersepadu di Negeri Pahang.

Secara keseluruhannya, majlis ini mencerminkan kerjasama strategik antara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan JBPM Negeri Pahang dalam memperkukuh kesiapsiagaan dan keupayaan pengurusan kebakaran tanah gambut. Diharapkan sumbangan aset ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan memberi impak positif terhadap usaha pencegahan serta pengurusan kebakaran hutan di Negeri Pahang, selaras dengan agenda pembangunan lestari dan pemuliharaan alam sekitar.



Penyerahan dron oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang kepada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang disaksikan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Set dron dibiayai sepenuhnya di bawah Projek SMPEM



KERJASAMA JPNP – PDRM TUMPASKAN SINDIKET PEMPROSESAN KAYU GAHARU HARAM BERNILAI RM120,000

Disediakan oleh: Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 13 OKTOBER 2025

Kerjasama strategik antara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya membanteras satu (1) sindiket pemprosesan kayu Gaharu secara haram dalam satu operasi khas di Kuantan.


Bertindak atas maklumat risikan yang disalurkan oleh pasukan Ibu Pejabat Kontinjen Kuantan (IPK), sepasukan pegawai telah menjalankan serbuan di sebuah kediaman di Taman Cendor Darat, Kuantan. Hasil serbuan tersebut membawa kepada penahanan beberapa individu warga asing serta seorang wanita tempatan yang dipercayai mengupah warga asing berkenaan untuk menjalankan kerja-kerja pemprosesan kayu Gaharu di kediamannya. Wanita terbabit memaklumkan bahawa aktiviti tersebut dijalankan bersama suaminya namun suami beliau tidak berada di rumah ketika serbuan dilakukan kerana keluar bekerja.

Pemeriksaan lanjut di premis berkenaan menemukan pelbagai peralatan pemprosesan kayu Gaharu serta sejumlah kayu Gaharu yang telah siap diproses dan disimpan di beberapa lokasi dalam rumah tersebut. Kayu Gaharu berkenaan dipercayai dikumpulkan sebelum dijual di pasaran dengan anggaran nilai keseluruhan mencecah RM120,000.

Kes ini telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan pada 26 November 2025. Tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan memiliki hasil hutan secara tidak sah dan telah dikenakan denda sebanyak RM15,000.

Kejayaan operasi ini membuktikan ketegasan pihak berkuasa dalam membanteras aktiviti haram yang melibatkan khazanah hutan negara. Sekiranya tidak dibendung kegiatan seperti ini berpotensi mengancam kelestarian sumber hutan. Dalam masa yang sama, kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan terus menjadi elemen penting dalam memastikan kecurian serta eksploitasi hasil hutan dapat ditangani secara berkesan.













Antara barang-barang yang disita dalam serbuan sindiket pemprosesan kayu Gaharu haram



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA-KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 – ESG *AWARENESS CAMPAIGN* 2025 "*LEADING ENERGY TRANSITION FOR SUSTAINABLE TOMORROW*" BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 30 OKTOBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah berjaya menganjurkan Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 – ESG *Awareness Campaign 2025 "Leading Energy Transition for Sustainable Tomorrow*" bertempat di Hutan Simpan Chini, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Program yang diadakan dengan tujuan untuk menyokong Agenda Penghijauan Malaysia – Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ini dalam masa yang sama turut membantu para peserta Program Buy Back Guarentee (BBG) Tasik Chini melalui pembelian 150 anak pokok hutan pelbagai spesies yang ditanam semasa program penanaman ini.

Dengan penglibatan seramai 90 orang peserta terdiri daripada kakitangan dan sukarelawan daripada TNB, kakitangan JPNP serta peserta program BBG Tasik Chini. Program yang diadakan ini selesai dengan jayanya dan mencapai objektif yang diinginkan.









Gambar kenangan yang menarik sempat dirakam sepanjang program berlangsung

PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUANTAN SERTAI AKTIVITI TANAM POKOK BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI TASIK CHINI

Disediakan oleh: Norhafiezah binti Abu Samah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PEKAN, 4 NOVEMBER 2025

Seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Kolej Komuniti Kuantan (melalui Program Rakan Bumi) serta kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menjayakan aktiviti penanaman pokok sempena Program Penghijauan Malaysia – Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Program yang diadakan di Hutan Simpan Chini ini juga merupakan program kerjasama bersama para peserta Program *Buyback Guarantee* (BBG) Tasik Chini yang mana pokok yang ditanam semasa program adalah pokok-pokok yang dibeli daripada para peserta.

Sejumlah 50 anak pokok spesies Merbau dan Meranti tembaga telah ditanam oleh para peserta di kawasan terosot seluas lebih kurang 0.01 hektar. JPNP amat berbangga dengan komitmen dan semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar sepanjang program ini berlangsung. Semoga kesedaran untuk memelihara dan memulihara hutan akan sentiasa tersemat di hati para peserta.







Gambar kenangan yang menarik sempat dirakam sepanjang program berlangsung

PEMANTAUAN UDARA PERKUKUH USAHA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG (JPNP) PELIHARA KELESTARIAN HUTAN

Disediakan oleh: Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 10 NOVEMBER 2025

Sebagai langkah proaktif dalam memastikan kelestarian hutan negeri Pahang terus terpelihara, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah melaksanakan Program Pemantauan Udara Kawasan Hutan Negeri Pahang pada 10 November 2025. Program ini melibatkan pegawai daripada pelbagai unit di bawah Bahagian Operasi dan Pejabat Hutan Daerah JPNP.

Pemantauan yang bermula dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah itu merangkumi beberapa kawasan hutan di seluruh daerah di Negeri Pahang. Pendekatan pemantauan dari udara ini membolehkan kawasan hutan dinilai secara lebih pantas, menyeluruh dan sistematik.

Melalui kaedah ini, sebarang aktiviti pencerobohan, pembalakan haram atau perubahan guna tanah dapat dikesan lebih awal. Maklumat yang diperoleh seterusnya membolehkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan susulan di lapangan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan pemantauan jabatan malah memperkukuhkan usaha ke arah pengurusan hutan secara mampan. Pelaksanaan program seumpama ini jelas mencerminkan komitmen JPNP dalam memanfaatkan teknologi serta pendekatan moden demi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan berterusan.







Gambar aktiviti yang dirakam sepanjang program berlangsung

LAWATAN PENILAIAN PELAKSANAAN KAJIAN PENGGUNAAN NAMA SAINTIFIK PADA PAS PEMINDAH BAGI MEMENUHI KEPERLUAN EUDR

Disediakan oleh: Line @ Norline binti Zarnudin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

JERANTUT, 20 NOVEMBER 2025

Pada 20 November 2025 yang lalu telah diadakan lawatan Kajian Penggunaan Nama Saintifik pada Pas Pemindah bagi memenuhi keperluan *The Europian Union Deforestation Regulation* (EUDR) bertempat di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Jerantut Feri, Jerantut. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Seksyen Pensijilan Hutan Pn. Nor Halizah binti Abd Halim, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Lawatan ini bertujuan untuk membuat penilaian awal terhadap pelaksanaan penggunaan nama saintifik sehingga ke peringkat spesies pada Pas Pemindah dalam pengurusan hasil hutan khususnya bagi memenuhi keperluan EUDR. Fokus utama lawatan ini adalah untuk meneliti proses pengeluaran Pas Pemindah di BPH serta semakan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu di lapangan.



Taklimat disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Jerantut



Semakan kayu balak oleh kakitangan JPNP



Semakan diameter log kayu balak oleh kakitangan BPH



Semakan spesies dan nombor tag dibuat bagi memastikan maklumat adalah sebagaimana Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu



Kakitangan diberikan pendedahan berkenaan penggunaan nama saintifik pada Pas Pemindah

"OPS CUCI" DI CAMERON HIGHLANDS BERSIHKAN KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM


Disediakan oleh: Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

CAMERON HIGHLANDS, 1 HINGGA 5 DISEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah melaksanakan operasi bersepadu selama lima (5) hari bermula 1 Disember 2025 iaitu “OPS CUCI” 2025 yang tertumpu di kawasan Hutan Simpan Sungai Ichat, Hutan Simpan Ulu Bertam, Hutan Simpan Sungai Terla dan Hutan Simpan Mensun, Cameron Highlands. Operasi ini melibatkan beberapa agensi yang terdiri daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Unit Penguatkuasa Negeri Pahang (UPNP), Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands (PDT), Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Objektif Operasi ini adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sisa-sisa pertanian termasuk objek lain yang dibuang berhampiran sungai dan juga laluan utama memasuki Hutan Simpan. Perkara ini dipercayai dilakukan oleh pekebun-pekebun yang tidak bertanggungjawab.

Sebuah jengkaut dan sebuah motolori pengangkut sampah digunakan untuk memungut dan memindahkan sisa-sisa sampah. Penggunaan jentera ini membantu mengurangkan risiko tinggi kepada kakitangan semasa melaksanakan operasi. Hasil operasi selama lima (5) hari ini, sebanyak lebih kurang 30 tan sisa-sisa pertanian pelbagai jenis telah berjaya dipindahkan ke tempat pelupusan sampah. JPNP terutama Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands (PHDCH) tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan tegas seperti tangkapan dan kompaun terhadap mana-mana pihak yang mengulangi perkara yang sedemikian pada masa akan datang.



Gambar jentera melaksanakan aktiviti kerja pembersihan di beberapa kawasan hutan simpan

JPN PERAK

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	15 OGOS 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	32
2	27 SEPTEMBER 2025	PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION, PARTICIPATION & AWARENESS (CEPA)* PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR BERSAMA KELAB MOTOR CBX DI TER ULU KENAS	33
3	30 OKTOBER 2025	*FIELD TRAINING EXERCISE (FTX)* PENGURUSAN BENCANA (OP CERUN)	*34*
4	11 DAN 12 NOVEMBER 2025	*MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN CENTRAL FOREST SPINE JPSM BIL. 2/2025 DAN LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INISIATIF PIRECFS 2022*	*35*
5	14-16 OKTOBER 2025	BENGKEL PENILAIAN *CONSERVATION ASSURED, TIGER STANDARDS (CA|TS)* BAGI EMPAT CADANGAN TAPAK MELIBATKAN HUTAN SIMPAN TEMENGOR, HUTAN SIMPAN GERIK, HUTAN SIMPAN AMANJAYA DAN HUTAN SIMPAN BANDING	*36*
6	22-26 SEPTEMBER 2025	PELAKSANAAN PENGAUDITAN BAGI KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (MC&I SFM) DI FMU PERAK	*37*
7	29 OKTOBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK YAYASAN HIJAU MALAYSIA BERSAMA PETRON REFINING & MARKETING BERHAD DENGAN KERJASAMA PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG	38
8	5 NOVEMBER 2025	PROGRAM *NATURE CONSERVATION PAPAN FOREST ECO PARK*	39
9	5 DISEMBER 2025	LATIHAN PENGENDALIAN SENJATA API DAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2025	*40*

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Khairullah bin Abd Latiff
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 15 OGOS 2025

Program Penghijauan Malaysia di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada 15 Ogos 2025 bertempat di Taman Eko Rimba Kledang Saiong.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan. Program ini turut disertai oleh Encik Muhamad bin Abdullah, Pengarah Kanan Perancangan dan Ekonomi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan serta pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Sebanyak 100 batang anak pokok daripada pelbagai spesies bernilai tinggi telah ditanam antaranya anak pokok Chengal, Gerutu pasir, Merbau, Bintangor, Merawan, Meranti, Giam lintah bukit dan Balau laut. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan JPNPk dalam menyokong agenda nasional menghijaukan Malaysia melalui kempen penanaman pokok secara besar-besaran.

Kerajaan Negeri Perak melalui JPNPk telah menetapkan sasaran penanaman 10 juta pokok sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu dari tahun 2021 hingga 2025. Sehingga bulan Julai 2025, Negeri Perak telah menanam sebanyak 10,150,925 pokok, sekaligus menjangkaui sasaran asal yang ditetapkan.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen jitu pihak jabatan dalam memelihara alam sekitar dan memastikan kelestarian sumber hutan negeri. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan secara berterusan dan memberikan impak positif terhadap ekosistem serta kesejahteraan generasi akan datang.



Sesi bergambar



Sesi Penanaman oleh YBhg. Dato Pengarah Perhutanan Negeri Perak

PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION, PARTICIPATION & AWARENESS (CEPA)* PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR BERSAMA KELAB MOTOR CBX DI TER ULU KENAS

Disediakan oleh: Mohd Fauzan bin Misron
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA KANGSAR, 27 SEPTEMBER 2025

Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar telah menganjurkan Program *Communication, Education, Participation & Awareness (CEPA)* bersama Kelab Motor CBX Malaysia yang diadakan di Taman Eko-Rimba Ulu Kenas, Kuala Kangsar Perak pada 27 September 2025 yang lalu.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 60 orang ahli Kelab Motor CBX Malaysia daripada beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Program ini juga turut diserikan dengan kehadiran Mantan Pengarah Perhutanan Negeri Perak, YBhg Dato' Mohamed Zin bin Yusop bersama pasangan.

Program dimulakan dengan ucapan dan taklimat ringkas berkaitan Sistem Pengurusan Hutan di Negeri Perak yang disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar, Encik Mohd Fauzan bin Misron. Peserta kemudiannya bergerak ke kawasan hutan di Kompartmen 26A, Hutan Simpan Bubu di lokasi berhampiran untuk sesi penanaman anak pokok yang merupakan kesinambungan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang bertemakan "Pokok Kita, Kehidupan Kita". Spesies pokok yang ditanam adalah daripada spesies Merbau, Gerutu, Cengal dan Damar hitam.

Setelah selesai aktiviti penanaman anak pokok, program diteruskan dengan aktiviti Eksplorasi Interpretasi Denai Hutan di laluan denai hutan dengan jarak kira-kira 500 meter. Pegawai Renj Hutan yang terdiri daripada Kumpulan Pakar Flora (KPF) telah memberikan taklimat interpretasi sepanjang aktiviti tersebut.

Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar komited dalam menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak sama ada daripada agensi kerajaan mahupun pihak swasta dalam melaksanakan program kesedaran seperti ini seterusnya menyokong agenda Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam mempromosikan amalan pengurusan hutan secara lestari terutama kepada masyarakat di negeri ini.



Sebahagian peserta yang terdiri daripada ahli Kelab Motor CBX Malaysia dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar



Sesi taklimat berkaitan Sistem Pengurusan Hutan di Negeri Perak yang disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar

FIELD TRAINING EXERCISE (FTX) PENGURUSAN BENCANA (OP CERUN)

Disediakan oleh: Muhammad Asyraf bin Zainul
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 30 OKTOBER 2025

Satu sesi *Field Training Exercise* (FTX) Pengurusan Bencana (Op Cerun) telah dijalankan di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong. Latihan ini dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak serta disertai oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Negeri Perak, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Perak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Perak, Jabatan Penerangan, Pejabat Daerah Kinta, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Tujuan utama pelaksanaan simulasi FTX Pengurusan Bencana ini adalah untuk menguji tahap kesiapsiagaan semua agensi terlibat dalam menghadapi situasi bencana sebenar melalui latihan lapangan yang komprehensif. FTX ini turut dilaksanakan bagi menilai keberkesanan pelan tindak balas kecemasan, memperkukuh koordinasi antara agensi penyelamat serta sokongan dan menguji keupayaan komunikasi, mobilisasi aset serta penggunaan sumber logistik secara optimum.

Selain itu, FTX berfungsi sebagai platform untuk mengenal pasti kelemahan, cabaran dan aspek yang perlu ditambah baik dalam prosedur operasi standard (SOP) sedia ada sekali gus memastikan pengurusan bencana dapat dijalankan dengan lebih teratur, sistematik dan berkesan pada masa hadapan. Simulasi FTX ini dilaksanakan menggunakan badan mangsa sebenar bagi memberi gambaran realistik terhadap operasi menyelamat. Pasukan penyelamat melaksanakan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di kawasan kejadian dengan menggunakan peralatan yang mencukupi serta mematuhi aspek keselamatan termasuk bantuan teknikal untuk mengesan mangsa.

Diharapkan latihan ini dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan semua agensi dalam menghadapi bencana tanah runtuh dan menilai keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan (EAP) setiap agensi yang terlibat. Jabatan Perhutanan Negeri Perak komited dalam menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak sama ada daripada agensi kerajaan mahupun pihak swasta dalam melaksanakan latihan seperti ini bagi memastikan tahap siap siaga menghadapi bencana sentiasa berada pada tahap optimum.



Mangsa kejadian yang berjaya diselamatkan oleh JBPM dan akan dinilai tahap kecederaan oleh pihak KKM



Sidang media mengenai latihan ini



Penyampaian plak penghargaan oleh Pengarah JKDNKA PDRM Perak kepada Timbalan Pengarah (Operasi) JPNPk

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN CENTRAL FOREST SPINE (CFS) JPSM BIL. 2/2025 DAN LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INISIATIF PIRECFS 2022

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

GERIK, 11 DAN 12 NOVEMBER 2025

Mesyuarat Pengurusan CFS JPSM Bilangan 2 Tahun 2025 telah memilih Negeri Perak sebagai tempat mesyuarat dan lawatan kerja bagi perkongsian pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 yang telah dilaksanakan di rangkaian ekologi CFS A PL1 Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum khususnya melibatkan Hutan Simpan Amanjaya. Mesyuarat Pengurusan CFS JPSM Bilangan 2 Tahun 2025 telah diadakan pada 11 November 2025 bertempat di Dewan Persidangan, Majlis Daerah Gerik manakala lawatan kerja diadakan pada 12 November 2025 di Hutan Simpan Amanjaya.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan semasa lawatan kerja tersebut adalah lawatan pemasangan *billboard* CFS dan papan tanda amaran berkaitan hidupan liar di jalan Timur-Barat yang berkaitan Tindakan 2.4b dan Inisiatif 1i: Memasang papan tanda hidupan liar dan/atau papan tanda yang menunjukkan kawasan tersebut ialah '*wildlife crossing zone*' untuk memberi peringatan kepada pemandu agar memperlahankan kenderaan dan Tindakan 4.3a dan Inisiatif 4: Memasang papan tanda dan *billboard* di lokasi-lokasi strategik dalam kawasan CFS bukan sahaja sebagai penanda kawasan malahan boleh berperanan untuk meningkatkan kesedaran melalui mesej-mesej nasihat/ amaran/ peringatan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan *Central Forest Spine* JPSM BIL. 2/2025 di Dewan Persidangan Majlis Daerah Gerik



Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan *Central Forest Spine* JPSM BIL. 2/2025



Lawatan pemasangan *billboard* CFS di Hutan Simpan Amanjaya

Selain itu, aktiviti penanaman pokok turut dilaksanakan bersama ahli mesyuarat dalam memenuhi Tindakan 2.2a dan Inisiatif 1: Memulihkan kawasan-kawasan lapang supaya menjadi berhutan semula dengan spesies berpasaran dan berkualiti supaya menjadi sumber hutan yang dapat memberikan pulangan yang optimum dan pameran CFS di bawah Tindakan 4.3b dan Inisiatif 1: Inisiatif 1:Memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui pelaksanaan program *Conservation*, *Education*, *Participation* and Awareness (CEPA).

Ahli mesyuarat juga turut diberi pendedahan berkaitan penglibatan badan bukan Kerajaan dalam pelaksanaan PIRECFS 2022, pelaksanaan lintasan hidupan liar atau *viaduct* yang telah siap dibina pada 22 April 2015 dan menara pandang pada 9 Disember 2016, pewujudan dan penyelenggaraan jenut tiruan, pemantauan kehadiran hidupan liar melalui kesan tapak kaki, najis dan cakaran pada batang pokok, pemasangan perangkap kamera, pemasangan pagar elektrik dan penanaman semula dengan anak pokok tempatan. Oleh demikian, Jabatan Perhutanan Negeri Perak sangat komited dalam melaksanakan PIRECFS 2022 dan berusaha ke arah menjadi peneraju terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara lestari.



Aktiviti penanaman pokok di Hutan Simpan Amanjaya



Penerangan berkaitan tanda kehadiran hidupan liar melalui kesan cakaran



Pameran dan taklimat ringkas pelaksanaan PIRECFS 2022 di Negeri Perak khususnya di rangkaian ekologi CFS A PL1 Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum



Lawatan ke laluan hidupan liar (*Viaduct*) di Hutan Simpan Amanjaya



Pameran dan taklimat ringkas pelaksanaan PIRECFS 2022 di Negeri Perak

BENGKEL PENILAIAN *CONSERVATION ASSURED, TIGER STANDARDS (CA|TS)* BAGI EMPAT CADANGAN TAPAK MELIBATKAN HUTAN SIMPAN TEMENGOR, HUTAN SIMPAN GERIK, HUTAN SIMPAN AMANJAYA DAN HUTAN SIMPAN BANDING

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA LUMPUR, 14 HINGGA 16 OKTOBER 2025

Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS) merupakan skim akreditasi antarabangsa yang diperkenalkan bagi memperkukuhkan pengurusan kawasan habitat harimau yang efektif serta merangkumi standard dan kriteria asas bagi perlindungan spesies yang ikonik dan penting ini di samping dapat mempamerkan tahap komitmen dalam usaha melindungi harimau. Matlamat utama skim akreditasi CA|TS ini adalah untuk membantu menstabilkan dan meningkatkan populasi harimau. Pada tahun 2017, Taman Negeri Royal Belum (TNRB) yang telah didaftarkan di bawah skim akreditasi antarabangsa CA|TS.

Susulan itu, satu bengkel kajian kesesuaian pelaksanaan CA|TS bagi keempat-empat hutan simpanan kekal (HSK) yang bersempadan dengan TNRB iaitu Hutan Simpan (HS) Temengor, HS Gerik, HS Amanjaya dan HS Banding telah diadakan pada Jun 2022 dengan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dan WWF-Malaysia bertujuan memberi pengenalan mengenai CA|TS kepada pihak pemegang taruh yang berkaitan dan untuk menilai kesesuaian pelaksanaan CA|TS melalui penilaian CA|TS *Lite* (ringkasan kepada keseluruhan standard CA|TS). Sehubungan itu, pendaftaran keempat-empat HSK yang bersempadanan dengan TNRB adalah penting untuk memastikan pengurusan habitat harimau yang berkesan, selaras dengan piawaian yang terdapat di dalam CA|TS.

Jesteru itu, satu lawatan teknikal ke India telah dilaksanakan pada 5 hingga 11 Mac 2023 melibatkan seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada JPNPk, WWF-Malaysia bersama beberapa agensi yang lain seperti UPEN, Pejabat EXCO Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Lawatan teknikal ini telah membantu memberikan gambaran serta pemahaman yang lanjut kepada peserta program tentang amalan pengurusan yang baik berkaitan dengan usaha konservasi harimau dan pelaksanaan CA|TS di India.

Susulan itu, usaha ini diteruskan dengan melaksanakan bengkel penilaian CA|TS melalui CA|TS *Lite* yang merupakan *rapid assessment* yang mempunyai 40 kriteria dan menyediakan pangkalan data melibatkan keempat-empat cadangan tapak tersebut iaitu HS Temengor, HS Gerik, HS Amanjaya dan HS Banding pada 13-15 Mei 2025 dan 14-16 Oktober 2025. Bengkel ini merupakan langkah awal sebelum pendaftaran CA|TS dilaksanakan. Oleh demikian, JPNPk sangat komited dalam pengurusan hutan tropika secara lestari.



Bengkel Penilaian CA|TS Bagi HS Temengor, HS Banding, HS Gerik Dan HS Amanjaya Bil. 1 Tahun 2025 Negeri Perak Pada 13-15 Mei 2025 Di Hotel Everly Putrajaya



Bengkel Penilaian CA|TS Bagi HS Temengor, HS Banding, HS Gerik Dan HS Amanjaya Bil. 2 Tahun 2025 Negeri Perak Pada 14-16 Oktober 2025 Di Hotel IBIS, KLCC

PELAKSANAAN PENGAUDITAN BAGI KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (MC&I SFM) DI FMU PERAK

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 22 HINGGA 26 SEPTEMBER 2025

Unit Pengurusan Hutan (*Forest Management Unit* - FMU) Perak telah melaksanakan pengauditan Pensijilan Semula / Pemantauan oleh badan pensijilan bebas dan telah berjaya memperolehi Sijil Pengurusan Hutan mengikut Standard MC&I (*Sustainable Forest Management*) bagi tempoh 24 April 2024 hingga 31 Mei 2029 dengan keluasan skop baharu iaitu seluas 988,700.88 hektar. Peningkatan keluasan skop sebanyak 1,025 hektar daripada pensijilan sebelum ini telah menunjukkan komitmen FMU Perak dalam pensijilan pengurusan hutan serta penambahan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

FMU Perak telah melaksanakan Audit Dalaman Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi Pensijilan MC&I SFM pada 4 hingga 7 Ogos 2025 dan telah menerima satu (1) peluang penambahbaikan atau *Opportunities For Improvement*-(OFI) di bawah petunjuk 6.5.6 berkaitan pengurusan baja. Susulan itu, FMU Perak telah melaksanakan Audit Pemantauan 2 bagi Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I SFM pada 22 hingga 26 September 2025 oleh badan bebas pensijilan iaitu SIRIM QAS International Sdn Bhd. Hasil pengauditan tersebut, FMU Perak telah menerima satu (1) ketakakuran di bawah petunjuk 4.2.5 berkaitan pengendalian minyak enjin dan dua (2) OFI di bawah petunjuk 4.2.3 berkaitan kekurangan peralatan dalam peti pertolongan cemas dan di bawah 8.5.1 berkaitan ringkasan hasil pemantauan penilaian impak alam sekitar dan sosial tidak dipamerkan di laman web. Oleh demikian, FMU Perak adalah komited terhadap pematuhan kehendak MC&I SFM ke arah pencapaian matlamat pengurusan hutan secara berkekalan.



Mesyuarat dan taklimat pengauditan pemantauan 2 Bagi Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I SFM di FMU Perak Tahun 2025



Sesi pengauditan MC&I SFM di lapangan Daerah Hutan Kuala Kangsar



Sesi temubual bersama Masyarakat Orang Asli semasa pengauditan MC&I SFM di lapangan Daerah Hutan Hulu Perak



Sesi pengauditan MC&I SFM di lapangan Daerah Hutan Hulu Perak

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK YAYASAN HIJAU MALAYSIA BERSAMA PETRON REFINING & MARKETING BERHAD DENGAN KERJASAMA PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

Disediakan oleh: Mohd Firdaus bin Jamel
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA SEPETANG, 29 OKTOBER 2025

Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang telah menerima kunjungan daripada Yayasan Hijau Malaysia bersama Petron Refining & Marketing Berhad sempena Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Turut hadir tetamu khas pada program tersebut ialah YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YBhg. Dato' Samsul Anuar bin Nawi, Pengarah Ladang Hutan & Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Tuan Mohd Nasrul bin Menhat, Pegawai Daerah Larut, Matang & Selama, Tuan George Zachariah, *Head of Distribution & Terminal Operations* Petron Malaysia dan Yang Berusaha Encik Mohd Firdaus bin Jamel, Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Seramai 72 orang peserta dari Yayasan Hijau Malaysia dan Petron Refining & Marketing Berhad telah menanam sebanyak 500 pokok bakau spesies Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) di Sbhg. Kompt. 29 Hutan Simpan Paya Laut Jebong Daerah Larut dan Matang seluas 0.06 ha.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mengekalkan ekosistem dan kelestarian alam Hutan Simpan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang.



Pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) yang telah ditanam oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam di HS Paya Laut Jebong di Sbhg. Kompt. 29



Bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam selepas penanaman pokok Bakau



Bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam, Pengarah Ladang Hutan & Perlindungan Hutan JPSM, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama, Head of Distribution & Terminal Operations Petron Malaysia dan Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang

PROGRAM *NATURE CONSERVATION PAPAN FOREST ECO PARK*

Disediakan oleh: Muhammad Umar bin Abdullah
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

TAMAN EKO RIMBA PAPAN, 5 NOVEMBER 2025

Universiti Teknologi Petronas (UTP) telah menganjurkan Program *Nature Conservation Papan Forest Eco Park* dengan kerjasama kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung pada 5 November 2025 bertempat di Taman Eko Rimba Papan. Program ini telah disertai oleh seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh seorang Pensyarah Universiti Teknologi Petronas (UTP). Sepanjang program berlangsung, para peserta telah terlibat secara aktif dalam aktiviti penanaman pokok herba sebagai usaha menyokong pemuliharaan alam sekitar. Sebanyak 28 spesies pokok herba telah ditanam, antaranya Tongkat ali hitam, Mata pelanduk, Mahkota dewa, Halia merah serta beberapa spesies herba lain yang mempunyai nilai perubatan dan ekologi.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta asas pengetahuan kepada para pelajar berkaitan kaedah penanaman pokok herba dalam usaha mengekalkan keseimbangan alam semula jadi. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk melestarikan alam sekitar, memupuk kesedaran dan rasa cinta terhadap alam semula jadi, serta mewujudkan persekitaran yang lebih hijau, bersih, sihat dan selamat.

Sebagai penutup program, para pensyarah dan pelajar telah mengadakan lawatan sekitar kawasan Taman Eko Rimba Papan bagi mengenali dengan lebih dekat keindahan serta kepelbagaian biodiversiti yang terdapat di kawasan tersebut. Program diakhiri dengan sesi bergambar kenangan sebagai tanda penghargaan dan memori bersama sepanjang penganjuran aktiviti ini.



Gambar kenangan yang menarik sempat dirakam sepanjang program berlangsung

LATIHAN PENGENDALIAN SENJATA API DAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2025

Disediakan oleh: Norzalyta binti Mohd Ghazali
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 05 DISEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melaksanakan Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2025 bertempat di Lapang Sasar Ibu Pejabat Kontinjen Polis Perak. Latihan pada tahun 2025 telah melibatkan penyertaan daripada pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Latihan telah dikendalikan oleh seramai 12 orang anggota Polis DiRaja Malaysia daripada Ibu Pejabat Kontijen Polis Perak yang diketuai oleh Tuan Inspektor Mohammad Yusri bin Md Yusof, Pegawai Persenjataan / Unit Pemusnah Bom IPK Perak.

Pengisian program latihan menembak selama satu (1) hari itu terdiri daripada sesi taklimat dan latihan praktikal mengenai tatacara dan aspek keselamatan pengendalian senjata api dengan betul. Selain itu, Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak juga bertujuan untuk memenuhi syarat pembaharuan lesen bagi semua pemegang lesen senjata api Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Pertandingan menembak juga turut diadakan bagi anggota yang terpilih yang melibatkan acara *Centre Fire* dan *Falling Plate* bagi kategori perseorangan dan berkumpulan. Latihan selesai pada jam 5.00 petang dengan jayanya tanpa sebarang kecederaan dan kemalangan.



Urusetia latihan bergambar diakhir latihan



Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak



Sesi Bergambar bersama Pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak

JPN PERLIS

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	4 JULAI 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KAMPUS LESTARI POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PAUH, PERLIS.	41
2	5 JULAI 2025	PROGRAM JOM TANAM POKOK BAKAU ANJURAN PANDU PUTERI KLOVER II UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)	42
3	17 JULAI 2025	LAWATAN TEKNIKAL JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS KE ENTOPIA BY PENANG *BUTTERFLY FARM* TELUK BAHANG, PULAU PINANG	43
4	27 JULAI 2025	PROGRAM PASAR GEOWARISAN SE-JATI PERLIS TAHUN 2025	44
5	9 OGOS 2025	DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA PERLIS MENCEMAR DULI BERSAMA KERABAT KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM, PERLIS	45
6	13 OGOS 2025	PROGRAM JOM TANAM POKOK BAKAU BERSAMA KOLEJ PERTANIAN BUKIT TANGGA, BUKIT KAYU HITAM, KEDAH.	46
7	24 OGOS 2025	PERKHEMAHAN LESTARI ALAM PASUKAN BADAN BERUNIFORM SEKOLAH KEBANGSAAN 1 SELAYANG BARU	47
8	25 OGOS 2025	LAWATAN KERJA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT, PERLIS	48
9	27 SEPTEMBER 2025	SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT NEGERI PERLIS	49
10	28 SEPTEMBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA PROGRAM RAKAN BUMI: LESTARI ALAM *LE TOUR DE* LANGKAWI (LTDL) 2025	50

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
11	11 OKTOBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA KEJOHANAN *PAINTBALL* PIALA YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS TAHUN 2025	51
12	25 OKTOBER 2025	PROGRAM *MANGROVE REVIVAL INITIATIVE* BERSAMA DELEGASI *NORTHERN CORRIDOR ECONOMIC REGION* (NCER) MALAYSIA	52
13	2 NOVEMBER 2025	*THE NORTHERNMOST INTERNATIONAL BIRD RACE* WANG KELIAN, PERLIS 2025	53
14	8 NOVEMBER 2025	BENGKEL INTERPRETASI DENAI LALUAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TAMAN NEGERI PERLIS (HUTAN SIMPAN KURONG BATANG DAN BUKIT BESÌ HANGIT)	54
15	14 NOVEMBER 2025	PROGRAM HIJAUKAN UITM CAWANGAN PERLIS	55
16	14 NOVEMBER 2025	EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TAMAN NEGERI PERLIS (HUTAN SIMPAN KURONG BATANG & HUTAN SIMPAN BUKIT BESI HANGIT) TAHUN 2025	56
17	3 DISEMBER 2025	GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM SELEPAS BENCANA BANJIR BESAR TAHUN 2025	57
18	12 DISEMBER 2025	LAWATAN MUHIBBAH DELEGASI PERSATUAN WANITA JABATAN PERHUTANAN SABAH (P'WAJAH) KE NEGERI PERLIS	58
19	20 DISEMBER 2025	PERLIS *MOUNTAIN DAY* SEMPENA SAMBUTAN HARI GUNUNG PERINGKAT NEGERI PERLIS 2025 DAN PERLIS *ULTRA MARATHON* 2025 (PUTRA)	59

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KAMPUS LESTARI POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PAUH, PERLIS

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

ARAU, 4 JULAI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Pauh telah melaksanakan Program Penghijauan Malaysia bertempat di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Pauh, Perlis.

Program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, yang berkenan mencemar duli menghadiri dan merasmikan program tersebut.

Turut hadir bersama YBrs. Ts. Khairul Anuar Bin Ishak, Pengarah PTSS dan YBrs. En. Ag. Shaffie Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.

Sebanyak lima (5) anak pokok telah ditanam yang terdiri daripada spesies Giam malut (*Hopea ferrea*) dan Bunga tanjung (*Mimusops elengi*) dan DYTM Tuanku Raja Muda berkenan menanam pokok Giam malut (*Hopea ferrea*) di Hotel Pauh Inn sebagai simbolik Perasmian Kampus Lestari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh.



Simbolik penanaman pokok oleh DYTM Tuanku Raja Muda & DYTM Raja Puan Muda





Sesi bergambar Pengarah Perhutanan Negeri Perlis bersama Pengarah PTSS

PROGRAM JOM TANAM POKOK BAKAU ANJURAN
PANDU PUTERI KLOVER II UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KUALA PERLIS, 5 JULAI 2025

Program Jom Tanam Pokok Bakau anjuran Pandu Puteri Klover II, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah diadakan di sekitar kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis.

Seramai 30 orang pelajar telah menyertai program ini dibantu oleh empat (4) orang kakitangan teknikal dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan. Kehadiran mereka memberikan sokongan dan bimbingan dalam aspek penanaman dan penjagaan pokok Bakau. Turut hadir mengiringi pelajar ialah jurulatih Pandu Puteri Klover iaitu Puan Azlina Abd Aziz dan Puan Kalsom Akasyah.

Sebanyak 60 anak pokok Bakau daripada spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam di kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ekosistem pokok bakau dalam memelihara biodiversiti serta sebagai langkah mitigasi hakisan tanah dan kesan perubahan iklim.



Sesi bergambar selepas aktiviti penanaman pokok Bakau kurap

LAWATAN TEKNIKAL JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS KE ENTOPIA BY PENANG *BUTTERFLY FARM* TELUK BAHANG, PULAU PINANG

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

TELUK BAHANG, 17 JULAI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah mengadakan satu lawatan teknikal ke Entopia by Penang *Butterfly Farm* yang terletak di Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Lawatan ini telah diketuai oleh En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis bersama beberapa orang pegawai jabatan. Lawatan teknikal ini merupakan salah satu inisiatif jabatan dalam memperkukuh hubungan kerjasama serta bertukar pandangan dengan pihak pengurusan Entopia ke arah memperkasakan pengurusan sumber biodiversiti dan pembangunan ekopelancongan, khususnya di kawasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Perlis.

Rombongan Jabatan telah diiringi oleh En. Chin Boon Tat, Ketua Pegawai Operasi Entopia, serta diberikan taklimat dan penerangan oleh jurupandu interpretasi yang berpengalaman sepanjang lawatan berlangsung.







Taklimat dan penerangan oleh jurupandu interpreatasi sepanjang lawatan

PASAR GEOWARISAN SE-JATI PERLIS TAHUN 2025

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

MATA AYER, 27 JULAI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dengan kerjasama rakan-rakan strategik telah menganjurkan Pasar Geowarisan Se-Jati 2025 bertempat di Teak Eco Park, Stesen Penyelidikan FRIM Mata Ayer. Program ini telah bermula pada 25 Julai 2025 hingga 27 Julai 2025.

Pelbagai program dan acara telah diadakan sepanjang program ini berlangsung antaranya ialah Pertandingan Nyayian Lagu P. Ramlee dan Saloma, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Masakan Tradisional Perlis, Pameran Jabatan dan Agensi, Gerai Jualan, aktiviti Permainan Tradisional dan pelbagai lagi.

Perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Turut hadir sama ialah YAB Tuan Mohd Shukri Ramli, Menteri Besar Perlis, YB Tuan Rus'sele Eizan, Speaker DUN Perlis, YBhg. Dato' Dr, Hj Ismail Parlan, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), YBrs. Tuan Mohd Radhi Chu Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YB Dato' Rahimi Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Tuan Saharuddin Sarwan, Pegawai Kewangan Negeri Perlis, YB Exco Negeri Perlis, Ketua-ketua jabatan dan agensi serta tetamu jemputan.



Sesi bergambar di hadapan pintu gerbang program



Perasmian penutup disempurnakan oleh DYMM Raja Perlis


Penerangan kepada pengunjung di reruai jabatan



Reruai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Gerai jualan yang berkonsepkan tradisional

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA PERLIS MENCEMAR DULI BERSAMA KERABAT KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM, PERLIS

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KAKI BUKIT, 9 OGOS 2025

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis bersama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar duli berangkat ke Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, Kaki Bukit, Perlis
.
Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Razlan Putra Jamalullail, Tengku Syarif Laksamana Perlis, Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail anakanda kepada DYTM Tuanku Raja Muda Perlis serta kaum kerabat Diraja.

Sepanjang lawatan tersebut, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis bersama kaum kerabat telah dibawa melawat ke Galeri Gua Kelam, Rumah Cermin seterusnya meneroka Gua Kelam 1 dan Gua Kelam 2. Sesi taklimat berkaitan pengurusan serta pembangunan ekopelancongan telah disampaikan oleh YBrs. En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.



Sesi bergambar di hadapan pintu masuk Gua Kelam 2



Semasa di dalam Gua Kelam 2







DYTM Tuanku Raja Perlis bersama keluarga bergambar di sekitar gua kelam 1

PROGRAM JOM TANAM POKOK BAKAU BERSAMA
KOLEJ PERTANIAN BUKIT TANGGA, BUKIT KAYU HITAM, KEDAH

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

BUKIT KAYU HITAM, 13 OGOS 2025

Program Jom Tanam Pokok Bakau anjuran Kolej Pertanian Bukit Tangga, Bukit Kayu Hitam, Kedah dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah berjaya diadakan di sekitar kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis.

Program ini turut dihadiri oleh Pengetua Kolej Pertanian Bukit Tangga bersama barisan pensyarah. Turut hadir memberi sokongan dan bimbingan teknikal ialah Encik Hafiz bin Md Isa, Pegawai Hutan Daerah Perlis Selatan bersama empat (4) orang kakitangan teknikal Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Kehadiran mereka telah membantu memastikan pelaksanaan aktiviti penanaman dan penjagaan pokok Bakau berjalan dengan teratur dan berkesan. Seramai 80 orang pelajar telah terlibat dalam menjayakan program ini.

Sebanyak 160 anak pokok Bakau daripada spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam di kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ekosistem bakau dalam pemeliharaan biodiversiti, di samping berperanan sebagai langkah mitigasi terhadap hakisan tanah serta kesan perubahan iklim.







Peserta menanam pokok Bakau kurap

PERKHEMAHAN LESTARI ALAM PASUKAN BADAN BERUNIFORM SEKOLAH KEBANGSAAN 1 SELAYANG BARU

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 24 OGOS 2025

Sekolah Kebangsaan 1 Selayang Baru telah menganjurkan Perkhemahan Lestari Alam Pasukan Beruniform bertempat di Nakawan *Basecamp*, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis. Perkhemahan ini telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 22 hingga 24 Ogos 2025.

Sepanjang perkhemahan, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan alam sekitar antaranya lawatan ke Rimba Herba Perlis, lawatan ke Tapak Semaian Genting Kabu serta pelbagai aktiviti menarik dan berfaedah yang lain. Seramai 72 orang murid bersama 20 orang guru pengiring telah menyertai perkhemahan ini.

Majlis penutup serta penyampaian sijil perkhemahan telah diadakan di Dewan Serbaguna Bukit Ayer. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBrs. En. Mohd Rizal Rais, Guru Besar SK 1 Selayang Baru dan telah dirasmikan oleh YBrs. En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.

Selain itu, satu sesi tandatangan jalinan kerjasama antara Sekolah Kebangsaan 1 Selayang Baru dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah diadakan sebagai usaha memperkukuh hubungan kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak.



Pelajar di bawa ke Rimba Herba dan diberikan taklimat oleh PH Azahar



Pelajar diperkenakan dengan aktiviti merumput



Sesi bergambar kenang-kenangan



Aktiviti Penanaman Pokok



Lawatan ke Tapak Semaian Genting Kabu

LAWATAN KERJA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT, PERLIS

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 25 OGOS 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menerima lawatan kerja YB Dato' Rahimi bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ke Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau kemudahan penginapan, tarikan semula jadi serta pelbagai aktiviti rekreasi yang ditawarkan di sekitar kawasan ekopelancongan tersebut. Kerajaan Negeri Perlis komited untuk terus memperkukuhkan sektor pelancongan negeri melalui pengenalan produk-produk pelancongan yang lebih berdaya saing seterusnya menjadikan negeri Perlis sebagai destinasi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa bersempena Tahun Melawat Perlis 2025–2026.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, wakil Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN) serta wakil-wakil jabatan berkaitan



Sekitar lawatan YB Dato' Rahim di Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat









Sekitar lawatan YB Dato' Rahimi di
Kompleks Ekopelancongan Sg Batu Pahat



SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KUALA PERLIS, 27 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama rakan-rakan strategik telah menganjurkan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa 2025 Peringkat Negeri Perlis bertempat di Kompleks Makanan Laut (KOMALAUT) Kuala Perlis, Perlis.

Pelbagai aktiviti dan acara telah diadakan sepanjang program ini berlangsung antaranya ialah Pertandingan Mewarna Keluarga Peringkat Tadika KEMAS negeri Perlis, semaian anak benih pokok bakau, ceramah kesedaran berkenaan dengan kepentingan ekosistem Hutan Paya Laut oleh ketua jabatan dan wakil agensi, *Plogging* dan pertandingan timbang sampah paling berat, *Trash to Cash* serta pameran jabatan dan agensi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Wan Badariah binti Wan Saad, EXCO Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar) diiringi YBrs. En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan YBrs. En Zaki Abdul Aziz bin Daud, Ketua Pegawai Eksekutif, E-Idaman Sdn. Bhd *Group of Companies* serta turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan agensi serta wakil.

Sambutan ini juga turut diadakan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan E-Idaman Sdn. Bhd berkaitan usaha-usaha berkaitan dengan pemeliharaan ekosistem Hutan Paya Laut di negeri Perlis.

Sebanyak 500kg sampah telah berjaya dikutip. YB Wan Badariah binti Wan Saad serta tetamu turut dibawa melawat ke Pelantar Interpretasi Hutan Paya Laut dan menyempurnakan penanaman pokok dari spesies Rhu pantai (*Casuarina equisetifolia*).







Pameran Agensi



Ceramah Kesedaran



Aktiviti *Plogging*



Pertandingan mewarna



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA PROGRAM RAKAN BUMI: LESTARI ALAM *LE TOUR DE* LANGKAWI (LTdL) 2025

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 28 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perlis telah mengadakan Program Penghijauan Malaysia sempena Program Rakan Bumi : Lestari Alam *Le Tour de* Langkawi (LTdL) 2025 bertempat di Kompt. 9, Hutan Simpan Bukit Bintang, Perlis.

Seramai lebih kurang 80 peserta terdiri daripada pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) dan Institut Latihan Perindustrian Negeri Perlis (ILP) telah terlibat dalam melaksanakan aktiviti penanaman pokok. Sebanyak 100 pokok dari spesies Meranti temak nipis (*Antoshorea roxburghii*) telah ditanam.

Turut hadir ke program ini ialah YBrs. Encik Musa bin Salim, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis, Puan Maznah binti Musa, Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Perlis, Encik Muzani bin Saad, Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur) dan dan dibantu oleh Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan.







Sekitar aktiviti penanaman pokok Meranti temak nipis

KEJOHANAN PAINTBALL PIALA YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS TAHUN 2025

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 11 OKTOBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Nak-Kawan *Paintball* Perlis dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Negeri Perlis telah menganjurkan Kejohanan *Paintball* Piala YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2025. Kejohanan ini telah berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar serta Nak-Kawan *Paintball* Perlis, Bukit Ayer Resort, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Sebanyak 18 pasukan dari pelbagai negeri telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini antaranya dari Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah. Selain pertandingan *paintball*, beberapa aktiviti sampingan turut diadakan termasuk senamrobik dan Kempen Penghijauan Malaysia. Dalam kempen tersebut, sebanyak 20 batang pokok daripada spesies Kelat paya telah ditanam di sekitar kawasan Bukit Ayer Resort.

Upacara perasmian penutup telah diadakan di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis. Turut hadir ialah YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, Puan Mahani Jaafar, Pengurus Nak-Kawan *Paintball* Perlis serta YBrs. Encik Raja Syahriman Raja Halimul Rashid, Pengarah PTPTN Negeri Perlis. Upacara perasmian penutup serta penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.



Aktiviti penanaman pokok sempena Penghijauan Malaysia dan Kejohanan Paintball Piala YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2025

PROGRAM *MANGROVE REVIVAL INITIATIVE* BERSAMA DELEGASI *NORTHERN CORRIDOR ECONOMIC REGION* (NCER) MALAYSIA

Disediakan oleh: Muzani bin Saad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KUALA PERLIS, 25 OKTOBER 2025

NCER Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri P*erlis telah mengadakan Program Mangrove Revival Initiative* bertempat di Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis, Perlis.

Seramai lebih kurang 25 orang peserta telah menyertai program ini dan dibantu oleh kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan. Sesi taklimat penanaman telah disampaikan oleh Pengawas Hutan, Encik Mohd Saili bin Mamat. Sebanyak 50 pokok bakau dari spesies Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) telah ditanam di sekitar Hutan Simpan Pulau Ketam. Turut hadir ke program ini ialah YBhg. Dato' Mohamad Haris Kader Sultan, Ketua Pegawai Eksekutif NCER Malaysia.





Sekitar aktiviti penanaman pokok bakau



THE NORTHERNMOST INTERNATIONAL BIRD RACE WANG KELIAN, PERLIS 2025

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

WANG KELIAN, 2 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST), Malaysian *Nature Society* (MNS) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Negeri Perlis telah menganjurkan pertandingan "*The Northernmost International Bird Race* Wang Kelian, Perlis 2025" bertempat di Taman Negeri Perlis dan sekitar kawasan Wang Kelian, Perlis. Program ini telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 31 Oktober hingga 2 November 2025.

Pertandingan ini telah mempertandingkan tiga (3) kategori utama iaitu Kategori Terbuka/Agensi, Kategori IPT/Sekolah dan Kategori *Photo Race* dengan penyertaan peserta dari dalam dan luar negeri serta penyertaan antarabangsa dari negara Brunei dan Singapura.

Selain pertandingan utama beberapa acara sampingan turut diadakan antaranya Wang Kelian *Cross Country Run* 2025 dan Wang Kelian *Cross Country* MTB *Ride* 2025. Program ini turut dimeriahkan dengan pameran jabatan dan agensi yang melibatkan Perlis *State Secretary Incorporation* (PSSI), Perlis *Nature Xplorer* (PNX), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Perlis, Malaysian *Nature Society* (MNS), Suaka Burung Panti, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perlis. Selain itu, Pasar Warisan dan Jualan Agro FAMA MADANI turut diadakan.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, diiringi oleh YB Tuan Rus'sele bin Eizan, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, YB Wan Badariah binti Wan Saad, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar, YB Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta YBrs. En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. Turut hadir ialah Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan serta wakil agensi berkaitan. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran delegasi dari Satun, Thailand yang diketuai oleh Mr. Chet Budrak, Ketua Daerah Khuandon.



Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis





Perlepasan peserta Bird Race





Perlepasan peserta larian dan berbasikal

BENGKEL INTERPRETASI DENAI LALUAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TAMAN NEGERI PERLIS (HUTAN SIMPAN KURONG BATANG DAN BUKIT BESÌ HANGIT)

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

WANG KELIAN, 10 HINGGA 14 NOVEMBER 2025

Satu bengkel interpretasi dan persediaan denai bagi Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Taman Negeri Perlis (meliputi Hutan Simpan Kurong Batang dan Bukit Besi Hangit) telah diadakan. Bengkel ini melibatkan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis bersama komuniti perhutanan seperti Perlis *Nature Xplorer* (PNX), Perlis *Climbers, Hikers* Perlis dan Malim Gunung Perhutanan serta menumpukan aktiviti di sembilan (9) denai di sekitar kawasan ekspedisi.

Ekspedisi yang dijadualkan berlangsung pada 10 hingga 14 November 2025 ini merupakan anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Program ini bertujuan untuk mengumpul, mendokumentasi dan menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi hutan di Taman Negeri Perlis.

Data yang diperoleh daripada ekspedisi ini dijangka dapat membantu jabatan dalam merancang serta memelihara sumber khazanah alam semula jadi yang terdapat di kawasan Hutan Simpanan Kekal tersebut.



Taklimat penerangan tentang laluan denai



Penandaan trek dan denai



PROGRAM HIJAUKAN UiTM CAWANGAN PERLIS

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

ARAU, 14 NOVEMBER 2025

UiTM Cawangan Perlis hari ini telah melaksanakan Program Penanaman Anak Pokok Jati sebagai kesinambungan kepada Program Hijaukan UiTM Cawangan Perlis yang telah dirasmikan pada 7 November 2025 oleh YBhg. Rektor UiTM Cawangan Perlis yang lalu.

Program penanaman ini telah disempurnakan oleh Unit Ladang, para pensyarah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) serta 150 orang pelajar pra-diploma dan diploma Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Aktiviti penanaman bermula pada 9.00 pagi dan berakhir pada 11.00 pagi di tapak semaian universiti. Sebanyak 500 anak pokok Jati telah berjaya ditanam hasil sumbangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

Program ini mencerminkan komitmen UiTM Cawangan Perlis dalam usaha memelihara alam sekitar, memupuk kesedaran hijau dalam kalangan warga kampus serta menyokong agenda kelestarian negara.



Sekitar Program Penanaman Anak Pokok Jati

EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TAMAN NEGERI PERLIS (HUTAN SIMPAN KURONG BATANG & HUTAN SIMPAN BUKIT BESI HANGIT) TAHUN 2025

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 14 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Komuniti Hutan Negeri Perlis telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Taman Negeri Perlis (meliputi Hutan Simpan Kurong Batang dan Hutan Simpan Bukit Besi Hangit) yang berlangsung dari 10 hingga 14 November 2025 bertempat di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Wan Badariah binti Wan Saad, EXCO Kerajaan Negeri Perlis bagi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar, diiringi oleh YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, wakil komuniti hutan negeri Perlis serta para penyelidik.

Seramai 66 orang penyelidik telah terlibat dalam ekspedisi ini dengan 19 tajuk kajian dilaksanakan. Beberapa penemuan baharu telah dicatatkan sepanjang ekspedisi, antaranya spesies labah-labah dari famili Nesticidae yang hidup dalam gua dan belum pernah direkodkan di Malaysia serta penemuan *triglobitic spiders* dari tiga (3)famili berbeza dalam zon gelap gua.



Aktiviti di dalam Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Taman Negeri Perlis









Sesi bergambar YB Puan Wan Badariah bersama para penyelidik

GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM SELEPAS BENCANA BANJIR BESAR TAHUN 2025

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

WANG KELIAN, 3 DISEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Komuniti Hutan Negeri Perlis, Pasukan Bomba Sukarela Kaki Bukit, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Perlis dan Askar Wataniah, Kem 504 Bukit Keteri, Perlis telah melaksanakan gotong-royong pembersihan di sekitar Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, Perlis.

Seramai lebih kurang 50 anggota telah terlibat dalam kerja-kerja pembersihan termasuk di kawasan bangunan galeri, Rumah Cermin, wakaf serta laluan pejalan kaki. Aktiviti ini diadakan susulan kejadian banjir besar pada 21 November 2025 yang lalu, yang telah menenggelamkan keseluruhan kawasan kompleks. Pelbagai kemudahan dan fasiliti mengalami kerosakan dan memerlukan tempoh yang panjang untuk kerja penyelenggaraan serta menaiktaraf semula.





Gotong-royong sekitar kawasan Gua Kelam



LAWATAN MUHIBBAH DELEGASI PERSATUAN WANITA JABATAN PERHUTANAN SABAH (P'WAJAH) KE NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 12 DISEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menerima lawatan kerja daripada Persatuan Wanita Jabatan Perhutanan Sabah (P'Wajah) ke Rimba Herba Perlis, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Lawatan ini diketuai oleh YBhg. Datin Rosita S P Limy, Pengerusi P'Wajah bersama ahli-ahli persatuan. Turut hadir ialah Puan Afiza Idris, Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, Puan Nurul Hana Mohd Sayuti, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perlis serta kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan.

Delegasi telah dibawa melawat Rimba Herba Perlis dan diberikan penerangan berkaitan spesies tumbuhan herba serta khasiatnya. Para peserta juga berpeluang mencuba salah satu produk utama di Rimba Herba Perlis iaitu rendaman kaki minyak herba.



Rendaman Herba



Taklimat di sekitar rimba herba oleh PH Azahar



Aktiviti penanaman pokok oleh delegasi P'Wajah





Sesi bergambar YBhg. Datin Rosita , S P Limy dan Puan Afiza

PERLIS *MOUNTAIN DAY* SEMPENA SAMBUTAN HARI GUNUNG PERINGKAT NEGERI PERLIS 2025 DAN PERLIS *ULTRA MARATHON* 2025 (PUTRA)

Disediakan oleh: Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 20 DISEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah mengadakan Perlis *Mountain Day* sempena Sambutan Hari Gunung Peringkat Negeri Perlis 2025 dan Perlis *Ultra Marathon* 2025 (PUTRA) bertempat di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Seramai lebih kurang 150 orang peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, Komuniti Hutan Negeri Perlis serta rakan strategik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), para sukarelawan, pelajar dan orang perseorangan telah terlibat secara aktif dalam pelaksanaan aktiviti konservasi di tiga (3) kawasan pendakian iaitu Gunung Perlis, Bukit Chabang dan Pintu Wang Gunung. “Saya harap usaha konservasi ini dapat diteruskan di kawasan-kawasan pendakian lain dengan penglibatan yang lebih ramai bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar”, ucapan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB Wan Badariah binti Wan Saad, EXCO Kerajaan Negeri Perlis bagi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar diiringi oleh En. Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan En. Mohammad Faidzul bin Awang Bakar, Pengarah MOTAC Negeri Perlis. Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan serta wakil daripada Persatuan Malim Gunung Perhutanan Negeri Perlis (PMGP Perlis) dan Komuniti Hutan Negeri Perlis.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sijil penghargaan kepada Pengerusi PMGP Perlis, Pengerusi dan wakil Komuniti Hutan Negeri Perlis yang terdiri daripada persatuan-persatuan komuniti setempat atas penglibatan mereka sepanjang Program Perlis *Mountain Day* 2025 dalam membantu aktiviti konservasi denai. Selain itu, hadiah dan sijil pemenang bagi acara Perlis *Ultra Marathon* 2025 (PUTRA) turut disampaikan. Penyampaian sijil dan hadiah telah disempurnakan oleh YB Wan Badariah, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan Pengarah MOTAC Negeri Perlis.



Puncak Wang Gunung



Larian Perlis *Ultra Marathon* 2025







JPN PULAU PINANG

JULAI–DISEMBER 2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	13 NOVEMBER 2025	KARNIVAL KOMUNITI MADANI JPSM - PROGRAM PENANAMAN POKOK BUAH-BUAHAN DI SEKOLAH ANGKAT MADANI JPSM (SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG SINTOK)	60
2	15 NOVEMBER 2025	HARI BERSAMA KOMUNITI TAMAN NEGARA PULAU PINANG 2025	61
3	29 DAN 30 NOVEMBER 2025	PENGANJURAN *SHOREBIRD* FESTIVAL 2025 OLEH *SHOREBIRD PENINSULAR MALAYSIA PROJECT* (SPMP) SERTA PUSAT KONSERVASI DAN BIODIVERSITI (CEBEC) BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG DAN AGENSI KERAJAAN	62
4	13 DAN 14 DISEMBER 2025	*MAGROVE PLANTING* (*TRIP 4 TREES*)	63

KARNIVAL KOMUNITI MADANI JPSM - PROGRAM PENANAMAN POKOK BUAH-BUAHAN DI SEKOLAH ANGKAT MADANI JPSM - SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG SINTOK

Disediakan oleh: ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

PENAGA, 13 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Sekolah Kebangsaan Permatang Sintok telah menjayakan Program Penanaman Anak Pokok Buah-buahan di Sekolah Angkat MADANI Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sebanyak 100 anak pokok buah-buahan termasuklah pokok Longan, Jambu lohan, Jambu madu, Mangga, Rambutan dan Pulasan telah berjaya ditanam dalam kawasan sekitar sekolah. Program ini melibatkan penyertaan seramai 40 peserta di kalangan kakitangan JPSM, JPNPP, guru dan pelajar sekolah. Program ini merupakan salah satu pengisian dalam Karnival Komuniti Madani JPSM 2025. Program ini menepati sasaran inisiatif Penang 2030 di bawah strategik D4 T6 – iaitu menanam 200,000 pokok di negeri Pulau Pinang menjelang 2030.



Pelajar sekolah membuat penanaman pokok





Gambar berkumpulan peserta dan agensi terlibat sempena program karnival komuniti dengan aktiviti penanaman anak pokok





Aktiviti penanaman anak pokok melibatkan murid sekolah dalam program kesedaran alam sekitar.

HARI BERSAMA KOMUNITI TAMAN NEGARA PULAU PINANG 2025

Disediakan oleh: ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

TELUK BAHANG, 15 NOVEMBER 2025

Program Hari Bersama Komuniti Taman Negara Pulau Pinang 2025 telah diadakan pada 15 November 2025 (Sabtu) bertempat di Dataran Taman Negara Pulau Pinang dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang dengan bertemakan “Konservasi dan Tradisi”. Program anjuran Taman Negara Pulau Pinang (TNPP) ini bertujuan memperkukuh jalinan kerjasama antara agensi berkaitan dan komuniti setempat, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan biodiversiti, warisan alam dan tradisi tempatan melalui penglibatan pelbagai pihak sebagai pempamer yang mempamerkan produk, perkhidmatan, bahan pendidikan serta aktiviti berkaitan alam sekitar, pelancongan, pendidikan dan komuniti. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang turut serta dalam program ini dengan mengadakan reruai pameran berkonsepkan promosi Taman Eko Rimba dan Taman Negeri di seluruh Pulau Pinang.



Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang



Sesi Lawatan ke reruai agensi yang hadir ke program komuniti



Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Wakil Jabatan Perhutanan

PENGANJURAN *SHOREBIRD* FESTIVAL 2025 OLEH *SHOREBIRD* PENINSULAR MALAYSIA PROJECT (SPMP) DAN PUSAT KONSERVASI DAN BIODIVERSITI (CEBEC) BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG DAN AGENSI KERAJAAN

Disediakan oleh: ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

PENAGA, 29 DAN 30 NOVEMBER 2025

Pada 29 dan 30 November 2025, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, *Shorebird Peninsular Malaysia Project* (SPMP) dan Pusat Konservasi dan Biodiversiti (CeBEC) dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan serta *Canon Marketing* Malaysia bagi menjayakan pelaksanaan program dan penyediaan kemudahan sepanjang penganjuran *Shorebird* Festival 2025. Festival ini menampilkan pelbagai aktiviti pendidikan komuniti seperti *Shorebird Photo Race*, pertandingan fotografi, bengkel, forum dan pameran di samping menyokong usaha konservasi biodiversiti serta ekopelancongan di kawasan persisir pantai. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menyumbangkan sebanyak 100 anak pokok yang terdiri daripada Palas kipas, Kemuning, *Golden penda* dan Bunga melur bagi menjayakan program tersebut.



Pengunjung yang menghadiri reruai Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang



Majlis Perasmian Festival *Shorebird Peninsular* Malaysia



Sesi *Flag off pertandingan Race Photo*

MAGROVE PLANTING (*TRIP 4 TREES*)

Disediakan oleh: ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

BALIK PULAU , 13 DAN 14 DISEMBER 2025

Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan kerjasama JKS *Voltsvans Garage*, Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menjayakan program *Magrove Planting* (*Trip 4 Trees*) dengan penanaman sebanyak 6,250 anak pokok bakau di HSK Balik Pulau (Pantai Malido) pada 13/12/2025 dan 14/12/2025. Program ini melibatkan penyertaan seramai 190 peserta di kalangan pengurusan tertinggi, kakitangan serta para sukarelawan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Program ini menepati sasaran inisiatif Penang 2030 di bawah strategik D4 T6 – iaitu menanam 200,000 pokok di negeri Pulau Pinang menjelang 2030. Pihak penganjur juga menyasarkan untuk meneruskan kerjasama dan program tanggungjawab sosial korporat ini bersama pihak jabatan di masa hadapan.



Sesi Gambar Berkumpulan



Sesi penanaman



Sesi pembelajaran serta kaedah membuat lubang bagi anak pokok bakau

JPN SELANGOR

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	17 JULAI 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : AKTIVITI PENANAMAN POKOK BAKAU DAN PEMBERSIHAN PANTAI DI PANTAI BAGAN NAKHODA OMAR (BNO) DIBAWAH PROGRAM JIWA MURNI BAGI *MALAYSIAN POLYTECHNICS TERRITORIAL ARMY ANNUAL CAMP* (MALPTAAC)	64
2	23 JULAI 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN SELANGOR : PROGRAM *CIVIL - MILITARY COOPERATION* (CIMIC) OLEH (LSP) TUDM MALBATT BERSAMA KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	65
3	24 JULAI 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : *TREES FOR TOMORROW*	66
4	26 JULAI 2025	MAJLIS PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN *WORLD MANGROVE*	67
5	31 JULAI 2025	LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA DELEGASI *NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT BOARD* (NREB) SARAWAK KE PUSAT KECEMERLANGAN HUTAN PAYA GAMBUT DI HUTAN SIMPAN RAJA MUSA, SELANGOR	68
6	30 OGOS 2025	INISIATIF CSR PEMULIHARAAN LALUAN REKREASI KOLEJ PRAUNIVERSITI DESA MAHKOTA DI TAMAN EKO RIMBA KOTA DAMANSARA	69
7	2 SEPTEMBER 2025	AKTIVITI CSR PENJAGAAN HUTAN DAN LALUAN OLEH HITACHI (M)	70

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
8	19 SEPTEMBER 2025	ROGRAM CSR GOTONG-ROYONG PEMULIHAN SUNGAI PISANG BERSAMA SCHLUMBERGER & JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	71
9	20 SEPTEMBER 2025	PROGRAM PENANAMAN POKOK - *ECOLEGACY : TREES FOR TOMORROW*	72
10	26 SEPTEMBER 2025	PROGRAM CEPA & PENGHIJAUAN MALAYSIA: *TREES FOR TOMORROW* 2025 SEMPENA PERKHEMAHAN PERDANA UNIT BERUNIFOM SEKOLAH AGAMA MENENGAH HULU LANGAT DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG NUANG	73
11	27 SEPTEMBER 2025	CSR KOMUNITI: PEMBERSIHAN ZON REKREASI OLEH SLB SCHLUMBERGER	74
12	9 OKTOBER 2025	INISIATIF CSR NIELSEN: PEMBERSIHAN EKOSISTEM REKREASI KOTA DAMANSARA	75
13	11 OKTOBER 2025	CSR “HIJAU BERSAMA KOMUNITI” – USAHA PEMBERSIHAN OLEH SIK CHEONG EDIBLE OIL SDN. BHD	76
14	13 HINGGA 17 OKTOBER 2025	KURSUS MEMANJAT DAN PENGENDALIAN ALATAN MEMANJAT	77
15	18 OKTOBER 2025	KEMPEN CSR “LESTARIKAN SUNGAI KITA” OLEH JABATAN ALAM SEKITAR	78
16	30 OKTOBER 2025	PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA KEMPEN PENANAMAN 11 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI SELANGOR	79

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
17	1 NOVEMBER 2025	KEMPEN KEMAMPANAN HUTAN GAMBUT TANGGUNGJAWAB BERSAMA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2025	80
18	3 DAN 4 NOVEMBER 2025	LAWATAN LAPANGAN DARIPADA SEKRETARIAT *ASEAN CENTRE FOR BIODIVERSITY* (ACB) SEMPENA PROGRAM *EXPERIENTAL LEARNING EXCHANGE FOR ENCORE WETLANDS* DI MALAYSIA	81
19	6 NOVEMBER 2025	KEMPEN PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM LANGKAH INTEGRITI KPM 2025 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN 2025	82
20	8 NOVEMBER 2025	PROGRAM CSR KOLABORATIF: PEMBERSIHAN SUNGAI PISANG BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR (JPNS), JABATAN ALAM SEKITAR SELANGOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM), CANON (M) SDN. BHD., DAN SEGI UNIVERSITI	83
21	13 NOVEMBER 2025	LAWATAN DARIPADA ROMBONGAN MTC BAGI PROGRAM *FAMILIARISASI MTC FORESTRY AND INDUSTRY EXPERIENCE PROGRAMME* (NEP)	84
22	14 NOVEMBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR TUN HUSSEIN ONN TAHUN 2025	85
23	17 HINGGA 19 NOVEMBER 2025	PROGRAM SUNGAI LESTARI, ALAM TERPELIHARA: KEMPEN KESEDARAN SAYANGI HUTAN KITA DAN *CLEAN UP* SUNGAI KEDONDONG	86
24	19 NOVEMBER 2025	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA @ BUKIT AMPANG TAHUN 2025 ANJURAN PEJABAT HUTAN DAERAH SELANGOR TENGAH	87

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
25	20 NOVEMBER 2025	LAWATAN TEKNIKAL VIETNAM *FARMERS' UNION* (VNFU)	88
26	21 HINGGA 23 NOVEMBER 2025	KURSUS PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) BAGI PEMANDU JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	89
27	22 NOVEMBER 2025	PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION AND AWARENESS* (CEPA) BERSAMA *NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH* (NIOSH)	90
28	28 NOVEMBER 2025	PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA *THE UNIVERSITY OF NOTTINGHAM* MALAYSIA (UNM) DI *UNIVERSITY NOTTINGHAM* MALAYSIA (UNM)	91
29	6 DISEMBER 2025	PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	92



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : AKTIVITI PENANAMAN POKOK BAKAU DAN PEMBERSIHAN PANTAI DI PANTAI BAGAN NAKHODA OMAR (BNO) DIBAWAH PROGRAM JIWA MURNI BAGI MALAYSIAN *POLYTECHNICS TERRITORIAL ARMY ANNUAL CAMP* (MALPTAAC)

Disediakan oleh: Shairani bin Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SABAK BERNAM, 17 Julai 2025

Satu Program Penghijauan Malaysia : Aktiviti Penanaman Pokok Bakau dan Pembersihan Pantai Di Pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO) dibawah Program Jiwa Murni bagi *Malaysian Polytechnics Territorial Army Annual Camp* (MALPTAAC) telah diadakan pada 17 Julai 2025 (Khamis).

Seramai 120 orang pelajar politeknik seluruh Malaysia terlibat dalam program penanaman ini serta 30 orang pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam yg terlibat serta dibantu tujuh (7) kakitangan dari pejabat Renj Hutan Kuala Selangor dan Subrenj Hutan Sabak Bernam telah terlibat dalam menjayakan program ini.

Turut hadir menjayakan program adalah YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, YDP MDSB. Pengarah Politeknik Sg. Lang, Puan Haslina bt. Zaidi. Sebanyak 300 pokok Bakau kurap dan Bakau minyak telah di tanam di kawasan tanah kerajaan di pantai Bagan Nakhoda Omar Sabak Bernam. Penanaman pokok ini bertujuan menjalankan kerjasama dengan pelajar politeknik dalam aktiviti pemulihan kawasan hutan paya laut di pantai BNO berkenaan. Selain itu, turut diadakan juga aktiviti pembersihan pantai di Pantai Bagan Nakhoda Omar. Program ini juga dapat memupuk semangat memelihara alam sekitar disamping menyokong Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 11 Juta Pokok bagi Negeri Selangor.



Taklimat ringkas oleh PPH



Aktiviti menanam pokok



Aktiviti menanam pokok Bakau

PROGRAM PENGHIJAUAN SELANGOR : PROGRAM *CIVIL - MILITARY COOPERATION* (CIMIC) OLEH (LSP) TUDM MALBATT BERSAMA KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Khairunnisa bt M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

BANTING, 23 Julai 2025

Satu Program Penghijauan Selangor : Program *Civil - Military Cooperation* (Cimic) oleh (Lsp) YUDM MALBATT bersama Kolej Matrikulasi Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah diadakan di Kolej Matrikulasi Selangor, Banting pada 23 Julai 2023 (Rabu).

Objektif utama program ini adalah untuk membina hubungan positif antara anggota tentera dan masyarakat awam. Seramai 119 anggota TUDM MALLBATT bersama pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor serta wakil Kolej Matrikulasi Selangor telah terlibat dalam menjayakan program ini. Turut hadir adalah En. Amsari b. Mahmud, Timbalan Pengarah Pembangunan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Leftenan Kolonel Abd.Rahim bin Jaafar, Ketua LSP TUDM MALBATT 850-13 dan Pn. Salwa Anita bt. Hj. Isa, Pengarah Kolej Matrikulasi Selangor.

Sebanyak 100 pokok nadir telah berjaya ditanam di kawasan lapang dalam kawasan Kolej Matrikulasi Selangor ini dan pokok yang ditanam adalah pokok Beruas dan Sekiat. Program yang dilaksanakan ini dapat memupuk semangat bekerjasama antara peserta yang terlibat dalam usaha bersama menyokong Program Penghijauan Selangor.



Penyerahan cenderahati

Penanaman pokok



Aktiviti Penanaman Pokok



Bergambar bersama penganjur



Penanaman pokok

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: *TREES FOR TOMORROW*

Disediakan oleh: Mohd Hadre bin Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

ULU GOMBAK, 24 Julai 2025

Program Penghijauan Malaysia: *Trees For Tomorrow* telah diadakan di Kompt 10, Hutan Simpan Ulu Gombak dengan kerjasama Malaysia *Rail Link* (MRL) dan CCC (ECRL) Sdn. Bhd., seramai 120 orang kakitangan MRL dan CCC (ECRL) Sdn. Bhd. bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah terlibat dalam menjayakan program ni.



Bergambar bersama kakitangan yang terlibat

Turut hadir menjayakan program adalah YBrs. Tuan Azhar bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Datuk Seri Darwis bin Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif MRL. Sebanyak 150 pokok hutan seperti spesies Merbau, Balau, Chengal, Merawan kanching, Meranti temak nipis dan Meranti rambai daun telah di tanam di kawasan bekas ceroboh yang lama. Penanaman pokok ini bertujuan menjalankan kerjasama dengan badan korporat dalam aktiviti pemulihan kawasan hutan berkenaan.

Selain itu, turut diadakan demonstrasi pasukan pemanjat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan *jungle trekking* ke Air Terjun Sungai Pisang. Program yang dilaksanakan ini dapat memupuk semangat memelihara alam sekitar disamping menyokong Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Taklimat ringkas berkaitan tanaman pokok



Bergambar bersama peserta



Sesi penyerahan cenderahati



Bergambar bersama peserta

MAJLIS PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN *WORLD MANGROVE DAY*

Disediakan oleh: Khairunnisa binti M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

KUALA LANGAT, 26 Julai 2025

Majlis Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan *World Mangrove Day* 2025 bertempat di Pulau Carey, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor (RMS) bersama Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris.



Aktiviti penanaman pokok bersama RMS

Program yang diadakan pada hari ini adalah sempena Sambutan Hari Hutan Paya Bakau yang disambut pada tarikh 26 Julai setiap tahun. Program ini adalah anjuran bersama Perkampungan Budaya Mah Meri, Aquaria KLCC dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Seramai 400 orang peserta telah terlibat dalam program pada hari ini dan sebanyak 6 pokok Nyireh (*Xylocarpus* sp.) serta 600 pokok bakau (*Rhizophora* sp) telah di tanam dalam program ini.



Peserta tanam pokok

Objektif program ini adalah untuk bersama memelihara dan memulihara kawasan paya bakau kerana ia memberikan pelbagai manfaat penting untuk alam sekitar dan manusia. Pokok bakau berperanan sebagai benteng semula jadi terhadap hakisan pantai, habitat penting untuk pelbagai spesies serta menyerap karbon dioksida yang membantu mengurangkan kesan perubahan iklim.



Taklimat ringkas oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor kepada dif-dif jemputan



RMS merasmikan program tanam pokok



Bergambar bersama RMS

LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA DELEGASI *NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT BOARD* (NREB) SARAWAK KE PUSAT KECEMERLANGAN HUTAN PAYA GAMBUT DI HUTAN SIMPAN RAJA MUSA, SELANGOR

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

BESTARI JAYA, 31 JULAI 2025

Satu lawatan teknikal telah diadakan di Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut di Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor oleh *Natural Resources and Environment Board* (NREB), Sarawak. Hutan Simpan Raja Musa telah diberi pengiktirafan sebagai salah satu inisiatif di bawah *Queen's Commonwealth Canopy* (QCC) pada tahun 2017 dan dipilih sebagai tapak perintis jabatan-jabatan kerajaan bagi Projek Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Paya Gambut di Asia Tenggara. Lawatan ini melibatkan seramai 30 orang delegasi yang terdiri daripada *Natural Resources and Environment Board* di negeri Sarawak.

Lawatan teknikal ini merupakan salah satu (1) komponen dalam Kajian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Tujuan program ini diadakan untuk memahami pelaksanaan dan keberkesanan *Integrated Management Plan for the North* Selangor *Peat Swamp Forest* (NSPSF) (2014-2023) serta proses berterusan pengemaskinian pelan bagi tempoh 2025-2035. la juga untuk mendapatkan idea bagi pelaksanaan *The Study on Implementation of Strategic Plan For Preventation of Peat Fires and Illegal Open Burning to minimize Haze Pollution in* Sarawak'.

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Tn. Azhar bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor (PPNS) diikuti oleh ucapan daripada En. Kenny Poon selaku ketua delegasi. Pengisian seterusnya adalah lawatan dan penerangan mengenai infrastruktur kebakaran hutan iaitu menara tinjau, *piezometer*, sistem telemetri *Internet of Things* dan *check dam* serta demonstrasi peralatan pemadaman kebakaran hutan (GS Mark III) dan pemantauan udara menggunakan d*rone*.

Pengisian pada waktu petang pula diadakan di pejabat *Global Environment Centre* (GEC) - *Community Sustainable Peatland Centre* (GEC-CoSPeC) yang melibatkan pembentangan berkaitan pengurusan Kebakaran Hutan di Semenanjung Malaysia oleh Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan IPJPSM, taklimat War Room oleh Bahagian Penguatkuasaan Hutan IPJPSM, taklimat pengurusan Kebakaran Hutan Paya Gambut di HSK Negeri Selangor oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan akhir sekali pembentangan IMP oleh juruperunding yang dilantik oleh JPNS iaitu *Global Environment Centre* (GEC). Lawatan ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Projek *Sustainable Management of Petland Ecosystems in* Malaysia (SMPEM) Negeri Selangor.



Taklimat ringkas oleh PPN JPNS



Sesi penyerahan cenderahati



Sesi bergambar bersama peserta

INISIATIF CSR PEMULIHARAAN LALUAN REKREASI KOLEJ PRA-UNIVERSITI DESA MAHKOTA DI TAMAN EKO RIMBA KOTA DAMANSARA

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PETALING JAYA, 30 OGOS 2025

Program Inisiatif CSR Pemuliharaan Laluan Rekreasi ini telah dilaksanakan oleh Kolej Pra-universiti Desa Mahkota dengan penyertaan seramai 30 orang pelajar dan pegawai pengiring. Program ini dijalankan di Taman Eko Rimba (TER) Kota Damansara yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan Pejabat Renj Hutan Hulu Langat.

Matlamat utama program ini adalah menyokong usaha pemuliharaan kawasan hutan rekreasi serta memastikan laluan pendakian berada dalam keadaan selamat, bersih dan selesa untuk kegunaan orang awam. Program ini juga bertujuan memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan generasi muda. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan laluan rekreasi, pengumpulan dan pelupusan sampah sarap serta penyelenggaraan asas kemudahan awam. Fokus turut diberikan kepada kawasan tumpuan pengunjung yang sering terdedah kepada isu pencemaran sisa.

Secara keseluruhannya, program ini memberi impak positif terhadap keadaan persekitaran TER Kota Damansara dan meningkatkan tahap kesedaran peserta terhadap kepentingan pemuliharaan hutan. Inisiatif seumpama ini wajar diteruskan secara berterusan bagi menyokong usaha kerajaan dalam menjaga kelestarian hutan rekreasi negeri Selangor.



Gambar kenangan peserta pemuliharaan laluan rekreasi di TER Kota Damansara



Aktiviti yang dilaksanakan oleh peserta di dalam TER Kota Damansara

AKTIVITI CSR PENJAGAAN HUTAN DAN LALUAN OLEH HITACHI (MALAYSIA)

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PETALING JAYA, 2 SEPTEMBER 2025

Aktiviti CSR Penjagaan Hutan dan Laluan oleh Hitachi (Malaysia) telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 15 orang kakitangan syarikat. Program ini berlangsung di Taman Eko Rimba Kota Damansara dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan Pejabat Renj Hutan Hulu Langat.

Program ini memberi fokus kepada penjagaan kebersihan serta penyelenggaraan laluan riadah yang digunakan oleh pengunjung untuk aktiviti rekreasi dan senaman. Usaha ini penting bagi memastikan keselamatan pengguna dan kelestarian kawasan hutan rekreasi. Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk pembersihan sampah di sepanjang laluan, kawasan rehat serta persekitaran kemudahan awam. Sampah yang dikumpulkan diasingkan sebelum dilupuskan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Program ini juga menjadi platform untuk menggalakkan penglibatan aktif sektor swasta dalam usaha pemuliharaan kawasan hijau milik awam. Komitmen pihak Hitachi (Malaysia) mencerminkan sokongan terhadap agenda kelestarian alam sekitar.





Peserta program meletakkan sabut kelapa di laluan berisiko dan membersihkan kawasan denai pendakian

PROGRAM CSR GOTONG-ROYONG PEMULIHAN DENAI *TREKKING* AIR TERJUN SUNGAI PISANG BERSAMA SCHLUMBERGER DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

GOMBAK, 19 SEPTEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) melalui Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dengan kerjasama Syarikat Schlumberger *Business Support* Sdn. Bhd. telah mengadakan Program Konservasi Denai *Trekking* Air Terjun Sungai Pisang.

Program ini melibatkan penyertaan 41 orang daripada syarikat dan 20 warga JPNS telah menjalankan Aktiviti Konservasi Denai *Trekking* iaitu kutipan sampah bukan organik sebagai langkah memelihara dan memulihara kawasan pelancongan tersebut. Tujuan penganjuran program ini ialah untuk memupuk kesedaran awam berkaitan kepentingan pemeliharaan alam sekitar terutamanya dalam aspek kebersihan agar keindahan alam semulajadi ini dapat dikekalkan untuk masyarakat akan datang.

Sebagai makluman, Denai *Trekking* Air Terjun Sungai Pisang telah ditutup sementara kepada orang awam semasa program konservasi berlansung.



Gambar kenangan semasa aktiviti gotong-royong pemulihan Denai Trekking Air Terjun Sungai Pisang

PROGRAM PENANAMAN POKOK - *ECOLEGACY* : *TREES FOR TOMORROW*

Disediakan oleh: Khairunnisa binti M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PUCHONG, 20 SEPTEMBER 2025

Program Penanaman Pokok telah diadakan bertempat di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, Selangor pada 20 September 2025 (Sabtu). Program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor (RMS) dan merupakan program anjuran bersama *Putra Business School*, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ditaja oleh *Mega Fortris* dan *Coffex*.

Seramai 130 orang peserta telah terlibat dalam program pada kali ini dan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica*). Pokok Merbau telah diangkat sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia pada 23 Ogos 2019. Pokok ini menghasilkan kayu keras berat berkualiti tinggi dan terkenal dengan kekuatannya. Pokok ini tumbuh di kawasan tanah pamah sehingga ketinggian 1000 m dari paras laut. Selain itu, sebanyak 150 pokok telah ditanam semasa program ini dengan pelbagai spesies pokok dipterokap dan pokok buah nadir antaranya adalah pokok Jambu bol (*Syzygium malaccense*), Mentega (*Diospyros blancoi*), Asam gelugor (*Garcinia atroviridis*), Kandis (*Garcinia xanthochymus*), Macang (*Mangifera foetida*) dan Petai (*Parkia speciosa*).

Disamping aktiviti penanaman pokok, terdapat juga aktiviti Demonstrasi Memanjat dan Kutipan Biji Benih oleh Pasukan Memanjat dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, reruai pameran oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Perhilitan Selangor, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM, MARDI serta turut diadakan adalah Bengkel *DIY terrarium*.



Bergambar bersama peserta



Tanaman pokok bersama RMS



Penanaman pokok bersama peserta

PROGRAM CEPA & PENGHIJAUAN MALAYSIA: *TREES FOR TOMORROW* 2025 SEMPENA PERKHEMAHAN PERDANA UNIT BERUNIFOM SEKOLAH AGAMA MENENGAH HULU LANGAT DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG NUANG

Disediakan oleh: Mohd Hadre bin Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU LANGAT, 26 SEPTEMBER 2025

Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dengan kerjasama Sekolah Agama Menengah Hulu Langat telah mengadakan Program CEPA & Penghijauan Malaysia : Penanaman 11 Juta Pokok Negeri Selangor di Taman Eko Rimba Gunung Nuang pada 26 September 2025. Program ini melibatkan penyertaan 80 orang pelajar dan lapan (8) orang guru telah menjalankan aktiviti penanaman 150 pokok nadir dan spesies pelbagai spesies pokok hutan. Program Perkhemahan tiga (3) hari dua (2) malam ini juga melibatkan aktiviti eksplorasi denai hutan ke Air Terjun Bomoh Ali disamping aktiviti konservasi seperti kutipan sampah.

Penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan fungsi hutan dan kepentingannya dalam kestabilan ekosistem serta memupuk kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Program CEPA ini diisi dengan taklimat pengurusan hutan oleh Pegawai Hutan Daerah Selangor Tengah dan pameran perhutanan oleh Seksyen Ladang dan Inovasi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.



Sesi penyerahan cenderahati



Bergambar bersama guru yang terlibat







Gambar sepanjang program dijalankan

CSR KOMUNITI: PEMBERSIHAN ZON REKREASI OLEH SLB SCHLUMBERGER

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

GOMBAK, 27 SEPTEMBER 2025

Program CSR oleh SLB Schlumberger telah diadakan di Taman Eko Rimba Sungai Tua yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor dan Pejabat Renj Kuala Kubu Baharu.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan kawasan sekitar laluan rekreasi dan kawasan tumpuan pengunjung. Sampah sarap yang dikumpulkan terdiri daripada sisa plastik, kaca dan bahan buangan lain.

Peserta turut diberi penerangan ringkas mengenai kepentingan pemeliharaan hutan simpan dan peranan hutan dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem. Program ini juga memperlihatkan penglibatan aktif pihak korporat dalam menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar di peringkat tempatan.

Kerjasama erat antara SLB Schlumberger dan pihak jabatan perhutanan memudahkan pelaksanaan program secara teratur dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Selain memberi manfaat kepada alam sekitar, program ini turut meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta.



Gambar sepanjang program dijalankan







Gambar aktiviti sepanjang program dijalankan

INISIATIF CSR NIELSEN: PEMBERSIHAN EKOSISTEM REKREASI KOTA DAMANSARA

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PETALING JAYA, 9 OKTOBER 2025

Inisiatif CSR oleh Nielsen telah melibatkan seramai 20 orang peserta dan dilaksanakan di Taman Eko Rimba Kota Damansara. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan Pejabat Renj Hutan Hulu Langat.

Program ini memberi fokus kepada pembersihan ekosistem rekreasi bagi memastikan kawasan hutan sentiasa bersih, selamat dan selesa untuk kegunaan pengunjung. Antara aktiviti utama ialah kutipan sampah, pembersihan kawasan laluan pendakian dan kawasan rehat. Keutamaan diberikan kepada lokasi yang sering menerima kehadiran pengunjung yang ramai. Peserta turut diberi kesedaran mengenai kesan pencemaran terhadap flora dan fauna hutan serta kepentingan amalan rekreasi secara berhemah.

Program ini juga menggalakkan penglibatan kakitangan syarikat dalam aktiviti luar yang memberi manfaat kepada komuniti dan alam sekitar. Kerjasama ini berjaya memperkukuhkan peranan sektor swasta sebagai rakan strategik dalam pengurusan hutan rekreasi. Program ini diharapkan dapat menyemai kesedaran berterusan terhadap penjagaan alam sekitar dalam kalangan peserta.





Gambar sepanjang program dijalankan

CSR "HIJAU BERSAMA KOMUNITI" – USAHA PEMBERSIHAN OLEH SIK CHEONG EDIBLE OIL SDN. BHD

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU LANGAT, 11 OKTOBER 2025

Program "Hijau Bersama Komuniti" anjuran Syarikat Sik Cheong Edible Oil Sdn. Bhd. telah disertai seramai 50 orang peserta serta empat (4) orang jemputan YDP Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Program ini dilaksanakan di Taman Eko Rimba Sungai Tekala dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan Pejabat Renj Hutan Hulu Langat.

Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk kesedaran komuniti terhadap kepentingan pemeliharaan hutan rekreasi sebagai aset semula jadi negeri. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan kawasan rekreasi, kutipan sampah serta aktiviti kesedaran alam sekitar.

Penglibatan komuniti dan pihak berkuasa tempatan menjadikan program ini sebagai platform kerjasama yang berkesan. Program ini berjaya memperkukuhkan hubungan antara sektor swasta, komuniti setempat dan agensi kerajaan.

Secara keseluruhannya, program ini memberi impak positif terhadap kebersihan dan kelestarian kawasan TER Sungai Tekala.



Pembersihan kawasan



Taklimat ringkas oleh penganjur



Mengecat batu bahu jalan

KURSUS MEMANJAT DAN PENGENDALIAN ALATAN MEMANJAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SUNGAI BULOH, 13 HINGGA 17 OKTOBER 2025

Kursus Memanjat dan Pengendalian Peralatan Memanjat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah diadakan pada 13 hingga 17 Oktober 2025 di Dewan Lumu, Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh, Selangor.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran ahli Pasukan Memanjat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Seramai 26 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut dengan jayanya.

Tenaga pengajar terdiri daripada Tuan Haji Solehan bin Saorani (Pesara Jabatan Perhutanan) yang sangat berpengalaman dan dibantu oleh Encik Mohd Irwan Shah bin Ahmad Mokhtar (Timbalan Presiden Malaysian *Tree Climber Association*/ Kakitangan JPNS) serta Encik Ramlee bin Ahmad (Penyelaras Pasukan Pemanjat JPNS).

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Seksyen Ladang Hutan & Inovasi dan Seksyen Silvikultur & Perlindungan Hutan JPNS atas penganjuran kursus yang sangat bermanfaat ini. Semoga objektif penubuhan Pasukan Memanjat JPNS dapat dicapai dengan jayanya.



Gambar sepanjang kursus dijalankan







Gambar sepanjang kursus dijalankan

KEMPEN CSR "LESTARIKAN SUNGAI KITA" OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU LANGAT, 18 OKTOBER 2025

Kempen CSR "Lestarikan Sungai Kita" anjuran Jabatan Alam Sekitar telah dilaksanakan pada 18 Oktober 2025 sebagai usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan sungai sebagai sumber alam yang penting kepada kehidupan. Kempen ini memberi tumpuan kepada penjagaan kebersihan sungai serta pengurangan pencemaran yang berpunca daripada sisa domestik dan aktiviti manusia.



Taklimat ringkas oleh PHDST

Pelaksanaan kempen melibatkan aktiviti pembersihan kawasan sungai dan persekitarannya di samping penyampaian maklumat berkaitan impak pencemaran terhadap kualiti air dan ekosistem akuatik. Program ini turut memberi penekanan kepada amalan pengurusan sisa yang lebih berhemah dalam kalangan masyarakat.

Kempen ini berjaya memupuk kesedaran awam mengenai peranan bersama semua pihak dalam menjaga kelestarian sungai serta menyokong usaha berterusan kerajaan dalam melindungi alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang. Secara keseluruhannya, program ini memberi impak positif terhadap kebersihan dan kelestarian kawasan TER Sungai Tekala.



Taklimat ringkas oleh wakil peserta







Pembersihan kawasan TER Sungai Tekala

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA KEMPEN PENANAMAN 11 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Shairani bin Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SUNGAI BESAR, 30 OKTOBER 2025

Program Penanaman Pokok Bakau Sempena Kempen Penanaman 11 Juta Pokok Peringkat Negeri Selangor telah diadakan bertempat di Hutan Simpan Kuala Bernam pada 30 Oktober 2025. Objektif utama program ini adalah selaras dengan Kempen Penanaman 11 Juta Pokok Peringkat Negeri Selangor.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tn. Nazrin Izwan bin Mohd Noh, Ketua Pen. Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah), Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam mewakili Pegawai Daerah Sabak Bernam. Antara dif-dif terhormat lain yang turut hadir adalah YBrs. Tn. Azhar bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, YDH. Tn. Dr. Haji Paridul Adras bin Ismail, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Sabak Bernam dan YBrs. Tn. Muhamad Azrin bin Ramli, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Sultan Idris Shah.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil agensi Sabak Bernam, guru pengiring, pelajar Politeknik Sultan Idris Shah dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Pada program ini sebanyak 1000 pokok spesies Hutan Paya Laut yang terdiri daripada pokok Bakau minyak serta pokok Bakau kurap. Semoga program ini dapat membantu memelihara dan memulihara khazanah Hutan di Negeri Selangor.



Aktiviti penanaman pokok bersama peserta





Taklimat ringkas oleh PPN JPNS



Bergerak untuk tanam pokok

KEMPEN KEMAMPANAN HUTAN GAMBUT TANGGUNGJAWAB BERSAMA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2025

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

KUALA LANGAT, 1 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah terlibat dalam kempen ini dan telah menyampaikan ceramah bertajuk “Peranan JPNS Dalam Pemeliharaan Hutan Paya Gambut”.

JPNS telah menekankan pengurusan dan pelaksanaan, isu dan cabaran serta penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan hutan paya gambut. Pihak JPNS turut mempromosikan Pelan Pengurusan Bersepadu Hutan Paya Gambut yang telah disiapkan di bawah projek SMPEM Selangor.

Kempen ini merupakan anjuran Jabatan Alam Sekitar dan Universiti Putra Malaysia yang telah diadakan di Kampung Orang Asli Pulau Kempas.



Gambar sekitar aktiviti yang dijalankan





Gambar kenangan peserta bersama penduduk Kampung Orang Asli Pulau Kempas



Pemberian cenderahati kepada Jabatan Alam Sekitar

LAWATAN LAPANGAN DARIPADA SEKRETARIAT ASEAN *CENTRE FOR BIODIVERSITY* (ACB) SEMPENA PROGRAM *EXPERIENTAL LEARNING EXCHANGE FOR ENCORE WETLANDS* DI MALAYSIA

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SELANGOR, 3 DAN 4 NOVEMBER 2025

Satu lawatan tapak telah diadakan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Pusat Kecemerlangan Gambut, Hutan Simpan Raja Musa, Selangor oleh pihak Sekretariat ASEAN *Centre for Biodiversity* (ACB) sempena Program *Experiential Learning Exchange For Encore Wetlands Project Di Malaysia* pada 3 dan 4 November 2025.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempromosikan usaha berterusan Malaysia dalam pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem gambut kepada delegasi yang terlibat. Sesi lawatan ini turut berperanan memperkenalkan inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysian* (SMPEM).



Taklimat ringkas berkaitan fungsi GS Mark III

Lokasi ini dipilih kerana negeri Selangor merupakan negeri yang melaksanakan Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) Hutan Paya Gambut yang efektif dan usaha ini memberi impak positif kepada kerajaan Negeri Selangor. Selain daripada itu, lokasi ini juga merupakan salah satu lanskap kajian bagi projek SMPEM: *Rehabilitation of Raja Musa Forest Reserve* yang dibiayai oleh pihak *Global Environment Facility* (GEF) dan *International Fund For Agricultural Development* (IFAD).



Taklimat ringkas berkaitan IoT

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, tayangan video pengurusan hutan paya gambut di Selangor dan lawatan ke lima (5) *check point* (pemantauan paras air bawah tanah melaui IoT sistem dan lapisan tanah gambut, pemantauan melalui menara tinjau, demonstrasi pemadaman menggunakan peralatan pemadaman dan pemantauan kualiti air gambut, penerangan IMP di galeri pameran dan interpretasi denai serta aktiviti menanam pokok.

Program lawatan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* (SMPEM) Negeri Selangor.



Bergambar bersama di HSKLU



Bergambar bersama di COE HSRM



Peserta dibawa ke Denai Intreprestasi

KEMPEN PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM LANGKAH INTEGRITI KPM 2025 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN 2025

Disediakan oleh: Khairunnisa bt M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

DENGKIL, 6 NOVEMBER 2025

Program langkah integriti ini merupakan acara kemuncak daripada program jelajah Integriti KPM 2025 yang telah berlangsung pada bulan September hingga Oktober 2025.

Perasmian sambutan Hari Integriti 2025 ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim. Bersempena program ini, satu program penanaman pokok telah diadakan dalam menyokong dan menjayakan Kempen Penanaman 100 juta Pokok. Barisan VVIP telah menaman lima (5) batang pokok Merbau (*Intsia palembanica*) yang merupakan pokok kebangsaan Malaysia sebagai upacara simbolik. Selain itu juga, sebanyak 100 anak pokok nadir pelbagai spesies telah di tanam di kawasan Paya Indah *Wetlands*.

Kolaborasi ini diharapkan dapat mencapai objektif Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan di hutan hijau sebagai satu agenda nasional serta mewujudkan hubungan kerjasama yang baik untuk manfaat setiap pihak khususnya dalam aspek kelestarian alam.



Aktiviti menanam pokok

PROGRAM CSR KOLABORATIF: PEMBERSIHAN SUNGAI PISANG BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR (JPNS), JABATAN ALAM SEKITAR SELANGOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM), CANON (M) SDN. BHD., DAN SEGI UNIVERSITI

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

GOMBAK, 8 NOVEMBER 2025

Seramai 65 peserta daripada pelbagai organisasi telah menyertai program CSR & Enviro *Hiking* di Sungai Pisang. Program ini melibatkan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Alam Sekitar Selangor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Canon (M) Sdn. Bhd., dan Segi Universiti bertujuan menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar dan kawalan kebersihan kawasan pendakian serta sungai.

Sungai Pisang pada waktu tersebut ditutup sementara kepada orang awam akibat aduan pembuangan sampah yang tidak terkawal dan program CSR ini dijalankan sebagai langkah proaktif untuk memulihkan kawasan tersebut. Aktiviti utama termasuk pembersihan laluan pendakian dan kawasan sekitar sungai sambil memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan menjaga ekosistem hutan dan sungai.

Menurut wakil JPNS, penglibatan pelbagai pihak dalam program ini adalah penting kerana ia menguatkan kerjasama antara agensi kerajaan, sektor korporat dan institusi pendidikan dalam menangani isu kebersihan serta memelihara taman eko rimba dan kawasan rekreasi.

Peserta menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi, bekerja bersama untuk memastikan kawasan bersih, selamat dan terurus. Program ini bukan sahaja memberi kesan positif terhadap alam sekitar, tetapi juga membentuk kesedaran komuniti dan generasi muda tentang tanggungjawab terhadap pemuliharaan alam.

Dengan inisiatif sebegini, Sungai Pisang dijangka kembali menjadi kawasan rekreasi yang bersih, selamat dan lestari, hasil daripada usaha bersama pihak jabatan, institusi pendidikan, sektor korporat dan komuniti.



Aktiviti bersama bagi membersihkan sampah di sekitar Sungai Pisang

LAWATAN DARIPADA ROMBONGAN MTC BAGI PROGRAM FAMILIARISASI MTC *FORESTRY AND INDUSTRY EXPERIENCE PROGRAMME* (NEP)

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

BESTARI JAYA, 13 NOVEMBER 2025

Satu lawatan tapak telah diadakan di Pusat Kecemerlangan Gambut, Hutan Simpan Raja Musa, Selangor oleh pihak Malaysia *Timber Council* (MTC) pada 13 November 2025 (Khamis). Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempromosikan usaha berterusan Malaysia dalam pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem gambut kepada delegasi yang terlibat. Sesi lawatan ini turut berperanan memperkenalkan inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia* (SMPEM).

Lokasi ini dipilih kerana negeri Selangor merupakan negeri yang melaksanakan Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) Hutan Paya Gambut yang efektif dan usaha ini memberi impak positif kepada kerajaan negeri Selangor. Selain daripada itu, lokasi ini juga merupakan salah satu lanskap kajian bagi projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* (SMPEM): *Rehabilitation of Raja Musa Forest Reserve* yang dibiayai oleh pihak *Global Environment Facility* (GEF) dan I*nternational Fund For Agricultural Development* (IFAD).

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, tayangan video pengurusan hutan paya gambut di Selangor dan lawatan ke lima (5) *check point* (pemantauan paras air bawah tanah melaui IoT sistem dan lapisan tanah gambut, pemantauan melalui menara tinjau, demonstrasi memadam api menggunakan peralatan pemadaman dan pemantauan kualiti air gambut, penerangan IMP di galeri pameran dan interpretasi denai serta aktiviti menanam pokok.

Program lawatan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* (SMPEM) Negeri Selangor.



Bergambar bersama peserta di kawasan penanaman pokok



Bergambar bersama di Galeri pameran



Taklimat ringkas di menara oleh PPN JPNS



Taklimat ringkat di *Piezometer* dan IOT



Demonstrasi GS Mark III

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR TUN HUSSEIN ONN TAHUN 2025

Disediakan oleh : Mohd Hadre bin Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

CHERAS, 13 DAN 14 NOVEMBER 2025

Program Penghijauan Malaysia bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Tun Hussein Onn (SKBTHO) Tahun 2025 telah berlangsung dengan jayanya. Aktiviti tanaman pokok di sekitar kawasan sekolah bersama lebih 200 orang murid dan guru telah diadakan pada 13 November 2025. Program ini dianjurkan oleh Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah sebagai usaha memperkukuhkan kesedaran anak muda serta memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan generasi masa hadapan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Azhar bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor di Dewan Millenium SKBTHO bersama 1000 orang murid serta lebih 100 orang guru dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Encik Mohd Fadzli bin Abu Bakar, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat, dan Encik Mohammad Jefri bin Mokhtar, Yang Dipertua PIBG SKBTHO sebagai tanda sokongan terhadap Program Penghijauan Malaysia ini.



Sesi tandatangan

Sepanjang dua hari program tersebut, sebanyak 255 anak pokok pelbagai spesies yang terdiri daripada pokok lanskap, pokok buah-buahan dan pokok herba ditanam di kawasan sekolah. YBrs.Tuan Azhar bin Ahmad juga turut menanam pokok Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) sebagai simbolik Perasmian Taman Herba SK Bandar Tun Hussein Onn. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor turut mengadakan taklimat pengurusan hutan dan pameran berkaitan Eko Pelancongan dalam Hutan Simpanan Kekal, Penghijauan Malaysia, Pengurusan *Central Forest Spine* (CFS) dan pengurusan hutan paya gambut di Negeri Selangor sebagai medium penyampaian maklumat kepada murid-murid.



Sesi tanaman pokok VIP

Pameran interaktif ini memberi peluang kepada para murid untuk memahami lebih mendalam berkaitan pengurusan hutan, kepentingan memelihara ekosistem serta usaha-usaha jabatan dalam memastikan kelestarian hutan di Negeri Selangor. Pelaksanaan program penghijauan ini diharapkan dapat mendidik dan membudayakan para murid dengan aktiviti memelihara alam sekitar yang menjadi tanggungjawab bersama menyokong agenda kerajaan Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.



Bergambar bersama pelajar dan guru



Pelajar mengambil peluang untuk belajar menanam pokok

PROGRAM SUNGAI LESTARI, ALAM TERPELIHARA: KEMPEN KESEDARAN SAYANGI HUTAN KITA DAN *CLEAN UP* SUNGAI KEDONDONG

Disediakan oleh: Veronica Justin
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

BATANG KALI, 17 HINGGA 19 NOVEMBER 2025

Program Sungai Lestari, Alam Terpelihara: Kempen Kesedaran Sayangi Hutan Kita dan *Clean Up* Sungai Kedondong telah diadakan pada 17 hingga 19 November 2025 bertempat di Sungai Kedondong, Hutan Simpan Batang Kali yang telah dirasmikan oleh Tuan Azhar bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor (PPNS).



Kehadiran PPN JPNS ke program

Program ini sebagai usaha memelihara alam sekitar, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menghijaukan kawasan persekitaran serta menyokong Program Penanaman 11 Juta Pokok Negeri Selangor bagi mencapai sasaran menjelang tahun 2026.

Program ini juga sebagai satu platform penting bagi memperkasa kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan Hutan Simpan Kekal (HSK). Inisiatif ini selaras dengan agenda kehijauan negeri dan bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk rasa cintakan hutan melalui aktiviti kutipan sampah di samping mengukuhkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, NGO, komuniti dan pihak swasta.

Program ini melibatkan aktiviti penanaman pokok, pembersihan kawasan Sungai Kedondong melalui aktiviti kutipan sampah, demonstrasi memanjat pokok dan juga turut diadakan ceramah “Sayangi Hutan Kita” yang telah disampaikan oleh Prof. Madya. Dr. Marina binti Mohd Top @ Mohd Tah Pengarah Pusat Asasi Sains Universiti Putra Malaysia (ASPutra) dan Prof. Dr. Azlizam bin Aziz.

Bergambar bersama VIP yang hadir

Program ini telah disertai oleh 150 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, agensi kerajaan seperti PDRM, Bomba, Pejabat Tanah dan Galian Hulu Selangor, Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Jabatan Saliran dan Pengairan. Turut hadir badan bukan kerajaan seperti TNB, Worldwide Berhad dan Persatuan Malim Gunung Negeri Selangor.



Penanaman pokok bersama peserta

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA @ BUKIT AMPANG TAHUN 2025 ANJURAN PEJABAT HUTAN DAERAH SELANGOR TENGAH

Disediakan oleh: Mohd Hadre bin Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

CHERAS, 19 NOVEMBER 2025

Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah (PHDST) telah berjaya menganjurkan program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Bukit Ampang pada 19 November 2025. Program ini disertai seramai 78 orang termasuklah penyertaan daripada pelajar Universiti Putra Malaysia, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, PERHILITAN Selangor, dan Pemegang Permit Penggunaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) di sekitar Ampang dan Hulu Langat.



Bergambar bersama peserta

Taklimat program dan kaedah penanaman pokok telah disampaikan oleh En. Mohd Hadre bin Mohamad, Pegawai Hutan Daerah Selangor Tengah. Program ini turut dihadiri oleh En. Mohd Nor Firdaus bin Rahim, Timbalan Pengarah (Operasi) dan pegawai kanan JPNS. Sebanyak 280 pokok hutan pelbagai spesies seperti Merawan siput jantan, Merawan bunga, Balau, Meranti tembaga, Meranti rambai daun, Kapur dan Kembang semangkok telah ditanam di kawasan seluas lebih kurang 0.5 hektar.



Bergambar bersama peserta

Program penanaman pokok ini dianjurkan sebagai usaha pemulihan semula kawasan yang telah diceroboh. Aktiviti ini selaras dengan agenda Penghijauan Malaysia serta komitmen JPNS dalam meningkatkan litupan hijau dan memulihara kawasan hutan terosot.



Bergambar bersama pegawai yang terlibat



Bergambar bersama pegawai yang terlibat



Bergambar bersama kakitangan yang terlibat

LAWATAN TEKNIKAL VIETNAM *FARMERS' UNION* (VNFU)

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

KUALA LANGAT UTARA, 20 NOVEMBER 2025

Satu lawatan tapak telah diadakan di hutan Simpan Kuala Langat Utara oleh pihak Vietnam *Farmers' Union* (VNFU) pada 20 November 2025. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempromosikan usaha berterusan Malaysia dalam pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem gambut kepada delegasi yang terlibat. Sesi lawatan ini turut berperanan memperkenalkan inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in* Malaysia (SMPEM).

Lokasi ini dipilih kerana Negeri Selangor merupakan negeri yang melaksanakan Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) Hutan Paya Gambut yang efektif dan usaha ini memberi impak positif kepada kerajaan Negeri Selangor. Selain daripada itu, lokasi ini juga merupakan salah satu lanskap kajian bagi projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in* Malaysia (SMPEM): *Rehabilitation of Raja Musa Forest Reserve* yang dibiayai oleh pihak *Global Environment Facility* (GEF) dan *International Fund For Agricultural Development* (IFAD).

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, tayangan video pengurusan hutan paya gambut di Selangor dan lawatan ke lima (5) check point (pemantauan paras air bawah tanah melaui IoT sistem dan lapisan tanah gambut, pemantauan melalui menara tinjau, demonstrasi pemadaman menggunakan peralatan pemadaman dan pemantauan kualiti air gambut, penerangan IMP di galeri pameran dan interpretasi denai serta aktiviti menanam pokok).

Program lawatan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in* Malaysia (SMPEM).



Taklimat ringkas oleh TPP JPNS



Sesi penyerahan cenderahati



Sesi bergambar bersama peserta



Peserta gembira bersama tanam pokok



Bergambar bersama kakitangan yang terlibat

KURSUS PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) BAGI PEMANDU JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU BERNAM, 21 HINGGA 23 NOVEMBER 2025

Kursus Pemanduan dan Pengendalian Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2025 di Teratak Bernam *Riverview*, Hulu Bernam, Selangor. Seramai 23 peserta termasuk urusetia telah menyertai kursus ini.

Tujuan kursus ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran peserta dalam pemanduan dan pengendalian kenderaan pacuan empat roda (4x4) khususnya untuk tugasan lapangan dan operasi di kawasan mencabar. Di samping meningkatkan kemahiran mengendalikan kenderaan di permukaan ekstrem serta memastikan peserta mengutamakan langkah keselamatan dan prosedur kecemasan.

Kursus berjalan lancar dan mencapai objektif. Peserta menunjukkan komitmen baik dan berjaya menguasai asas pemanduan serta pengendalian kenderaan 4x4 dalam situasi sebenar.



Gambar aktiviti pengendalian kenderaan pacuan empat roda (4X4)









Gambar kenangan peserta semasa aktiviti pengendalian kenderaan pacuan empat roda (4X4)

PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION AND AWARENESS* (CEPA) BERSAMA *NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH* (NIOSH)

Disediakan oleh: Khairunnisa bt M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SHAH ALAM, 22 NOVEMBER 2025

Program *Communication, Education And Awareness* (Cepa) bersama *National Institute Of Occupational Safety And Health* (Niosh) telah diadakan di Hutan Simpan Bukit Cerakah, Shah Alam, Selangor, pada 22 November 2025 (sabtu). Seramai 100 orang peserta yang terlibat terdiri daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) dan PUSPANITA NIOSH .

Sebanyak 500 pokok Merawan Siput Jantan dan 3 pokok Macang (VIP) telah berjaya ditanam. Selain itu, Pasukan Memanjat JPNS juga telah mengadakan pameran peralatan serta demonstrasi memanjat dan kutipan biji benih pokok Kapur yg kebetulan sdg berbuah .

Pengarah Eksekutif NIOSH, YBhg. Dato' Haji Ayop bin Salleh serta isteri YBhg. Datin Hajah Cumilah @ Jamilah binti Haji Khatis selaku Pengerusi PUSPNITA NIOSH sangat teruja melihat kebolehan ahli Pasukan Memanjat JPNS yang terdiri daripada kakitangan lelaki dan wanita mempunyai keberanian dan bakat memanjat yang luar biasa. Memandangkan tugasan memanjat tersebut sangat berisiko, beliau mencadangkan agar JPNS dan JPSM mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak NIOSH utk berkolaborasi mengadakan latihan serta kaedah bersesuaian memberikan perlindungan insurans kepada ahli pasukan memanjat. Khidmat nasihat yang diberikan sangat dihargai dan akan diambil tindakan sewajarnya untuk penambahbaikkan Pasukan Memanjat JPNS dan JPSM amnya.

Terima kasih kpd semua yg terlibat secara langsung atau tidak langsung dlm menjayakan program CEPA kali ini. Semoga jalinan kerjasama ini dapat diteruskan dan dieratkan dari masa ke semasa.



Demonstrasi memanjat



Sesi tanam pokok bersama VIP



Taklimat ringkas



Bergambar bersama peserta



Taklimat ringkas berkaitan memanjat

PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA *THE UNIVERSITY OF NOTTINGHAM MALAYSIA* (UNM) DI *UNIVERSITY NOTTINGHAM MALAYSIA* (UNM)

Disediakan oleh: Khairunnisa bt M. Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SHAH ALAM, 28 NOVEMBER 2025

Satu Program Penghijauan Malaysia, Kempen penanaman 100 Juta pokok telah diadakan bersama The University of Nottingham Malaysia (UNM) di dalam kawasan University Nottingham Malaysia (UNM).

Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pensyarah dan pelajar Universiti of Nottingham telah terlibat dalam bersama-sama menjayakan program penanaman ini dan telah berjaya menanam sebanyak 100 anak pokok iaitu 50 anak pokok Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) dan 50 anak pokok Sekiat (*Aglaia korthalsii*).

Kolaborasi ini diharapkan dapat mencapai objektif Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan di hutan hijau sebagai satu agenda nasional serta mewujudkan hubungan kerjasama yang baik di antara pihak jabatan dengan pihak universiti khususnya dalam aspek kelestarian alam.



Aktiviti penanaman anak pokok bersama pelajar



Bergambar bersama peserta dan pensyarah dalam program penanaman pokok





Tanam pokok bersama pelajar

PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

ULU SELANGOR, 6 DISEMBER 2025

Program Penanaman Pokok Bersama Puspanita Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah diadakan di Hutan Simpan Ulu Selangor pada 6 Disember 2025. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar serta memperkukuh hubungan silaturrahim dalam kalangan warga jabatan.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada ahli PUSPANITA dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Sebanyak 300 pokok hutan pelbagai spesies seperti Merbau, Kapur, Damar minyak dan Merawan kancing telah ditanam di kawasan seluas lebih kurang 0.8 hektar.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat mendidik dan membudayakan peserta dengan aktiviti memelihara alam sekitar yang menjadi tanggungjawab bersama untuk menyokong agenda kerajaan bagi Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.



Tuan Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Pengerusi PUSPANITA mengambil peluang untuk tanam pokok

Tuan Timbalan Pengarah Operasi dan keluarga menjadi peserta VIP untuk tanam pokok



Bergambar bersama peserta



Tanaman pokok oleh ahli PUSPANITA



PHDST dan keluarga juga menjadi peserta VIP untuk program ini

JP WILAYAH

PERSEKUTUAN

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	5 JULAI 2025	SANTAI @ TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL) SIRI 4 2025 BERSAMA PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT TANPA OBESITI DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN (KKM WP)	93
2	12 DAN 13 JULAI 2025	KUALA LUMPUR *FOREST ECO PARK ENDURANCE* (KLFEPE) 2025: *FROM FOREST TRAILS TO CITY STREETS*	94
3	25 JULAI 2025	SANTAI @ TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR SIRI 6 BERSAMA PEJABAT SURUHAN JAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA KUALA LUMPUR	95
4	29 SEPTEMBER 2025	PROGRAM CEPA KELESTARIAN ALAM “1 PESERTA 10 POKOK”	96
5	8 DISEMBER 2025	MENYANTUNI DELEGASI PROGRAM LAWATAN MUHIBBAH PERSATUAN WANITA JABATAN PERHUTANAN SABAH (P’WAJAH)	97
6	14 DISEMBER 2025	COOPWALK IYC 2025 DARI DBKL KE TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL) DAN MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN TAHUN KOPERASI ANTARABANGSA IYC 2025	98

SANTAI @ TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL) SIRI 4 2025 BERSAMA PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT TANPA OBESITI DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN (KKM WP) WILAYAH PERSEKUTUAN

Disediakan oleh: Mohamad Akhyar bin Abd. Rasid
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 5 JULAI 2025

S@TER Siri 4 2025 bersama program Gaya Hidup Sihat Tanpa Obesiti dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) dan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia Wilayah Persekutuan (KKM WP) di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL), Bukit Nanas.



Penyerahan anak pokok daripada JPWP kepada Kakitangan KKM WP

Program ini disertai oleh seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan KKM WP Kuala Lumpur yang menggabungkan elemen pendidikan alam sekitar, aktiviti kesedaran dan kesihatan bersama kakitangan KKM WP.

Program ini dijangka memberi impak positif dari sudut kesedaran sosial, pendidikan alam sekitar dan memupuk nilai inklusif dalam kalangan masyarakat. Pihak JPWP dan KKM amat menghargai sokongan semua pihak yang terlibat serta komited menyokong kesedaran awam mengenai kesan negatif obesiti melalui pendekatan beriadah bersama alam sekitar dan membudayakan amalan gaya hidup sihat seharian.



Menyusuri denai dan Titian Silara



Pocket Talk oleh pegawai JPWP berkenaan ekosistem hutan bandar



Bergambar bersama peserta



Santai riadah di sekitar TERKL

KUALA LUMPUR *FOREST ECO PARK ENDURANCE* (KLFEPE) 2025: *FROM FOREST TRAILS TO CITY STREETS*

Disediakan oleh: Mohamad Akhyar bin Abd Rasid
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 12 DAN 13 JULAI 2025

Edisi kedua KLFEPE telah berlangsung pada 12 dan 13 Julai 2025 di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL), Hutan Simpan Bukit Nanas. Sesi pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan), mewakili Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Turut hadir, YBrs. Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan.

Tahun ini mencatat peningkatan penyertaan seramai 65 pelari dari Malaysia, Jepun, United Kingdom dan Vietnam berbanding 45 peserta pada edisi sulung pada tahun 2024. Peserta bersaing mengikut kategori masa tiga (3) jam, enam (6) jam dan 12 jam melalui laluan sejauh 4.65 kilometer di dalam dan sekitar TERKL.

Bukan sekadar larian, program ini turut mempromosikan TERKL sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, di samping meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kawasan '*Green Lung*' ibu kota. Turut diadakan, edaran anak pokok bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia. Acara turut dimeriahkan dengan *Ultra Sunglass Watermelon Run* yang pastinya mencabar dan menyeronokkan.



Sesi bergambar bersama peserta



Pelepasan peserta



Edaran anak pokok kepada peserta oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)

SANTAI @ TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR SIRI 6 BERSAMA PEJABAT SURUHAN JAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Mohamad Aidel Wafie bin Miswan
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 25 JULAI 2025

S@TER Siri 6 2025 bersama program Gaya Hidup Sihat di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur serta program *Corporate Social Responsibility, Communication, Education, Participation And Awareness* (CEPA) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) dan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Kuala Lumpur (SPRMKL) di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL), Bukit Nanas. Program ini telah di hadiri oleh YBrs. Tn. TPj. Zakkuan bin Talib, Pengarah SPRM KL, YBrs. Tn. Arafat bin Ibrahim, Timbalan Pengarah Operasi SPRM KL dan warga SPRM KL.

Program ini disertai oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia Kuala Lumpur yang menggabungkan elemen pendidikan alam sekitar, aktiviti kesedaran dan kempen plastik sekali guna di TERKL. Selain itu, aktiviti penanaman dan edaran pokok spesies Tongkat ali sebanyak enam (6) pokok telah diberi kepada pihak SPRMKL.

Program ini dijangka memberi impak positif dari sudut kesedaran sosial, pendidikan alam sekitar dan pemupukan nilai inklusif dalam kalangan masyarakat. Pihak JPWP dan SPRMKL amat menghargai sokongan semua pihak yang terlibat serta komited menyokong kesedaran awam mengenai kesan menjaga kebersihan terhadap pembuangan plastik di Taman Eko Rimba amat penting.



Sesi menanam pokok Tongkat ali



Sesi bergambar bersama Kakitangan SPRM KL



Sesi berjalan sekitar Taman Eko Rimba Kuala Lumpur

PROGRAM CEPA KELESTARIAN ALAM "1 PESERTA 10 POKOK"

Disediakan oleh: Mohamad Aidel Wafie bin Miswan
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 29 SEPTEMBER 2025

Program CEPA Kelestarian Alam "1 Peserta 10 Pokok" telah berjaya dilaksanakan di Hutan Simpan Sungai Besi dengan penglibatan seramai 70 orang peserta daripada Syarikat Terra Energy dan Syarikat Biotropics bagi menyokong agenda Penghijauan Malaysia. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Samsu Anuar bin Nawi, Pengarah Bahagian (Ladang Hutan) yang hadir bagi memantau pelaksanaan program serta memberi sokongan terhadap inisiatif kelestarian alam sekitar.

Program ini telah dimulakan dengan taklimat penguatkuasaan oleh pihak Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebelum peserta menyertai aktiviti *jungle trekking* sejauh 500 meter menuju ke tapak Arboretum Kebangsaan dan kawasan penanaman pokok. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan *Pocket Talk* berkaitan hutan bandar dan usaha pemeliharaan hutan yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan.

Kempen Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna turut dijalankan sebagai langkah meningkatkan kesedaran peserta terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan kelestarian hutan. Aktiviti kemuncak program ini ialah penanaman sebanyak 1,000 anak pokok daripada pelbagai spesies, yang dilaksanakan sebagai sokongan kepada agenda nasional Penghijauan Malaysia.

Program ini dijangka memberi impak positif dari sudut kesedaran sosial, pendidikan alam sekitar dan pemupukan nilai inklusif dalam kalangan masyarakat dari penjagaan pokok dan pentingnya tumbuhan kepada manusia.



Pelepasan peserta



Sesi bergambar bersama peserta



Aktiviti penanaman pokok di sekitar Hutan Simpan Sungai Besi

MENYANTUNI DELEGASI PROGRAM LAWATAN MUHIBBAH PERSATUAN WANITA JABATAN PERHUTANAN SABAH (P'WAJAH)

Disediakan oleh: Mohammad Aidel Wafie bin Miswan
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 8 DISEMBER 2025

Pada 8 Disember 2025, Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) di Bukit Nenas menjadi lokasi utama Majlis Ramah Mesra anjuran PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sempena Lawatan Muhibbah Persatuan Wanita Jabatan Perhutanan Sabah (P'Wajah). Lawatan sulung ini melibatkan 20 delegasi yang menjalani program selama seminggu di beberapa negeri termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi dan Kedah.

Program dimulakan dengan aktiviti penanaman lima (5) pokok di Dataran Meranti, TERKL, sebagai simbolik usaha bersama dalam Program Penghijauan. Antara pokok yang ditanam ialah Kandis (*Garcinica* s.p), Asam jawa (*Tamarindus indica*), Rambai kampung (*Baccaurea motleyana*), Jambu laut (*Syzygium grande*) dan Cermai (*Phyllanthus acidus*). Aktiviti ini dipimpin oleh YBhg. Datin Dr. Siti Arbaiyah bt Mun Sarikh, Pengerusi PUSPANITA JPSM bersama YBhg. Datin Rosita S P Limy, Pengerusi P'Wajah. Turut hadir adalah YBhg. Datin Hjh. Nor Yati bt Ani, Timbalan Pengerusi PUSPANITA JPSM, Puan Junaina Salidin, Timbalan Pengerusi P'Wajah dan Puan Nik Norhafiza bt Nik Razali, Pengerusi PUSPANITA Wilayah Persekutuan. Turut hadir, En. Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan serta menyampaikan sedikit taklimat ringkas yang memberikan gambaran menyeluruh tentang pengurusan dan inisiatif pemuliharaan di TERKL.

Delegasi juga berpeluang menjelajah kawasan sekitar dan merasai pengalaman aktiviti Titian Silara, satu tarikan utama TERKL yang menawarkan pandangan unik ke dalam ekosistem hutan tropika yang terpelihara. Majlis Ramah Mesra ini menjadi platform penting untuk mengukuhkan hubungan antara jabatan perhutanan Sabah dan Semenanjung Malaysia serta menyemai komitmen bersama dalam usaha memelihara warisan hijau negara demi kesejahteraan generasi akan datang.



Sesi bergambar bersama Pengerusi PUSPANITA P'WAJAH



Aktiviti berjalan di Titian Silara TERKL



Gambar kenangan ahli PUSPANITA yang hadir bersama

COOPWALK IYC 2025 DARI DBKL KE TERKL DAN MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN TAHUN KOPERASI ANTARABANGSA IYC 2025

Disediakan oleh: Mohamad Aidel Wafie bin Miswan
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2025


Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, KSU (KUSKOP). Hadir sama adalah YBhg. Dato' Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, CEO Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), YBhg. Dato' Sri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Haji Roslan bin Rani, TKP (DP) mewakili Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBrs. Tuan Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan dan YBrs. Tuan Khairil Faizal bin Othman, CEO KL Tower serta wakil-wakil pegawai koperasi dari negara asia iaitu Filipina, Kemboja, Vietnam, Timor Leste dan Indonesia.

Pihak JPWP/TERKL telah dipilih buat kali kedua iaitu Majlis Pembukaan Sambutan IYC 2025 yang berlangsung pada Januari 2025 lalu dan hari ini pula adalah untuk Majlis Penutupan Sambutan IYC 2025. Dalam program kali ini, pihak ANGKASA juga telah melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui sumbangan sebanyak 50 unit papan tanda pokok di denai-denai hutan dan sekitar TERKL yang bertujuan untuk memberi maklumat berkonsepkan pendidikan alam kepada para pengunjung di TERKL. CSR ini juga adalah usaha untuk mewujudkan nilai tambah baharu kepada aktiviti-aktiviti sedia ada supaya TERKL lebih menarik minat pengunjung dalam dan luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti.

Selain itu, sebanyak tujuh (7) pokok dari spesies Tongkat ali (4), Kandis (1), Kundang (1) dan Asam jawa (1) telah di tanam oleh tetamu kehormat dan tetamu jemputan sebagai tanda sokongan berterusan kepada program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.



Aktiviti memanam pokok Tongkat ali



Sesi berjalan sekitar TERKL



Memasang papan tanda pada pokok Inggir burung

BAHAGIAN PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN

JULAI–DISEMBER 2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	25 HINGGA 28 OGOS 2025	KURSUS JURUAUDIT DALAMAN PEMANTAPAN PELAKSANAAN PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN MENGIKUT *STANDARD MALAYSIAN CRITERIA AND INDICATORS FOR SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT* (MC&I SFM)	99
2	16 HINGGA 19 SEPTEMBER 2025	PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-45	100
3	13 HINGGA 14 OKTOBER 2025	KURSUS PEMANTAPAN JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	101
4	19 DISEMBER 2025	BANCI PERTANIAN 2024	102

KURSUS JURUAUDIT DALAMAN PEMANTAPAN PELAKSANAAN PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN MENGIKUT *STANDARD MALAYSIAN CRITERIA AND INDICATORS FOR SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT* (MC&I SFM)

Disediakan oleh: Mohd Shafiq bin Abd Latif @ Ismail
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

KEPONG, 25 HINGGA 28 OGOS 2025

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Kursus Juruaudit Dalaman Pemantapan Pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan Mengikut *Standard Malaysian Criteria And Indicators For Sustainable Forest Management* (MC&I SFM) telah dilaksanakan di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan Kepong pada 25 hingga 28 Ogos 2025.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkasakan pengetahuan dan kompetensi pegawai juruaudit berkaitan proses Audit Dalaman Pensijilan Pengurusan Hutan di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, kursus ini bertujuan memberikan pendedahan yang komprehensif kepada para peserta mengenai metodologi pengauditan yang berkesan serta perkembangan semasa dalam platform pengauditan.

Seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Gred 6 hingga Gred 10 telah menyertai kursus ini. Bagi memperkayakan pengisian program, penceramah undangan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut dijemput. Perkongsian silang agensi ini menyalurkan input baharu yang kritikal bagi membantu para juruaudit jabatan melancarkan lagi proses semakan audit dalaman MC&I SFM.

Secara kesimpulannya, kursus ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberikan impak yang amat positif. Program peningkatan kapasiti seumpama ini wajar dijadikan acara tahunan bagi memastikan pegawai juruaudit sentiasa peka terhadap maklumat, perundangan dan keperluan terkini. Hal ini penting bagi menjamin kualiti dan integriti proses semakan audit dalaman MC&I SFM secara berterusan.



Peserta kursus diberikan input positif daripada penceramah dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



Peserta kursus diberikan pendedahan yang mendalam mengenai kaedah semakan Audit Dalaman MC&I SFM



Aktiviti latihan secara berkumpulan dilaksanakan didalam kursus ini

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA (PPNSM) KE-45

Disediakan oleh: Dionysia binti Modingin
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

SEREMBAN, 17 HINGGA 19 SEPTEMBER 2025

Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-45 (PPNSMKe-45) telah diadakan pada 17 hingga 19 September 2025 di Hotel Royal Chulan Seremban, Negeri Sembilan dengan lancar dan jayanya. Tuan rumah persidangan iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dengan urus setia Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan telah berjaya menganjurkan persidangan yang diadakan secara kehadiran fizikal sepenuhnya. Sebanyak lapan (8) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman telah dibentang dan dibincangkan dalam PPNSMKe-45 yang meliputi aspek dasar, teknikal, hala tuju dan pengurusan hutan.



YBhg. Dato' Hj Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia mempengerusikan PPNSMKe-45

Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (PPNSM) merupakan aktiviti tahunan tertinggi di peringkat Jabatan dan merupakan platform perbincangan bagi membincang, meneliti dan membuat keputusan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi berkaitan dasar, teknikal dan pengurusan hutan. Ahli-Ahli PPNSM ini terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), semua Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua Unit di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).



Gambar dalam dewan persidangan semasa PPNSMKe-45 sedang berlangsung

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia selaku Pengerusi persidangan telah merasmikan persidangan ini. Adalah menjadi harapan jabatan agar keputusan persidangan ini dapat memperkukuh komitmen jabatan terhadap pengurusan hutan secara lestari.



Sesi bergambar oleh semua ahli persidangan PPNSMKe-45



Ucapan selamat datang kepada delegasi PPNSMKe-45 oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan selaku tuan rumah



Direktorat JPSM bergambar kenangan bersama Puan Rashidah binti Sharif, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan yang akan bertukar tempat kerja ke jabatan baharu

KURSUS PEMANTAPAN JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Yumarnis binti Riasmi
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

KEPONG, 13 DAN 14 OKTOBER 2025

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Kursus Pemantapan Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang dihadiri oleh seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

Kursus Pemantapan Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015 JPSM merupakan salah satu kursus yang dirancang dalam Pelan Operasi Latihan (POL) bagi tahun 2025. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan memantapkan kemahiran Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015 dalam melaksanakan pengauditan di peringkat IPJPSM dan JPN yang terlibat. Kursus selama dua (2) hari ini merangkumi sesi perbincangan berkumpulan dan pembentangan oleh para peserta yang memberi tumpuan kepada teknik pengauditan yang relevan dan berkesan. Pendekatan ini dapat memperkukuh kompetensi peserta dalam mengenalpasti peluang penambahbaikan di Jabatan dan menjadi persediaan sebelum melaksanakan audit dalaman.

Secara keseluruhannya, kursus ini berjaya mencapai objektif penganjurannya. Penganjuran kursus ini akan terus diperkasa bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti JPSM sentiasa berada pada tahap optimum dan selaras dengan standard MS ISO 9001:2015.



Peserta bergambar bersama penceramah kursus



Peserta sedang mengikuti kursus yang disampaikan oleh penceramah

BANCI PERTANIAN 2024

Disediakan oleh: Nor Izzati binti Othman
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

DEWAN DAMAR MINYAK, IPJPSM, 19 DISEMBER 2025

Banci Pertanian 2024 merupakan inisiatif nasional yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi memperoleh gambaran menyeluruh ekosistem pertanian negara termasuklah mengumpul stok dan profil sektor pertanian meliputi dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi *agriculture holdings*; menyediakan input utama untuk merangka polisi sektor pertanian oleh pelbagai pihak berkepentingan, menjadi input penanda aras dalam penyediaan indikator sektor pertanian; dan menyediakan rangka pensampelan *agriculture holdings* untuk banci pertanian masa hadapan.

Seiring dengan matlamat tersebut, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) amat bertuah apabila Banci Pertanian 2024 edisi keempat telah mengiktiraf kluster perhutanan dan pembalakan yang diterajui oleh JPSM sebagai sebahagian penting dalam landskap pertanian Malaysia.

Majlis Pelancaran Banci Pertanian 2024 telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 4 Julai 2024 di MAEPS dan seterusnya pelaksanaan banci bermula serentak di seluruh negeri pada 7 Julai 2024 hingga 10 Oktober 2024. Sejak peringkat awal, pelbagai siri mesyuarat, bengkel teknikal dan sesi libat urus telah dianjurkan bagi memastikan proses bancian berjalan dengan lancar, tepat dan berintegriti.

Sebagai mengiktiraf sumbangan yang begitu signifikan, Jabatan Perangkaan Malaysia dengan penuh penghargaan menyampaikan plak cenderahati serta sijil kepada JPSM yang telah memberikan komitmen tinggi dalam menjayakan Banci Pertanian 2024.



YBhg. Dato' KPPSM menyampaikan sijil penghargaan kepada urusetia yang terlibat



YBhg. Dato' KPPSM menerima plak penghargaan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

JULAI–DISEMBER 2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	29 DAN 30 JULAI 2025	PELAN STRATEGIK PERHUTANAN SOSIAL 2021-2025	103
2	28 OGOS 2025	KUNJUNGAN DELEGASI FIJI KE IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	104
3	21 NOVEMBER 2025	LAWATAN TEKNIKAL VIETNAM *FARMERS' UNION* (VNFU)	105

PELAN STRATEGIK PERHUTANAN SOSIAL 2021-2025

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

PUTRAJAYA, 29 DAN 30 JULAI 2025

Bengkel Pelan Strategik Perhutanan Sosial 2021-2025 telah diadakan di Hotel Dorsett, Putrajaya melibatkan penyertaan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), wakil dari tiga (3) wilayah hutan yang utama iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Hutan Sarawak (JHS), Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) dan agensi teknikal lain iaitu Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).



Perkongsian dari peserta bengkel

Objektif utama bengkel adalah:

- Melaporkan status perlaksanaan Pelan Strategik Perhutanan Sosial 2021-2025;
- Mengenalpasti Kemajuan, Cabaran dan Perancangan Masa Depan Perlaksanaan Pelan Strategik; dan
- Membentangkan perbandingan pencapaian antara tiga (3) wilayah hutan utama (Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Bengkel yang dilaksanakan merupakan platform awal bagi mewujudkan jalinan kerjasama yang baik terhadap penyediaan Pelan Strategik Perhutanan Sosial 2021-2025 bagi melaksanakan perancangan masa depan perhutanan sosial negara untuk diketengahkan di peringkat global.



Pengerusi sesi perbincangan, Puan Norsham binti Abdul Latif, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam



Para peserta Bengkel Pelan Strategik Perhutanan Sosial 2021-2025



Sesi perbincangan Pelan Strategik Perhutanan Sosial 2021-2025



Perkongsian wakil FRIM berkenaan perlaksanaan perhutanan sosial

KUNJUNGAN DELEGASI FIJI KE IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 28 OGOS 2025

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menerima kunjungan daripada Delegasi Fiji yang diketuai oleh Mr. Apisai Rinamalo selaku Timbalan Pemelihara Hutan dari Kementerian Perikanan dan Hutan, Fiji.

Selaku tuan rumah, sesi kunjungan hormat ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Tuan Haji Mohd Ridzuwan bin Endot, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, Dr Aldrich Richard, Pengarah Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan, Encik Harry Yong, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Puan Nabila Norshuhadah binti Mohd Hazzrol wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa bertanggungjawab ke atas tugasan koordinasi untuk menjayakan sesi kunjungan hormat antara dua (2) buah negara Malaysia - Fiji. Hasrat utama sesi kunjungan hormat ini adalah untuk menjalin kerjasama lebih erat melalui komitmen memorandum persefahaman antara Malaysia - Fiji dengan fokus keutamaan dalam bidang perhutanan merangkumi aspek pembangunan kapasiti pegawai, pertukaran pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan hutan tropika serta perkongsian kepakaran teknologi.



Sebahagian ahli mesyuarat yang bersama-sama ketika sesi kunjungan hormat dari negara Fiji



Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia menyampaikan cenderamata kepada Mr. Apisai Rinamalo selaku Ketua Delegasi dari Fiji sebagai tanda penghargaan di atas sesi kunjungan hormat



Mr Apisai Rinamalo selaku Ketua Delegasi dari Fiji menyampaikan hasrat utama tujuan kunjungan hormat ke IPJPSM

LAWATAN TEKNIKAL VIETNAM *FARMERS' UNION* (VNFU)

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2025

Vietnam *Farmers' Union* (VNFU) merupakan sebuah organisasi sosial-politik yang telah ditubuhkan sejak tahun 1930 dan kini mewakili lebih daripada sembilan juta ahli petani di seluruh Vietnam. Organisasi ini menjalankan aktiviti dari peringkat nasional hingga komuniti melalui cawangan, koperasi dan perusahaan kecil. Usahanya tertumpu kepada pembangunan pertanian, mengurangkan kemiskinan serta memacu pembangunan luar bandar yang mampan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan untuk memperkukuh kapasiti organisasi pengeluar hutan dan ladang (FFPOs), VNFU merancang satu lawatan teknikal ke Malaysia dari 18 hingga 22 November 2025. Lawatan ini dilaksanakan di bawah program *Forest and Farm Facility* (FFF) oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO). Melalui program ini, VNFU berusaha mempromosikan landskap berdaya tahan iklim, meningkatkan taraf hidup petani serta menggalakkan pengurusan hutan dan ladang yang lestari.

Delegasi lawatan ini terdiri daripada 23 peserta termasuk Naib Pengerusi VNFU, pemimpin VNFU-FFF, wakil peringkat wilayah, pegawai kerajaan daripada Kementerian Pertanian dan Alam Sekitar (MAE), fasilitator, rakan pelaksana serta seorang wakil CABI. Penyertaan pelbagai pihak ini mencerminkan usaha kolaboratif dalam meningkatkan kefahaman tentang pendekatan *agroforestry*, pengurusan hutan mampan serta penyelarasan antara pembangunan ekonomi dan perlindungan alam sekitar.



Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, Tuan Haji Mohd Ridzuwan bin Endot memulakan sesi taklimat



Pengarah Bahagian/Unit dan wakil Bahagian/Unit yang hadir ketika sesi kunjungan Delegasi VNFU



Ketibaan Delegasi VNFU di Blok Chengal, IPJPSM



LAWATAN TEKNIKAL VIETNAM *FARMERS' UNION* (VNFU)

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2025

Delegasi VNFU telah tiba di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) pada 21 November 2025 dan disambut oleh Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan bersama pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai bahagian dan unit di IPJPSM. Dalam sesi lawatan tersebut, Tn. Hj. Mohd Ridzuwan bin Endot, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, telah menyampaikan perkongsian komprehensif mengenai dasar serta pelaksanaan pengurusan hutan mampan, agroforestri, produk hasil hutan bukan kayu dan inisiatif nilai tambah dalam sektor perhutanan. Sesi ini bertujuan memperkukuh pertukaran ilmu dan pengalaman antara kedua-dua negara, khususnya dalam usaha mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar.

Selain itu juga, Delegasi VNFU turut berkesempatan untuk melaksanakan lawatan di lapangan melibatkan beberapa lokasi utama seperti Kompleks Ladang Hutan Ulu Sedili (KLHUS) di Johor pada 19 November serta Pulau Kempas dan Hutan Simpan Kuala Langat Utara di Selangor pada 20 November. Objektif utama lawatan ini adalah untuk mempelajari amalan terbaik Malaysia dalam pengurusan hutan dan pertanian yang berteraskan kelestarian. Delegasi ingin memahami bagaimana Malaysia menggabungkan pertanian dan pelancongan berasaskan alam, mempraktikkan perlindungan ekosistem untuk ketahanan iklim dan mengurus hutan secara mampan. Pengetahuan ini diharapkan dapat diaplikasikan di Vietnam bagi meningkatkan keupayaan komuniti petani dan organisasi FFPOs.



Delegasi VNFU menandatangani Buku Pelawat sebagai rekod rasmi dan tanda penghargaan lawatan



Delegasi VNFU bergambar kenangan bersama Pengarah serta pegawai-pegawai dari bahagian dan unit di IPJPSM





Sesi pertukaran cenderamata antara dua negara

BAHAGIAN

LATIHAN PERHUTANAN

JULAI–
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	30 JUN HINGGA 3 JULAI 2025	MESYUARAT TEKNIKAL PENANDAARAS PROGRAM DAN PENGIKTIRAFAN (AKREDITASI) ANTAR INSTITUT PERHUTANAN SABAH (IPS) JABATAN PERHUTANAN SABAH (JPS) DAN BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN (BLP), JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	106
2	14 JULAI HINGGA 30 OGOS 2025	LATIHAN TEKNIKAL PERHUTANAN (LTP) KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (KSPRH) SESI 2023-2025 DAN KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (KSPPH) SESI 2024-2025, INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN) DI NEGERI PAHANG	107
3	6 OKTOBER 2025	PENDAFTARAN PELATIH KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (KSPRH) SESI 2025-2027 DAN KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (KSPPH) SESI 2025-2026 INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN	108

MESYUARAT TEKNIKAL PENANDAARAS PROGRAM DAN PENGIKTIRAFAN (AKREDITASI) ANTAR INSTITUT PERHUTANAN SABAH (IPS) JABATAN PERHUTANAN SABAH (JPS) DAN BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN (BLP), JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim
Bahagian Latihan Perhutanan

SELANGOR - TERENGGANU, 30 JUN HINGGA 3 JULAI 2025

Tiga (3) Siri Mesyuarat Teknikal Penandaaras Program Latihan & Pengiktirafan telah diadakan ditiga lokasi yang berbeza bertujuan untuk menyelaraskan program latihan perhutanan dan menggariskan langkah-langkah yang diperlukan untuk mendapatkan akreditasi *Malaysian Qualifications Agency* (MQA). Mesyuarat Teknikal Siri 1 telah diadakan pada 30 Jun 2025 di Institut Latihan Perhutanan Kepong (FORTRAIN) diikuti dengan Mesyuarat Teknikal Siri 2 pada 1 Julai 2025 di MQA Cyberjaya dan Mesyuarat Teknikal Siri 3 pada 3 Julai 2025 di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT), Kuala Berang.

Antara fokus utama perbincangan tertumpu kepada:

- Dokumentasi akteditasi yang mantap dan lengkap iaitu perkongsian proses kerja dan keperluan penting untuk penyediaan dokumen akreditasi yang mantap.
- Latihan berasaskan kompetensi iaitu meningkatkan strategi pengurusan bagi progam latihan yang menumpukan kepada pembangunan kecekapan khusus.
- Penandaaras amalan terbaik iaitu pembelajaran daripada pendekatan pengurusan sumber manusia di FORTRAIN dan PLPT.

Melalui perkongsian yang berharga ini, kedua-dua Bahagian Latihan Perhutanan (FORTRAIN dan PLPT) serta MQA telah memberikan pandangan kritikal mengenai pelbagai aspek latihan dan akreditasi. Ini termasuk pendekatan masing-masing terhadap pelaksanaan kurikulum, strategi latihan berasaskan kompetensi, kaedah pemantauan hasil pembelajaran, serta mekanisme pengurusan sumber bagi tenaga pengajar dan peserta latihan. Usaha penandaarasan dan akreditasi latihan ini dijangka akan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan kebangsaan program latihan perhutanan di Sabah secara signifikan.

Delegasi Jabatan Perhutanan Sabah, terdiri daripada 12 orang pegawai, diketuai oleh Encik Roslan Lalete, Ketua Bahagian Pengurusan dan Latihan. Rombangan ini juga turut disertai Encik Mohammad Abu Bakar, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Hutan dari Pejabat Setiausaha Hasil Bumi Sabah.



Sesi bergambar bersama delegasi JPS dengan Pengarah dan kakitangan BLP



Delegasi JPS diberikan penerangan berkaitan Kursus Jentera Berat di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT)



Perjumpaan delegasi JPS bersama pihak MQA bagi dokumentasi akreditasi yang mantap dan lengkap

LATIHAN TEKNIKAL PERHUTANAN (LTP) KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (KSPRH) SESI 2023-2025 DAN KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (KSPPH) SESI 2024-2025, INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN) DI NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim
Bahagian Latihan Perhutanan

KARAK, 14 JULAI HINGGA 30 OGOS 2025

Seramai 113 orang pelatih terdiri daripada pelatih Kursus Perhutanan Pengawas Hutan dan pelatih Kursus Perhutanan Renjer Hutan telah menyertai LTP kali ini yang bertempat di Kompartmen 14, Hutan Simpan Lentang, Sungai Krau, Karak, Pahang. Bilangan ini juga termasuk seramai 30 orang pelatih daripada Jabatan Hutan Sarawak yang mengikuti Kursus Perhutanan Pengawas Hutan. Selain itu, seramai 15 orang tenaga pengajar FORTRAIN telah diamanahkan bagi menyelaras dan membantu pelaksanaan kursus ini. Program ini telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

Objektif utama program LTP ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelatih mempraktikkan subjek-subjek yang telah dipelajari dalam bilik kuliah sebelum ini secara *hands-on* di lapangan. Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat adalah Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja, Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F), Penandaan Pokok, Pengusahasilan Hutan, Penguatkuasaan Hutan, Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F), Rawatan Silvikultur, Ladang Hutan, Tapak Semaian, Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman, Hutan Lipur, Balai Pemeriksaan Hutan (BPH), Industri Berasaskan Kayu, Amali Dendrologi, Aktiviti Sosial serta lawatan ke agensi-agensi berkaitan perhutanan.

Majlis penutupan LTP ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Turut hadir, YBhg. Dato' Haji Mohd Roslan bin Rani (Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato’ Mohd Radhi Chu bin Abdullah (Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Teknikal), YBhg. Dato’ Zainuddin bin Jamaluddin (Pengarah Perhutanan Pahang), YBrs. Tuan Haji Ramli bin Mat (Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan), Pengarah-Pengarah Bahagian dan pegawai serta kakitangan JPSM, JPN Pahang, JH Sarawak.



Tenaga pengajar memberi penerangan kepada pelatih sebelum latihan amali di lapangan dijalankan



Sesi pembelajaran mengenalpasti pokok-pokok bahaya di sekitar kawasan Taman Eko Rimba Chamang



Majlis Perasmian Penutupan LTP oleh YBhg. Dato’ Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung malaysia

PENDAFTARAN PELATIH KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (KSPRH) SESI 2025-2027 DAN KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (KSPPH) SESI 2025-2026 INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim
Bahagian Latihan Perhutanan

KEPONG, 6 OKTOBER 2025

Seramai 123 pelatih yang terdiri daripada 26 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) sesi 2025-2027 dan 97 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2025-2026 telah hadir melaporkan diri di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN).

Semua pelatih yang melapor diri pada hari tersebut telah diberikan taklimat berkaitan Peraturan-peraturan FORTRAIN serta berpeluang mendengar kata-kata aluan yang telah disampaikan oleh Encik Nor azirim bin Ahmad, Pengetua FORTRAIN.

Proses pelaksanaan kemasukan pelatih ke FORTRAIN telah dilaksanakan dengan baik dan teratur. Sehingga kini, FORTRAIN telah melahirkan ramai pelatih dan kakitangan perhutanan yang kompeten dan berkemahiran dalam bidang perhutanan.

Bahagian Latihan Perhutanan mengucapkan selamat datang dan selamat menjalani kuliah kepada semua pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) sesi 2025-2027 dan pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2025-2026, FORTRAIN.



Sesi pengukuran dan pemilihan saiz baju, topi dan kasut pelatih



Sesi penyampaian taklimat dan soal jawab bersama tenaga pengajar dan pelatih baru







Sesi pendaftaran dan penghantaran borang-borang butiran diri kepada pihak urus setia

BAHAGIAN

FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

JULAI-DISEMBER

2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	10 SEPTEMBER 2025	PROGRAM *HIKING* MERDEKA 2025 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	109
2	8 NOVEMBER 2025	PERTANDINGAN *ORIENTEERING* LESTARI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA	110

PROGRAM *HIKING* MERDEKA 2025 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Muhammad Hanif bin Hamzah
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri

TAMAN TUGU KUALA LUMPUR, 10 SEPTEMBER 2025

Program *Hiking* Merdeka 2025 diadakan pada 10 September 2025 di Taman Tugu, Kuala Lumpur sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (PKSIP) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (PUSPANITA JPSM).



Sesi pemanasan badan para peserta sebelum memulakan pertandingan *Hiking* Merdeka 2025

Program *Hiking* Merdeka 2025 ini seiring dengan aktiviti pendakian yang menjadi trend dan semakin diminati oleh rakyat pada Malaysia pada masa kini. Program ini terbahagi kepada (2) acara iaitu Cabaran Merdeka dan Santai Merdeka. Acara Cabaran Merdeka melibatkan dua (2) kategori iaitu Lelaki Terbuka dan Wanita Terbuka di mana peserta perlu menamatkan cabaran *hiking* di denai Taman Tugu dalam tempoh 60 minit dan peserta yang berjaya mengumpul jarak paling jauh di kira sebagai pemenang.

Bagi acara Santai Merdeka pula melibatkan satu (1) kategori iaitu Terbuka di mana peserta perlu menghantar gambar yang bertemakan Hutan Merdeka. Pemenang ditentukan berdasarkan kepada empat (4) kriteria iaitu ketepatan tema, kreativiti komposisi dan teknik fotografi. Pemenang Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap acara menerima hadiah beruba barangan *outdoor*. Selain itu, terdapat juga aktiviti Zumba serta cabutan bertuah bagi memeriahkan lagi program.



Pemberian hadiah kepada pemenang *Hiking* Merdeka 2025



Sesi bergambar urusetia bersama Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal)



Sesi bergambar bersama peserta dan urusetia setelah tamat pertandingan

PERTANDINGAN ORIENTEERING LESTARI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA

Disediakan oleh: Muhammad Hanif bin Hamzah
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri

TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL), 8 NOVEMBER 2025

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri telah menganjurkan Pertandingan *Orienteering* Lestari bersempena sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2025 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Program ini diadakan pada 8 November 2025 dan bertempat di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TerKL). Pertandingan ini menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai jabatan dan agensi di bawah NRES bagi kategori Agensi/Bahagian bawah NRES, manakala warga Ibu Pejabat JPSM (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bertanding di bawah kategori JPN/IPJPSM.

Pertandingan ini akan melibatkan sebanyak 20 *Check Point* (CP) di mana peserta perlu mendapatkan skor masing-masing di CP yang disediakan dan strategi peserta memainkan peranan penting kerana mereka perlu merancang laluan paling optimum untuk mengumpul markah tertinggi dalam masa yang terhad. Pemenang ditentukan berdasarkan jumlah mata paling tinggi dan tempoh masa paling cepat

Majlis penutup acara ini turut disempurnakan dengan penyampaian sijil kepada para peserta. Upacara penyampaian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, yang turut merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat serta menekankan kepentingan aktiviti rekreasi hutan sebagai medium pembudayaan gaya hidup sihat dan memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar.



Sesi bergambar bersama urusetia dan peserta program selepas tamat pertandingan *Orienteering* Lestari





Sesi bergambar bersama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia sebelum pelancaran pertandingan *Orienteering* Lestari

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

JULAI-DISEMBER 2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	10 JUN 2025	KURSUS PENGGUNAAN E-MEL MYGOVUC 3.0: MEMACU KECEKAPAN DIGITAL DAN PENGUASAAN KOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN	111
2	21 HINGGA 24 OKTOBER 2025	PERTANDINGAN *ORIENTEERING* LESTARI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA	112

KURSUS PENGGUNAAN E-MEL MYGOVUC 3.0:
MEMACU KECEKAPAN DIGITAL DAN PENGUASAAN KOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN

Disediakan oleh: Yuhanis binti Mohd Amin
Bahagian Pengurusan Maklumat

KUALA LUMPUR, 10 JUN 2025

MyGovUC (Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan) merupakan platform perkhidmatan bersepadu kerajaan yang diuruskan secara berpusat oleh Jabatan Digital Negara (JDN). Ia dilaksanakan sebagai *Software as a Service* (SaaS) bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam. Perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh MyGovUC 3.0 merangkumi Sistem E-mel, Persidangan Dalam Talian (*Meet*), Penghantaran Fail Bersaiz Besar (*Drive*) dan Perbualan Secara Berkumpulan (*Chat*). Selaras dengan kepentingan platform ini, Kursus Penggunaan E-mel MyGovUC 3.0 bagi tahun 2025 telah dilaksanakan dengan tujuan utama untuk memberi pendedahan kepada pengguna tentang fungsi dan penggunaan E-mel MyGovUC.

Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan telah berlangsung selama sehari pada 10 Jun 2025 bertempat di Bilik Latihan BPM, IPJPSM. Seramai 23 orang peserta dari Gred G1 hingga G8 telah hadir. Kursus ini telah disampaikan oleh dua (2) orang penceramah dari bahagian yang sama, iaitu Encik Muhammad Hafizul Hilmi bin Abu Bakar dan Puan Noriswani binti Za'aldin.

Berdasarkan laporan penilaian peserta, kursus ini secara keseluruhannya telah dinilai sebagai penting dan relevan. Maklum balas peserta terhadap kursus secara keseluruhannya adalah positif di mana kandungan kursus mendapat peratusan persetujuan tertinggi sebanyak 88%. Aspek teknik dan kaedah penyampaian, serta manfaat peningkatan pengetahuan kerja, kedua-duanya mencatat 83% persetujuan. Selain itu, prestasi penceramah dinilai cemerlang, di mana kedua-dua penceramah dilihat berpengalaman dan berjaya menyampaikan ceramah dengan jelas dan mudah difahami.

Kejayaan penganjuran Kursus Penggunaan E-mel MyGovUC 3.0 ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan literasi digital dan kecekapan operasi harian peserta dalam persekitaran kerja. Ini merupakan langkah penting bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk memastikan semua warga kerjanya memahami penggunaan sistem emel rasmi kerajaan dengan cekap, sekaligus memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan kolaboratif yang disediakan oleh MyGovUC bagi memperkukuh sistem pentadbiran jabatan.



Para peserta sedang tekun mengikuti sesi ceramah berkaitan penggunaan e-mel MyGovUC



Penyampaian ucapan alu-aluan oleh Pegawai Teknologi Maklumat

SESI LIBAT URUS PENYELARASAN MAKLUMAT GUNA TANAH KAWASAN BERHUTAN DAN PEMURNIAN METADATA DATA SPATIAL PERHUTANAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Asiah binti Ya'acob
Bahagian Pengurusan Maklumat

CAMERON HIGHLANDS, 21 HINGGA 24 OKTOBER 2025

Sesi Libat Urus Penyelarasan Maklumat Guna Tanah Kawasan Berhutan dan Pemurnian Metadata Data Spatial Perhutanan di Semenanjung Malaysia telah diadakan di Hotel Heritage, Cameron Highlands, Pahang.

Sesi ini telah dihadiri oleh 20 orang pegawai Jabatan Perhutanan Negeri serta 5 orang wakil agensi daripada PLANMalaysia, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), JKPTG, JUPEM, dan Pusat Geospatial Negara (PGN). Agensi-agensi berkenaan turut menyampaikan taklimat berkaitan kawasan berhutan, perkongsian teknologi sistem data geospatial (MyGeoserve) serta taklimat mengenai metadata geospatial.

Tujuan utama sesi libat urus ini adalah untuk mengumpul dan menyelaras maklumat berkaitan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia agar perekodan dapat diseragamkan antara agensi-agensi terlibat. Selain itu, sesi ini turut melibatkan pemurnian metadata geospatial perhutanan bersama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini telah membantu menyeragamkan maklumat metadata bagi kegunaan pangkalan data eGP Jabatan, sekaligus meningkatkan kecekapan perkongsian dan pengurusan data geospatial perhutanan.



Perasmian sesi libat urus oleh YBrs Puan Che Aslinaliza binti Che Ahmed, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat



Sesi libat urus yang terdiri daripada pegawai di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri, PLAN Malaysia, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), JKPTG, JUPEM dan Pusat Geospatial Negara (PGN)



Taklimat pengenalan sesi libat urus disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat

BAHAGIAN PERUNDANGAN & PENDAKWAAN

JULAI–DISEMBER 2025

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	7 DAN 8 OKTOBER 2025	MEMPERKASA TADBIR URUS KONTRAK: BENGKEL PENULISAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN KONTRAK KERAJAAN JPSM 2025	113
2	29 HINGGA 31 OKTOBER 2025	BENGKEL PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG: SENTUHAN PAKAR PERUNDANGAN LONJAK PRESTASI PENGUATKUASAAN PAHANG	114
3	26 HINGGA 28 NOVEMBER 2025	PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN MELALUI BENGKEL PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	115

MEMPERKASA TADBIR URUS KONTRAK: BENGKEL PENULISAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN KONTRAK KERAJAAN JPSM 2025

Disediakan oleh: Mohamad Afiq bin Mohd Affandi
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM

KEPONG, 7 DAN 8 OKTOBER 2025

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menjayakan Bengkel Pembangunan Kepakaran Perundangan: Penulisan dan Penyediaan Dokumen Kontrak Kerajaan pada 7 dan 8 Oktober 2025 bertempat di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor.



Penerangan terperinci mengenai tatacara Pembelian Terus dalam perolehan kerajaan oleh penceramah jemputan

Bengkel ini dihadiri oleh 30 orang pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan projek dan penyediaan draf kontrak di Ibu Pejabat JPSM. Objektif utama penganjuran adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta secara teori dan amali mengenai penyediaan dokumen kontrak yang bersistematik serta mematuhi pekeliling dan arahan semasa kerajaan.

Pendedahan ini amat penting bagi memastikan hak dan tanggungjawab antara Kerajaan dan Kontraktor direkodkan dengan jelas demi mengelakkan sebarang pertikaian berbangkit pada masa hadapan. Inisiatif ini diharap dapat melahirkan pegawai yang lebih kompeten dan teliti dalam menyediakan kontrak bagi Jabatan kelak.



Penceramah sedang mengupas topik berkaitan perundangan dan kontrak sambil diperhatikan oleh para peserta





Sesi bergambar kenang-kenangan barisan peserta bersama penceramah dan urus setia sejurus selesai majlis perasmian



Peserta yang memberikan tumpuan sepenuhnya semasa sesi ceramah bagi memahami intipati penyediaan dokumen kontrak

BENGKEL PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG: SENTUHAN PAKAR PERUNDANGAN LONJAK PRESTASI PENGUATKUASAAN PAHANG

Disediakan oleh: Mohamad Afiq bin Mohd Affandi
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan

CAMERON HIGHLANDS, 29 HINGGA 31 OKTOBER 2025

Komitmen Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dalam memperkasakan jentera penguatkuasaan negeri terus dipergiatkan menerusi Bengkel Pemutihan Kertas Siasatan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP). Program berimpak tinggi ini telah diadakan selama tiga (3) hari bermula 29 hingga 31 Oktober 2025 bertempat di Pejabat Perhutanan Daerah Cameron Highlands, Pahang.

Kejayaan bengkel ini didorong sepenuhnya oleh kehadiran delegasi tiga 3) orang Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dari IPJPSM yang bertindak sebagai pakar rujuk utama. Sepanjang sesi berlangsung, pihak TPR telah melaksanakan semakan teknikal yang mendalam terhadap setiap kertas siasatan. Fokus utama Bahagian Perundangan dan Pendakwaan adalah untuk mengenal pasti sebarang kelompangan dalam elemen pembuktian serta memberikan konsultasi perundangan yang tuntas agar setiap pertuduhan yang dirangka adalah kukuh, berasas dan bebas daripada kesilapan teknikal.

Hasil daripada bimbingan intensif dan sentuhan pakar perundangan ini, pencapaian yang amat membanggakan telah direkodkan apabila sebanyak 40 kertas siasatan berjaya diselesaikan sepenuhnya. Jumlah penyelesaian yang tinggi ini bukan sahaja berjaya mengurangkan kertas siasatan tertunggak di Pahang, malah membuktikan bahawa intervensi langsung daripada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan mendorong dalam melonjakkan kecekapan dan kualiti tatakelola pendakwaan jenayah perhutanan di peringkat negeri.



Sesi bergambar kenang-kenangan barisan peserta bersama sejurus selesai majlis perasmian



Deligasi Timbalan Pendakwa Raya daripada IPJPSM bersama barisan urusetia



Sesi bimbingan teknikal secara *one-on-one* oleh Timbalan Pendakwa Raya bagi memperkemas fakta kes dalam kertas siasatan

PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN MELALUI BENGKEL PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Mohamad Afiq bin Mohd Affandi
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM

KLANG, 26 HINGGA 28 NOVEMBER 2025

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan terus memperteguh peranannya sebagai tonggak utama dalam membantu meningkatkan mutu penguatkuasaan menerusi penganjuran Bengkel Pemutihan Kertas Siasatan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Bengkel berfokus ini berlangsung dari 26 hingga 28 November 2025 di KSL Esplanade Hotel dan melibatkan pegawai penyiasat dari seluruh JPNS.

Penganjuran bengkel ini mendapat suntikan kepakaran daripada tiga (3) Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang hadir khusus untuk memberi bimbingan teknikal, semakan secara komprehensif serta teguran pembaikan yang selaras dengan kehendak undang-undang semasa. Pendekatan *hands-on* ini membantu pegawai memahami keperluan penyediaan kertas siasatan mengikut piawaian pendakwaan yang berasas, termasuk aspek dokumentasi, keterangan saksi dan kekemasan kronologi kes.

Melalui sesi pemurnian yang dijalankan sepanjang bengkel, pelbagai isu yang sebelum ini menjejaskan kelancaran proses siasatan berjaya diperjelas dan ditambah baik. Usaha ini bukan sahaja memperkemas hasil kerja, malah meningkatkan keyakinan pegawai dalam menyediakan kertas siasatan yang lebih mantap dan berintegriti.

Secara keseluruhannya, bengkel ini mengukuhkan kedudukan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan sebagai rakan strategik dalam memastikan penyiasatan jabatan dilaksanakan secara profesional, efisien dan konsisten dengan kehendak perundangan semasa



Sesi bimbingan teknikal secara *one-on-one* oleh Timbalan Pendakwa Raya bagi memperkemas fakta kes dalam kertas siasatan



Sesi bimbingan teknikal secara *one-on-one* oleh Timbalan Pendakwa Raya bagi memperkemas fakta kes dalam kertas siasatan



Sesi bergambar kenang-kenangan barisan peserta bersama Timbalan Pendakwa Raya dan urus setia seusai Majlis Penutup bengkel

PUSPANITA

JULAI-
DISEMBER
2025

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	16 HINGGA 19 SEPTEMBER 2025	PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-45 TAHUN 2025	116

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-45 TAHUN 2025

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Setiausaha PUSPANITA JPSM

NEGERI SEMBILAN, 16 HINGGA 19 SEPTEMBER 2025

Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Peringkat Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-45 Tahun 2025 yang diadakan di Negeri Sembilan bermula pada 16 hingga 19 September 2025.

Objektif program ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri melalui pelbagai aktiviti yang telah disusun.

Seramai 18 orang ahli PUSPANITA termasuk anak-anak Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai program ini. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Tanaman Pokok dan Cerapan Astronomi di PD Forest@ Sungai Menyala, Mesyuarat PUSPANITA JPSM bersama pengerusi-pengerusi Jabatan Perhutanan Negeri serta lawatan ke Pusat Ikan Hiasan dan Kilang Telekung Siti Khadijah.



Lawatan ke Pusat Ikan Hiasan



Lawatan ke Kilang Telekung Siti Khadijah



Sesi Bergambar selepas Mesyuarat PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia



Aktiviti Penanaman Pokok di PD Forest@ Sungai Menyala



Aktiviti Penanaman Pokok oleh YBhg. Datin Hjh. Nor Yati binti Ani (Timbalan Pengerusi I PUSPANITA JPSM)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2616 4488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: http://www.forestry.gov.my